

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 36

Khamis

24 Jun 2010

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:

Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) (Halaman 34)

Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M 16(3) (Halaman 130)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

- Kuasa Menteri Membuat Peraturan Dalam Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78)
– Y.B. Tuan Er Teck Hwa (Bakri) (Halaman 131)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Khamis, 24 Jun 2010
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) sejauh manakah pihak kementerian memastikan sumber guru yang disediakan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) dapat memberikan didikan yang berkualiti supaya dapat memenuhi kehendak pasaran dan;
- (b) sejauh manakah pihak kementerian mengambil langkah untuk menggalakkan kaum-kaum bukan bumiputera untuk belajar di IKBN dan IKTBN.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Tuan Gan Ping Sieu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih diucapkan kepada soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Seri dari Bintulu. Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan tenaga pengajar IKBN dan IKTBN dapat memberikan didikan yang berkualiti, kementerian telah menjalankan program peningkatan kemahiran pengajar. Melalui program ini, para pengajar diberi latihan yang berterusan dalam bidang kerjaya yang mereka ceburi. Pada tahun ini sahaja, sebanyak 157 program telah dirancang dengan sasaran penglibatan seramai 1,590 orang pengajar.

Manakala untuk menarik minat semua kaum bagi mengikuti latihan di IKBN dan IKTBN, kementerian telah menyediakan peruntukan yang besar bagi menjalankan pelbagai promosi seperti pengiklanan di media cetak, media elektronik dan mengeluarkan video dokumentari dalam tiga bahasa utama iaitu bahasa Malaysia, bahasa Cina dan bahasa Tamil berhubung dengan latihan kemahiran di IKBN dan IKTBN serta pameran kerjaya di samping menjalankan *road show* sesi penerangan

berkaitan IKBN dan IKTBN. Dalam usaha untuk mempromosikan kursus-kursus ataupun latihan di IKBN dan IKTBN, sebanyak 45 program promosi telah dijalankan pada tahun yang lepas dan melibatkan sekurang-kurangnya 40,000 peserta. Ini tidak termasuk sesi-sesi penerangan oleh pemimpin-pemimpin komponen parti Barisan Nasional di peringkat akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, secara kesimpulan, kesedaran dan minat para belia untuk mengikuti latihan IKBN dan IKTBN tidak berkurangan. Misalannya permohonan untuk sesi pertama 2010 adalah 12,512 orang dan kekosongan yang dapat ditawarkan hanya 3,091 iaitu lebih kurang 25% sahaja. Sekian.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi. Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, masalahnya dalam jawapan atas kementerian selalu tidak sama bila kita melaksanakan. Adakah kementerian sedar terdapat sebahagian sumber guru yang disediakan di IKBN dan IKTBN adalah tidak mempunyai kelayakan yang sepatutnya? Manakala dengan arus teknologi yang semakin canggih masa kini terdapat kemudahan-kemudahan mesin yang disediakan kepada para pelajar di IKBN dan IKTBN kita dapati telah ketinggalan zaman.

Adakah kementerian merancang untuk memberi latihan kepada guru-guru tersebut bagi meningkatkan prestasi dalam teknik pengajaran, dan apakah kementerian merancang untuk membeli apa-apa alat ataupun kemudahan-kemudahan baru untuk tujuan tersebut dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh? Adakah usaha IKBN dan IKTBN sejajar dengan matlamat Model Ekonomi Baru untuk melahirkan generasi yang berpendapatan tinggi iaitu USD10,000-USD15,000 per kapita menjelang tahun 2020? Sekian, terima kasih.

Tuan Gan Ping Sieu: Terima kasih kepada soalan tambahan yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Seri dari Bintulu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian memang sedia menerima apa jua maklumat-maklumat berkaitan dengan dakwaan-dakwaan bahawa pengajar-pengajar di IKBN ataupun IKTBN tidak berpengalaman ataupun tidak ada kualiti, ataupun mutu pengajaran yang baik dan saya haraplah maklumat-maklumat ini boleh dibawa kepada kementerian dan saya nak ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri dari Bintulu.

■ 1010

Untuk menjamin mutu dan kualiti pengajar kita, sebagaimana saya telah sebut sebentar tadi, Program Peningkatan Kemahiran Pengajaran ini akan diteruskan. Ini

adalah demi menjamin bahawa kualiti pengajar kita tidaklah ketinggalan zaman kononnya. Berkaitan dengan peralatan-peralatan yang ketinggalan zaman, itu sememangnya bergantung kepada peruntukan dan bajet sedia ada.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan sememangnya beri pelaburan ataupun bajet yang tinggi untuk menaik taraf ataupun meningkatkan taraf peralatan-peralatan yang sedia ada. Misalnya di bawah RMKe-9, program pembangunan untuk IKBN dan IKTBN adalah sebanyak RM38 juta. Inilah suatu komitmen daripada kementerian. Sekian.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh ada difokuskan tentang *soft skill* iaitu satu kaedah untuk kita mengangkat belia-belia kita ini supaya memiliki satu tahap kemahiran yang tinggi, yang *marketable* dengan izin, yang akan membantu mempercepatkan pembangunan negara kita.

Jadi soalan tambahan saya, adakah kementerian ini memastikan bahawa IKBN ini tidak akan sama lagi persepsinya sepertimana sekolah-sekolah vokasional? Persepsi yang masuk IKBN ini golongan yang tercicir. Akan tetapi *soft skill* ini penting dan apakah langkah-langkah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya pendekatan *soft skill* ini akan mencapai matlamatnya? Ini supaya tidak adalah, *insya-Allah* IKBN sebagai tempat-tempat untuk mengeluarkan *terrorist* dan seumpamanya. Terima kasih.

Tuan Gan Ping Sieu: Terima kasih banyak sangat atas soalan tambahan yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian. Ia adalah satu cadangan yang membina. Saya sangat-sangat ucapkan terima kasih. *Soft skill* ini memanglah satu keutamaan yang akan diberi oleh kerajaan termasuklah Kementerian Belia dan Sukan. Untuk menjayakan *soft skill* ini, ia juga melibatkan beberapa kementerian termasuk Kementerian Sumber Manusia dan pusat-pusat vokasional seperti MARA dan sebagainya.

Kementerian juga memberi tumpuan dan perhatian ataupun keutamaan dalam memberi bajet untuk latihan luar IKBN. Segala-galanya sebenarnya adalah untuk membina modal insan dan juga *technician-technician* yang mencukupi untuk negara kita. Sekian.

2. **Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) adakah kerajaan berhasrat menimbangkan agar anggota tentera yang berkhidmat lebih dari 10 tahun tetapi kurang dari 21 tahun dipertimbangkan skim pencen kepada mereka; dan
- (b) adakah kerajaan berhasrat menyerap mereka yang berhenti selepas berkhidmat 10 tahun ke dalam perkhidmatan beruniform yang lain seperti polis, bomba dan lain-lain.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan (a), Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) sedang mengkaji cadangan untuk memberi pencen kepada veteran ATM yang telah berkhidmat selama 10 tahun, 15 tahun dan 18 tahun.

Oleh kerana isu pencen ini melibatkan beberapa perkara dasar yang menyentuh syarat-syarat perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia yang sedia ada, maka skim pencen yang dicadangkan ini perlu dihalusi dengan lebih mendalam. Bukan sahaja kerana ia mempunyai implikasi kewangan, malah ia juga memberi kesan yang *significant* kepada angkatan tentera yang sedang berkhidmat.

Justeru itu, Kementerian Pertahanan akan terus mendengar pandangan-pandangan daripada pelbagai pihak terutama daripada Skim Perkhidmatan supaya kita dapat halusi sehingga perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia memenuhi hasrat dan cita-cita mempertahankan negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan (b), setakat ini kerajaan belum lagi berhasrat untuk menyerap secara automatik bagi mana-mana veteran ATM untuk masuk ke dalam perkhidmatan beruniform seperti polis, bomba dan lain-lain kerana syarat-syarat perkhidmatan-perkhidmatan yang saya katakan tadi sebenarnya amat tertentu dan amat spesifik. Terima kasih.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjurus soalan saya ini dengan memberikan sedikit latar belakang khususnya kepada anggota lain-lain pangkat atau *other rank*. Kalau mereka berhenti untuk 10 tahun *service* atau 15 tahun *service*, bayangkan umur mereka ialah 40 tahun dan untuk umur 40 tahun, anak-anak masih lagi bersekolah atau masih kecil dan umur ini umur produktif. Umur 40 tahun bagi seorang tentera produktif. Yang kita bimbang Tuan Yang di-Pertua, ialah dengan umur begini, dengan masalah kewangan dan anak-anak, kalau mereka ini

tidak diberikan peluang untuk meneruskan kehidupan, kita takut mereka *demoralize*. Itu satu.

Yang kedua, jasa mereka ini seolah-olah ditinggalkan begitu sahaja. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana sedang mengkaji. Saya harap ia dikaji dengan cepat, buat keputusan dengan cepat walaupun kita tahu ada masalah skim dan sebagainya. Akan tetapi untuk peringkat awal ini, bolehkah dipertimbangkan satu jenis skim? Contohnya, selepas sahaja dia habis 10 tahun atau 15 tahun, paling tidak skim pencen sementara, contohnya lima tahun diberikan kepada dia untuk dia boleh *adjust* hidup di antara kehidupan tentera dengan kehidupan awam. Paling tidak pun ada *space* untuk lima tahun ataupun tiga tahun dia dapat *adjust* dalam kehidupan awam dia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Terima kasih di atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Sungai Petani. Beliau begitu prihatin walaupun bukan tentera tetapi semasa dekat Universiti Malaya bersama saya dahulu, dia ROTU.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena faham. Bila kita berkhidmat sebagai askar Angkatan Tentera Malaysia, pertama sekali dia mesti ada sifat kesediaan untuk berkhidmat. Jika dia hendak berhenti, sama ada dia selepas 10 tahun, 15 tahun atau 18 tahun, dan dia buat keputusan untuk berhenti, dia kena isi borang. Bila isi borang, dia akan melalui tiga proses. Dia akan dinasihatkan oleh Platun Komander, Kompeni Komander dan juga Batalion Komander. Maknanya, kalau – Platun Komander sekarang kapten, kalau Batalion Komander, leftenan kolonel, pegawai yang tinggi. Setiap kali dia hendak bersara, dia dinasihatkan dan sekarang kita sudah letakkan pegawai berpangkat mejar sebagai pegawai peralihan.

Yang jadi masalahnya, waktu dia hendak berhenti, oleh kerana gred cuti dan juga imbuhan daripada caruman Lembaga Tabung Antara Tentera (LTAT) terlalu banyak jika dibandingkan dengan bakal pencen yang mereka terima dan dia tidak ada pelan B, Tuan Yang di-Pertua – bila jadi macam ini, selepas dinasihatkan banyak kali – bukan sekali tetapi banyak kali, mereka juga tetap hendak berhenti. Jadi kita bagi dia berhentilah. Akan tetapi janganlah selepas berhenti, dia susah, dia kata macam-macam kepada kerajaan atau masuk pembangkang. Yang kita tahu, sejak angkatan tentera masuk perkhidmatan sehingga beliau habis perkhidmatan selepas pencen, kita sentiasa prihatin kepada mereka. Sebab itu kalau kita tengok statistik dan perangkaan, sekarang ini mereka yang berhenti selepas 15 tahun dan 18 tahun amat berkurangan berbanding dengan yang dulu-dulu.

■1020

Ekoran daripada itu, untuk menjawab soalan kedua daripada Yang Berhormat Sungai Petani supaya kita halusi memang kita halusi. Akan tetapi seperti saya katakan tadi ia akan mendatangkan kesan. Umpamanya kalau kita bagi pencen awal lebih ramai orang akan hendak berhenti kerja untuk dapat pencen. Maka kita tidak dapat *the best brain* atau pegawai yang mempunyai kepakaran yang mendalam dalam soal-soal ketahanan negara. Terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniahlah di atas hasrat murni kerajaan yang akan memberikan pertimbangan untuk memberikan pencen kepada anggota tentera yang bersara kurang daripada 21 tahun. Akan tetapi saya yakin perkara ini akan mengambil masa yang lama untuk kita realisasikan berdasarkan kepada aspek-aspek perkhidmatan angkatan tentera yang patutnya dihalusi. Dalam masa yang sama seperti Yang Berhormat sebut tadi ramai daripada pesara kita sama ada bersara awal atau pun bersara tetap, sebenarnya kehidupan mereka begitu tertekan dan ada kalangan mereka yang hidup begitu daif sekali.

Jadi soalan saya, apakah langkah-langkah awal sebelum Skim Pencen Veteran ini diperkenalkan oleh kerajaan bagi menghargai segala pengorbanan dan jasa daripada tentera-tentera kita yang telah berkhidmat supaya kita dapat mengatasi apa juga masalah yang dihadapi.

Keduanya, apakah sebenarnya langkah-langkah tetap yang dijalankan oleh kerajaan seperti kaunseling. Ini kerana tentera-tentera yang berkhidmat ini mempunyai kepakaran, mempunyai pengalaman yang boleh dimanfaatkan tetapi sekiranya mereka berhenti awal mungkin ia boleh disalahgunakan. Jadi kita mahu melihat supaya kementerian benar-benar peka supaya semua juga masalah yang dihadapi oleh mereka yang ingin berhenti ini diperhalusi dahulu. Kalau perlu mereka ini diberikan perhatian supaya kita benar-benar dapat anggota-anggota yang benar-benar taat kepada perkhidmatan. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin yang merupakan seorang bekas perajurit bersara dan meninggalkan perkhidmatan pada tahap kapten. Kalau lama lagi boleh jadi Panglima Angkatan Tentera. Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua seperti saya katakan tadi proses kaunseling memang kita buat tetapi kalau dia hendak berhenti juga kita tidak boleh buat apalah. Ekoran daripada itu jika mereka diiktiraf di bawah kategori tidak berpencen pelbagai bantuan kita beri dan majoriti daripada mereka yang tidak berpencen ini sebenarnya majoriti mereka bersedia dan hidup dalam keadaan baik. Namun begitu jika ada mana-mana di antara mereka yang tidak boleh juga dikategorikan sebagai mudah miskin. Kalau meninggal dunia anak-anak atau balu.

Jadi ekoran daripada itu kita memberi pelbagai bantuan seperti bantuan sara hidup, bantuan bencana alam, bantuan peralatan pesakit, bantuan kemasukan ke IPTA, umpamanya. Anak-anak yang tidak berpencen ini kita beri sampai RM1,000 bagi skim diploma dan RM1,500 untuk skim ijazah. Ini kita beri. Kita cakap dan kita beri bukan macam Kerajaan Pembangkang Negeri Selangor, waktu dia hendak minta dia kata beri macam-macam tetapi bila dapat diploma dia beri RM500 sahaja. Kemudian bantuan persekolahan dan bantuan-bantuan lain termasuk kalau dia sakit buah pinggang kita beri bantuan untuk mendapatkan rawatan hemodialisis. Jadi bantuan-bantuan ini akan berterusan dan kita di MINDEF akan membelanjakan antara RM30 juta ke RM50 juta bagi memastikan bantuan-bantuan ini sampai kepada bekas perajurit. Terima kasih.

3. Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kerajaan sedar bahawa walaupun Syarikat Alam Flora yang telah menandatangani perjanjian konsesi pelupusan sisa pepejal bagi beberapa buah negeri di Semenanjung, masih mengizinkan penggunaan lori-lori sampah usang yang bukan sahaja jelik dipandang, bahkan ada yang membocorkan cecair licik, serta busuk ketika dalam perjalanan. Apakah langkah susulan kementerian bagi mengatasi masalah tersebut.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Wira Chor Chee Heung]:
Tuan Yang di-Pertua, ucapan terima kasih banyak kepada kawan baik saya daripada Padang Besar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi adalah secara interim sahaja. Di mana syarikat konsesi menandatangani perjanjian dengan setiap pihak berkuasa tempatan terlibat bagi tempoh setahun ke setahun. Di bawah konsep interim syarikat konsesi mengambil alih perkhidmatan yang dilaksanakan oleh PBT. Di mana kos perkhidmatan yang dibayar

kepada pihak konsesi adalah pada jumlah yang sama dengan perbelanjaan yang dibuat oleh PBT sejak lebih 10 tahun dahulu.

Syarikat-syarikat konsesi juga menghadapi masalah untuk mendapat bayaran dalam tempoh yang ditetapkan daripada kebanyakan PBT. Keadaan sedemikian ini bertambah menyulitkan apabila pihak syarikat juga dimaklumkan mempunyai kesulitan kewangan kerana tempoh interim dari setahun ke setahun menyukarkan mereka mendapat pinjaman daripada institusi kewangan. Semua faktor ini telah pun menyumbang kepada ketidakupayaan syarikat untuk membeli kenderaan baru dalam bilangan secukupnya untuk menggantikan kenderaan sedia ada yang telah mencapai usia hayatnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga adalah dijangkakan keadaan ini dapat ditangani sebaik sahaja penswastaan penuh dilaksanakan kelak. Di mana pihak syarikat akan mendapat suntikan kewangan baru di samping boleh menggunakan perjanjian konsesi penuh sebagai kolateral dalam mendapat pinjaman kewangan yang diperlukan terutamanya dalam perolehan aset-aset termasuk kenderaan baru bagi menjamin mutu pengurusan sisa pepejal yang lebih teratur dan efisien. Sekian terima kasih.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih atas penerangan bahawa perjanjian antara syarikat konsesi dengan kerajaan masih interim. Sebenarnya interimnya bermula tahun 1996, sudah 14 tahun. Saya percaya dalam tahun 2007 keputusan telah dibuat untuk perjanjian yang muktamad tetapi saya tidak tahu kenapa dia masih interim. Jadi oleh kerana ia interim ia belum lagi satu perjanjian muktamad.

Saya ingin bertanya, ini soalan dasar, Yang Berhormat Menteri. Soalan dasar ini saya rasa Yang Berhormat Menteri pun mungkin tidak dapat memberi keputusan tetapi biarlah saya akan terima kalau jawapannya bertulis.

Malaysia sedang menuju ke arah negara maju tahun 2020. Pada ketika ini cara yang kita melaksanakan sistem pelupusan sampah, pelupusan sisa pepejal masih *third world*. Kita menuju ke arah *first world*. Cara kita mengendalikannya juga sudah *outdated* walaupun dengan cara kita - walaupun kita buat perjanjian baru. Sebab pelupusan sampah pada hari ini tidak ada lagi banyak negara maju mengizinkan *landfill* tetapi kita masih bercakap lagi tentang *landfill*. Pelupusan sisa pepejal hari ini sudah menjadi sumber kekayaan baru - *new source of wealth the whole world* di negara maju.

Jadi biarlah saya hendak bertanya adakah kita sanggup tidak mengadakan perjanjian terus dengan syarikat ini. Memikir semula pakai topi baru kerana syarikat-syarikat konsesi ini hendak melaksanakan biarlah mereka menjalankan perniagaan kitar semula. Urusan perkhidmatan mengangkut sampah biar diwujudkan dan dilaksanakan oleh PBT sendiri. Saya sendiri berbincang dengan banyak dengan Presiden PBT dan sebagainya mereka semua mengatakan belanjanya terlalu tinggi dan merugikan kerajaan. [Tepuk]

Ini datang daripada sebelah sana. Saya tidak tahu hendak merasa macam mana saya tidak tahu. Akan tetapi memang merugikan dan saya sendiri, Yang Berhormat hendak bagi tahu mungkin saya menjelajah rata dunia melihat bagaimana pelupusan sisa pepejal dibuat semasa saya jadi Menteri dahulu. Saya berani mengatakan bahawa banyak benda ini termasuk penjana elektrik.

■1030

Pembangkang dahulu membantah kerana dia katakan pengeluaran *dioxin* dengan - Akan tetapi hari ini teknologi baru, ini tidak menjadi masalah lagi. Pergi ke negara-negara maju hari ini, melihat semua pelupusan sampah dibuat dan pembakarannya dibuat secara *gasification*. Perumahan di sekelilingnya tidak ada masalah. Baik di Jepun, baik di Germany dan di rata-rata dunia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta kalau boleh kementerian dan minta soalan tambahan ini diperjelaskan. Kalau tidak boleh hari ini pun biarlah bertulis oleh Menteri berkenaan apa yang saya sebutkan tadi. Terima kasih... [Tepuk]

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat dari Padang Besar. Memang saya tahu juga Yang Berhormat Padang Besar memang pernah menjadi seorang Menteri di kementerian saya ini. Beliau cukup fasihlah mengenai teknologi-teknologi pengurusan sisa pepejal. Biar bagi saya menjawab dahulu dan jika ada kekurangan kemungkinan saya akan memberi jawapan bertulis.

Baiklah Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang pertama adalah sama ada – sebab apa sampai hari ini masih interim lagi. Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa memang benar melebihi 12 tahun bahawa syarikat konsesi dilantik dan sehingga hari ini masih di peringkat *transition* iaitu dari setahun ke setahun. Ini menjadikan satu masalah besar oleh kerana terdapat lagi 5 buah negeri lagi, termasuk Pulau Pinang, Perak, Terengganu dan Kelantan yang masih bersetuju hendak menerima syarikat konsesi. Oleh kerana masalah-masalah teknikal.

Walau bagaimanapun saya pun telah pun membuat satu resolusi iaitu selaras dengan Rancangan Malaysia Kesepuluh pada tahun depan. Mulai pada tahun depan kita akan muktamadkan segala isu-isu konsesi mengenai pengambilalihan pengurusan sisa pepejal oleh syarikat-syarikat konsesi dan diberikan oleh kerajaan.

Yang kedua adalah mengenai sistem pengurusan sisa pepejal. Saya memang setuju walaupun saya seorang baru di KPKT, saya setuju bahawa sudah sampai masa bahawa kita ingin melihat kepada sistem lain pengurusan sisa pepejal. Jangan kita sentiasa menggunakan *landfill system*. Ini telah pun menjadi satu teknologi yang cukup ketinggalan masa.

Bila kita sebut teknologi pengurusan sisa pepejal, saya pun tahu sedikit sebanyak juga. Setakat ini yang kita baru hendak bina beberapa buah *incinerator*. Pada pendapat saya *incinerator* pun merupakan teknologi yang sudah ketinggalan masa. Setakat ini apa yang di cerita oleh Yang Berhormat daripada Padang Besar memang benar. Sekarang pengurusan sisa pepejal adalah dikendalikan melalui satu teknologi dan dikenali sebagai plasma teknologi.

Di mana ianya di *gasified* dan tidak ada apa-apa pun. Tidak ada *residue* pun. *So*, tidak payah kita hendak cari tempat untuk pergi buang *residue* ini. Saya akan memberi tumpuan sedikit atas ini. Akan tetapi saya percaya oleh kerana kita masih dalam *transition period*, saya tidak dapat memberi jaminan apa-apa. Cuma setakat ini hingga dua tahun yang akan datang kita masih memerlukan sistem *landfill*. Selepas itulah kita akan berfikir secara mendalam macam mana kita hendak mengadakan satu sistem pengurusan sisa pepejal yang sempurna, mengikut teknologi yang baru. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bilakah kita di Malaysia ini boleh mempunyai teknologi baru seperti plasma teknologi ini? Saya hendak mengetahui tempoh peralihan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Alor Setar ini. Berapa panjang kah? Adakah satu dekad, dua dekad, tiga dekad untuk peralihan kerana dia mengambil masa yang panjang, hendak alihnya.

Semalam sahaja Yang Berhormat jawab soalan saya yang sama, secara bertulislah itu. Mungkin beliau tidak ada masa untuk berdepan saya di dalam Dewan. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat dengan soalan yang sambung sahaja, sama itu, di KL misalnya. Kuala Lumpur ini memang merupakan bandar raya yang besar, dengan itu masalah sisa pepejal yang paling rumitlah di Kuala Lumpur.

Di sini saya hendak tanya Yang Berhormat iaitu mengenai stesen pemindahan. Ini kerana ada satu-satunya stesen pemindahan di negara ini, di Kepong. Daripada situ lori yang tidak sihat itu bawa – memang tidak sihat. Kadang kala bau juga. Di bawa daripada itu Kepong, hampir sisa pepejal daripada seluruh Kuala Lumpur itu termasuk Parlimen Tuan Yang di-Pertua. Di bawa ke Kepong – ini soalan...

Seorang Ahli: Soalan!

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Soalan. Sambungan daripada soalan asal. Adakah itu stesen pemindahan akan dikekalkan. Ini kerana kita hendak plasma teknologi. Kalau plasma ini tidak payahlah kita hendak stesen pemindahan. Bukit Tagar ianya sampah ini dibawa ke Bukit Tagar. Bukit Tagar ini Yang Berhormat, ketinggalan masa berapa tahun, di Bukit Tagar. Sekian, terima kasih.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita masih meneliti apakah teknologi yang terbaru dan yang terbaik sekali. Ini memandangkan keadaan pembangunan negara kita. Seperti saya katakan tadi memang *landfill system* ini untuk mengambus sisa pepejal, masih akan digunakan. Kemungkinan dua tiga tahun lagi.

Kalau kita hendak buat peralihan pun, ia mesti melalui sedikit masa. Mengenai pusat-pusat pemindahan ini, memang menjadi satu prinsipallah. Satu syarat iaitu ianya akan lebih dekat dengan tempat-tempat pelupusan sebab tidak pengangkutan itu akan menggunakan jalan yang panjang. Ini akan menyusahkan rakyat dari bau, macam-macamlah. Akan tetapi setakat ini saya tidak boleh memberi jaminan apa-apa, iaitu kita akan mencuba dengan sedaya upaya, sentiasa memberi peringatan kepada syarikat-syarikat konsesi walaupun belum memuktamadkan lagi surat perjanjian *concession* itu.

Buat masa ini, perkhidmatan yang diberikan harus mencapai satu tahap yang memuaskan. Saya tidak akan sebut bahawa kita amat berjaya dari aspek ini sebab kita tahu syarikat-syarikat konsesi ini memang mempunyai masalah kewangan besar, jika PBT ini sentiasa tidak membayar kepada syarikat konsesi berkenaan. Ini akan menyulitkan keadaan. Akan tetapi *come next year, hopefully* Yang Berhormat Kepong. *Hopefully* kita akan menyelesaikan peratusan masalah ini. Sekian, terima kasih.

4. Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, sumbangan besar yang diperolehi Malaysia dari pameran “21st International Invention, Innovation and Technology Exhibition; 14-16 Mei” baru-baru ini dalam usaha membantu penyelidik tempatan memasarkan R&D mereka.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Langat atas minat kepada perkara yang begitu terperinci sekali. Bagi makluman Dewan yang mulia ini dengan izin, *21st International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) ke-21* telah diadakan di Kuala Lumpur pada 14 hingga 16 Mei 2010.

Program berterap antarabangsa ini telah dianjurkan oleh *Malaysian Invention and Design Society (MINDS)* dengan sokongan dan kerjasama oleh MOSTI dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM). ITEX ke-21 telah dipromosikan sebagai satu program di bawah Malaysia Inovatif 2010, yang mencatat jumlah pengunjung seramai 11,650 orang termasuk 1,000 orang peserta seminar.

■1040

Penganjuran ITEX ke-21 memberikan sumbangan besar kepada Malaysia dalam aspek seperti berikut:

- (i) pameran semasa ITEX ke-21 menyediakan platform kepada pereka cipta, penyelidik tempatan dan antarabangsa untuk mempamerkan reka cipta masing-masing terutamanya yang berpotensi untuk dikomersialkan. Sebanyak 340 pempamer tempatan dan luar negeri telah mengambal bahagian dan telah mempamerkan 700 produk inovasi masing-masing;
- (ii) memberikan penghargaan kepada 581 pereka cipta individu, institusi pengajian dan penyelidikan di korporat tempatan dan luar negeri melalui penyampaian anugerah-anugerah seperti *Asia Cup 2010*, *ITEX 2010 Best Innovation* dan *ITEX 2010 Awards* iaitu emas, perak dan gangsa. Ini mendorong kreativiti dan inovasi dalam kalangan rakyat Malaysia;
- (iii) mewujudkan jaringan dan perkongsian seperti penyelidik pereka cipta tempatan dengan peserta antarabangsa serta agensi kewangan pembiayaan dengan pihak industri. Seramai 20 individu dan syarikat tempatan dan luar negeri telah dikenal pasti berminat untuk mengkomersialkan produk yang dipamerkan melalui kaedah pelesenan atau usaha sama. Di samping itu, Yayasan Inovasi Malaysia telah menandatangani *MoU* dengan MINDS untuk menjalankan aktiviti mempromosikan inovasi;

- (iv) seminar dan bengkel yang diadakan memberi peluang kepada peserta meningkatkan pengetahuan, bina upaya serta bertukar-tukar pengalaman tentang *desk practices* dengan izin, dalam konteks pengkomersialan produk-produk *R&D*; dan,
- (v) meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap produk-produk inovasi terbaru, serta konsep-konsep seperti inovasi pengkomersialan dan perihal harta intelek.

Terima kasih.

Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri. Saya berkesempatan melawat pameran di atas. Jadi, apabila saya bertemu dengan peserta yang terlibat mempamerkan produk-produk inovasi mereka. Kebanyakannya menyatakan mereka mengalami kekurangan tabung dalam usaha mereka untuk membuat *R&D* dan inovasi produk-produk baru. Saya berkesempatan memberikan satu contoh, *machine* untuk *alert* sekiranya seseorang itu terlelap semasa sedang memandu kereta, maka *machine* itu akan *vibrate* dan sebagainya - itu satu, sebagai contoh sahaja yang direka cipta oleh UTM.

Akan tetapi bagaimana - dan mereka juga menyebut bahawa mereka datang untuk mengadakan pameran ini juga dengan peruntukan sendiri, dengan bantuan sendiri. Jadi, saya merasa agak *concern* juga akan perkara ini. Persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah langkah-langkah kementerian untuk mengkomersialkan produk-produk inovasi mereka? Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Sekali lagi terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat atas keprihatinan dalam perkara ini. Pihak kementerian sedia maklum bahawa antara perihal halangan-halangan yang mesti menggugat semangat berinovasi adalah akses ataupun dengan izin, pada *pre-commercialization fund*.

Namun dalam keadaan yang begitu mencabar pun saya boleh katakan bahawa daripada hasil pertandingan yang diadakan - 24 kategori, 73% dimenangi oleh pereka ataupun pengkomersial dari Malaysia. Jadi, ini sebenarnya satu petunjuk bahawa masyarakat kita khususnya para pereka komuniti pada peringkat SME/SMI itu bermutu tinggi. Mereka mempunyai idea yang berperingkat dunia. Kalau ia boleh menang 70% daripada 24 buah *awards* yang terbuka daripada 340 pempamer yang saya katakan tadi, maka itu mutu yang begitu sekali.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang akan saya ulas nanti dalam penggulungan saya pada pagi ini, kerajaan cukup sedar mengenai cabaran khususnya

yang saya katakan tadi untuk mendapatkan dana pengkomersialan. Maka di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan telah bercadang untuk menubuhkan *Innovations Malaysia* satu badan yang mengkoordinasi *outputs* dari universiti serta membantu dalam pengkomersialan dan juga ada *restructuring* pada peringkat agensi seperti MTDC untuk memberikan dana dengan harapan yang lebih luas, yang lebih besar untuk tujuan membantu pereka-pereka mengkomersialkan produk mereka. Itu sahaja.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan Yang Berhormat Menteri tadi iaitu seramai 11,650 orang pengunjung bagi pameran Minggu Sains, Teknologi dan Inovasi ini adalah pada saya kalau dianggap sebagai KPI ia mungkin tidak mencapai tahap minimum dengan kaedah tahun inovasi dan sebagainya. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh melihat dari sudut bagaimana mempromosikan pameran-pameran yang mempunyai nilai yang besar seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kaedah *R&D&C - pre-commercialization* itu ada satu lagi langkah yang pihak kementerian berikan perhatian yang mana langkah ini boleh menjadikan sesuatu produk yang telah dicipta itu ke arah *go/no go*, dan kebanyakan *no go* iaitu pempatnan yang mengambil masa yang saya kira panjang. Sebagai contoh saintis kita telah pun bertemu dengan batu karang yang boleh menjalankan fungsi-fungsi tulang. Keduanya, bertemu dengan darah belangkas yang boleh mengenal pasti ketulenan ubat-ubat dan sebagainya. Di manakah kedudukan ini? Masih di dalam kaedah pempatnan yang mungkin akan menjejaskan kebolehpasaran produk yang amat bermutu tinggi ini.

Jadi, soalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah apakah peranan kementerian di dalam memantau, mengawal dan menyelia kaedah pempatnan ini supaya kita tidak jauh ketinggalan ke belakang. Dilihat di negara Jepun umpamanya 6,000 paten dalam masa setahun. Negara kita cuma dalam 500 atau 600 paten. Jadi, perlukan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Bahagian pertama daripada segi kehadiran pelawat-pelawat atau pengunjung-pengunjung di situ, pihak kementerian bersetuju ini adalah kadar yang sederhana. Akan tetapi kita tidak perlu juga sekadar meninjaunya daripada segi kehadiran orang. Apa yang lebih penting bagi satu-satu *exhibition* yang begitu spesifik dan taktikal adalah kualiti mereka yang hadir. Kebanyakan semua yang hadir adalah

untuk mencari sesuatu, khususnya mencari jika ada teknologi yang mereka oleh komersialkan ataupun melalui bekerjasama dengan pihak pencipta.

So, 11,650 itu adalah bukan sekadar pelawat yang *passing through*, tetapi mereka yang mengkhususkan pandangan mencari teknologi baru ataupun para penyelidik yang ingin terus bekerjasama dengan pihak pencipta iaitu pihak *inventor*. Akan tetapi, saya sedia maklum nanti pada masa-masa akan datang, ini satu *event* yang begitu bermutu tinggi dan itulah pada kali ini kita telah bersetuju supaya Yayasan Inovasi Malaysia sebenarnya menjadi sayap dan pada masa-masa akan datang ia adalah satu-satunya program yang akan dipromosikan sepenuhnya oleh pihak kementerian.

Daripada segi perihal paten, pihak kementerian dan agensi-agensi berkaitan sedia maklum mengenai cabaran yang ada. Satu-satunya masalah untuk mengkomersialkan sesuatu *invention* ataupun sesuatu hasil penyelidikan itu adalah proses pempatnan yang mengambil masa yang panjang dan juga begitu mahal sekali. *I think* dengan izin, *in town it is less than one dozen law firms who are very good and expert in this field and the cost* - harganya begitu *prohibitive*.

Pihak kementerian, Kementerian Kewangan dan juga kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan di bawah penubuhan satu unit yang dinamakan *Innovation Malaysia* di Jabatan Perdana Menteri. Kita berharap bahawa ini antaranya yang telah pun dikhususkan untuk diatasi iaitu memudahkan proses pempatnan. Pada masa yang sama memberikan bantuan-bantuan yang perlu kepada para pencipta khususnya hasil-hasil penciptaan yang begitu bermutu tinggi. Terima kasih.

■1050

5. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta Menteri Kewangan menyatakan, proses pelantikan dan komposisi keahlian Suruhanjaya Khas Cukai Pendapatan dan adakah pesuruhjayanya yang dilantik berkecuali dan bukan bekas anggota LHDN.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, seksyen 98, Akta Cukai pendapatan 1967 memperuntukkan supaya setiap Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) dilantik oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong. Setiap Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan memegang jawatan bagi satu tempoh dan terma sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri Kewangan.

PKCP hendaklah terdiri daripada individu yang mempunyai pengalaman kehakiman dan perundangan seperti seorang peguam bela, seorang ahli dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan atau memegang jawatan yang Akta Saraan Hakim 1971 terpakai. PKCP juga hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya tiga orang ahli. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa kini PKCP dianggotai oleh lima orang ahli, mereka adalah berkecuali walaupun tiga orang daripada mereka merupakan bekas pegawai kanan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Sekian.

Datuk Nur Jazlan Mohamed [Pulai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak berpuas hati dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerana jelas tiga daripada lima ahli lembaga suruhanjaya ini merupakan bekas pegawai LHDN. Jadi pada pandangan saya wujudlah bias dalam apa-apa keputusan yang mereka buat. Saya menerima banyak laporan daripada pembayar cukai persendirian dan terutamanya pengusaha kecil SMI yang merasakan bahawa mereka dianiayai oleh LHDN melalui kuasa siasatan yang dipunyai oleh Ketua Pengarahnya termasuk kuasa menggeledah rumah tanpa perintah mahkamah dan tujuan spesifik dan mengenakan taksiran yang tidak munasabah.

Ramai pembayar cukai yang tidak berpuas hati dengan tindak tanduk LHDN menggunakan kuasa mutlak tanpa batas ini kecewa kerana tidak mempunyai tempat untuk merayu kerana suruhanjaya ini dilihat sebagai memihak kepada LHDN. Hak mereka untuk merayu ke Mahkamah Tinggi juga terhad kerana masa yang lama dan juga kos yang tinggi. Suruhanjaya ini juga beroperasi dalam keadaan yang rahsia dan maklumat mengenai suruhanjaya ini hanya boleh dicari di *website* Kementerian Kewangan yang menyenaraikan nama pengerusinya sahaja. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk menyemak semula peranan suruhanjaya ini supaya ia menjadi lebih efektif dalam menguruskan aduan salah laku LHDN daripada membayar cukai. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan mengambil berat tentang apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat iaitu antara anggotanya tiga adalah bekas pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kita akan semak sekali lagi. Untuk makluman Yang Berhormat juga, seperti yang kita tahu pembayar cukai juga mempunyai hak untuk membuat rayuan ke atas taksiran yang berbangkit daripada penyiasatan cukai menerusi seksyen 99 hingga 102, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Pembayar cukai boleh membuat rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 30 hari selepas penyiasatan selesai dan notis taksiran tambahan dikeluarkan. Sesiapa yang tidak berpuas hati boleh membuat rayuan melalui mengisi borang rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri. Walau bagaimanapun cukai mesti dibayar terlebih dahulu memandangkan itu adalah hasil kerajaan. Tempoh menyelesaikan kesnya bergantung kepada kompleksiti kes berkenaan. Yang Berhormat, kalau kes yang ada berkenaan cukai memang kita akan *check* kes-kes yang berkenaan, sekian.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengikut jawapan Timbalan Menteri. Tahniah kerana pelantikan kepada Yang Berhormat. Soal berkecuali dalam anggota suruhanjaya yang dibangkitkan oleh soalan asal, memang menjadi pertikaian agak lama terutama kita tengok apabila bidang percukaian ini di dalam negara kita ini nampak makin bidang pengenaannya dan bidang siasatannya nampak makin, nampak gayanya makin berkurang. Kadar cukai diturunkan daripada tahun ke tahun. Bukan kita sahaja, negara-negara lain juga mengamalkan polisi yang sama, berlumba-lumba untuk menawarkan insentif dan sebagainya untuk kononnya meraih pelaburan luar.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita harus ingat untuk isu ini, ada satu kuasa yang jauh lebih besar yang patut dipertikaikan oleh umum. Kuasa Menteri Kewangan itu sendiri yang diperturunkan kepada Ketua Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri, seksyen 129. Lebih jauh lebih perlu untuk dipertikaikan berbanding dengan kuasa penyiasatan yang diberi untuk di *revise* apabila berlaku suatu *dispute* atau ketidakpuasan hati. Seksyen 129 Tuan Yang di-Pertua, memberi kuasa untuk *full waiver*, mengecualikan sepenuhnya tanggungjawab membayar cukai atas beberapa dasar seperti kononnya kata kerana kemiskinan, kerana justifikasi bencana dan sebagainya. Selalu diambil kira perkara ini dan saya rasa tiba masanya kalau kita hendak mempertikaikan ketidakpuasan hati pembayar cukai, adalah lebih baik kita tengok ada tidak berlaku penyelewengan atau penggunaan seksyen ini yang pada saya rasa tidak perlu lagi dikekalkan kerana menggunakan justifikasi individu, seorang mempunyai justifikasi penuh untuk mengurangkan atau menghapuskan langsung cukai. Daripada kita mempertikaikan kuasa ahli yang duduk dalam suruhanjaya untuk meneliti ketidakadilan *treatment* cukai disebabkan oleh kes-kes penyiasatan dan sebagainya. Saya hendak pandangan Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan Yang Berhormat tentang isu ini iaitu lantikan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan. Untuk makluman Yang Berhormat, memang negara kita Malaysia kalau kita hendak bandingkan kadar cukai yang kita ada. Pada masa ini, kadar cukai tertinggi kita ialah 27%, untuk negara yang lain seperti negara Indonesia adalah 30%, *Thailand* - 37%, *Philippines* - 32%, Jepun - 40% dan United Kingdom - 50%.

Memang ada rayuan-rayuan yang terperinci dan kita memang akan mengambil berat tentang pendapat atau pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat tentang anggotanya, kita akan semak sekali lagi. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi memastikan keadilan kepada semua rakyat yang membayar cukai, sebab sebut cukai semua orang bimbang mahu takut, kita ada lantik antara satu anggotanya ialah latar belakang kehakiman dan kepakaran untuk menjadi pengerusi lembaga ini, sekian.

6. Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah] minta Menteri Pengangkutan menyatakan, mengenai bidang kuasa JPJ dalam menguatkuasa Akta Pengangkutan Jalan yang melibatkan kenderaan perdagangan. Serta berapakah jumlah tangkapan dan jenis kesalahan kenderaan ini sejak tahun 2008 yang lalu.

Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengangkutan Jalan bertanggungjawab untuk menguat kuasa peruntukan Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau Akta 333. Di antara tugas serta tanggungjawab JPJ dalam menguatkuasakan peruntukan Akta 333 termasuklah:

- (i) seksyen 5 dan 6, menentukan pembinaan dan penggunaan sesebuah kenderaan;
- (ii) seksyen 7 hingga 23, mewajibkan pendaftaran dan pelesenan kenderaan;

■1100

- (iii) seksyen 56 dan 57 iaitu mewajibkan pemandu kenderaan perdagangan mempunyai lesen memandu kompeten dan vokasional; dan
- (iv) menguatkuasakan peruntukan undang-undang berkaitan dengan kesalahan lalu lintas di bawah Akta Pengangkutan Jalan termasuk kegiatan ulat atau *touting* dan kesalahan-kesalahan yang

membabitkan perkara-perkara di atas seksyen 119 dan lain-lain perkara yang dinyatakan dalam Akta 333

Selain daripada itu JPJ juga diberi kuasa di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334) bagi Sabah dan Sarawak dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 714) yang baru sahaja dipinda, berhubung dengan penguatkuasaan syarat-syarat permit kenderaan perdagangan seperti berikut:

- (i) seksyen 19 Akta 334 berkaitan dengan kawasan operasi sesebuah kenderaan perdagangan;
- (ii) seksyen 17 dan 18 Akta 334 iaitu berkaitan dengan tempoh berkuat kuasa permit bagi sesuatu kenderaan tersebut;
- (iii) seksyen 35 Akta 334 iaitu menentukan jenis barang yang dibenarkan untuk di bawa oleh kenderaan tersebut; dan
- (iv) seksyen 14 Akta 334 menentukan kategori kelulusan permit bagi kenderaan tersebut.

Jumlah saman yang telah dikeluarkan oleh JPJ ke atas kenderaan-kenderaan perdagangan yang melakukan pelbagai kesalahan adalah sebanyak 501,991 kes pada tahun 2008, 608,171 kes pada tahun 2009 dan 153,847 kes sehingga bulan Mac 2010. Saman-saman tersebut adalah meliputi kesalahan-kesalahan yang dilakukan seperti berikut:

- (i) membawa lebih muatan bagi kenderaan barangan dan lebih penumpang bagi kenderaan awam;
- (ii) melanggar syarat permit yang ditetapkan di bawah Akta LPKP;
- (iii) lesen memandu palsu atau tamat tempoh;
- (iv) lesen vokasional atau GDL palsu atau tamat tempoh; dan
- (v) lesen kenderaan motor palsu atau tamat tempoh.

Sekian terima kasih.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan yang begitu baik sekali. Baru-baru ini ada satu insiden yang cukup besar dalam negara kita apabila pihak JPJ membuat operasi di sempadan Bukit Kayu Hitam iaitu menghalang kenderaan-kenderaan bas pelancong daripada Thailand yang akhirnya menjadi isu apabila pihak berkuasa Thailand membuat satu protes di sebelah sempadan sana dan menghalang kenderaan-kenderaan daripada Malaysia untuk membawa pelancong melepasi sempadan.

Isu yang berbangkit ialah tidak ada satu penyelarasan dan arahan daripada pihak JPJ Malaysia, dakwaan daripada pihak berkuasa Thailand tentang peraturan-peraturan yang mesti ditetapkan oleh pihak berkuasa Malaysia khususnya berkaitan dengan soal cermin gelap dan juga nombor pendaftaran. Dakwaan ini menyebabkan berlaku masalah kerana bas pelancongan daripada Thailand akhirnya dengan campur tangan pihak politik di kawasan sempadan, akhirnya boleh bawa masuk pelancong-pelancong ke Malaysia. Sedangkan kenderaan Malaysia apabila hendak masuk ke Thailand mempunyai kerena yang cukup besar dan menyusahkan.

Jadi soalan saya ialah adakah satu mesyuarat dan dasar yang diputuskan oleh pihak berkuasa Malaysia dan Thailand dalam menyelesaikan isu kenderaan pelancongan di sempadan-sempadan negara kita? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Ahli Yang Berhormat, sememangnya isu ini merupakan satu isu yang sangat kompleks kerana seperti mana yang kita tahu bahawa pihak kedua-dua negara memang mempunyai persetujuan yang telah diputuskan oleh kerajaan masing-masing untuk memberikan dua kilometer bagi kawasan sempadan itu adalah sebagai kawasan yang boleh dikunjungi oleh kereta-kereta daripada Malaysia ke Thailand dan Thailand ke Malaysia iaitu merupakan zon bebas. Ini merupakan satu usaha untuk memberikan satu - merencanakan interaksi di antara kedua-dua negara di kawasan sempadan.

Akan tetapi timbul masalah juga, kemasukan ini tidak memerlukan ICP tetapi apabila kita memberikan zon bebas ini, maka timbullah masalah-masalah lain iaitu disebabkan stesen kawalan kita dan juga imigresen dan juga agensi-agensi yang lain berada di sempadan dan apabila kereta-kereta daripada Thailand ini masuk ke Malaysia, maka mereka sebenarnya, kononnya hanya masuk dua kilometer akhirnya dia orang masuk sehingga ke dalam. Apabila perkara ini berlaku ianya telah menimbulkan masalah dan rungutan daripada khususnya pemandu-pemandu kenderaan tempatan.

Demikian kita juga harus mengambil tindakan terhadap mereka sekiranya mereka melakukan kesalahan dan ini disalah tafsir dan mereka *retaliate*. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sebenarnya perkara ini telah pun sudah bincangkan begitu lama sehingga ada pihak kita meminta kepada Kementerian Dalam Negeri untuk supaya menghapuskan dua kilometer ini tetapi kabinet belum membuat keputusan. Bagaimanapun, pada hari kelmarin pihak berkuasa Thailand telah mengunjungi pihak JPJ Malaysia untuk mengadakan perbincangan lanjut

dan satu dialog yang akan diadakan untuk menyelesaikan perkara ini dengan baik supaya ia dapat beri kepentingan kepada dua pihak.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Saya mencuba-cuba nasib saja tadi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kenderaan perdagangan ataupun kenderaan yang lain, kepada saya salah satu rungutan yang melibatkan JPJ daripada orang ramai tentang saman-saman yang dikenakan secara layang atau saman ekor dan kemudian direkodkan di JPJ dan JPJ tidak membenarkan sesuatu pembaharuan sama ada lesen ataupun *road tax* sedangkan perkara ini belum diputuskan lagi di mahkamah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adakah JPJ akan mendahului mahkamah untuk membuat satu hukuman sedangkan mahkamah belum lagi membuat sesuatu keputusan malah belum lagi didakwa dan kecualilah Tuan Yang di-Pertua kalau melibatkan kematian dan sebagainya. adakah JPJ boleh meredakan rungutan rakyat ini. Sekian terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat, kita sedar tentang rungutan-rungutan ini tetapi seperti mana yang kita tahu bahawa ada dua jenis saman yang biasa kita kemukakan kepada pemilik-pemilik kenderaan iaitu saman yang pertama iaitu apabila saman itu diserahkan kepada pemandu tersebut dan ini adalah merupakan tanggungjawab mereka untuk membayar atau melunaskan saman tersebut.

Akan tetapi ada satu jenis saman lagi iaitu kita memberikan notis iaitu pihak polis biasanya mengeluarkan notis polis 170A iaitu Pindaan 3/2003 atau pihak JPJ akan mengeluarkan notis JPJ (P23) yang dikeluarkan di bawah seksyen 115 APJ187. Bagi kes yang kedua ini, yang ingin saya nyatakan di sini bahawa, mereka-mereka yang telah diberikan notis ini, mereka sepatutnya bertanggungjawab untuk mengemukakan atau bertemu dengan pihak-pihak seperti PDRM dan juga polis untuk memberikan respons kepada polis ini. Apabila mereka tidak memberikan respons terhadap polis ini maka tindakan boleh diambil ke atas mereka, ke atas tidak memberikan respons kepada notis tersebut. Oleh sebab itu mereka seperti mana yang diberikan *recommendation* yang telah dibuatkan oleh NKRA, maka kita boleh menyekat urus niaga sama ada pembaharuan lesen memandu ataupun pembaharuan *road tax*. Terima kasih.

7. **Dato' Raime Unggi [Tenom]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, apakah benar kelulusan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hanya ditumpukan kepada kursus-kursus kritikal sahaja seperti perubatan, farmasi, kejuruteraan dan sains asasi.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pembiayaan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) adalah terbuka kepada semua pemohon yang layak tanpa mengira sama ada kursus tersebut kritikal atau pun tidak. Asalkan mereka memenuhi syarat yang ditetapkan bagi membolehkan permohonan itu dipertimbangkan untuk diluluskan. Terima kasih.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih. Yang Berhormat Tenom dahulu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita melihat kerajaan telah menubuhkan PTPTN amat berguna dan membantu sekali kepada para pelajar kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekira benar bahawa PTPTN memerlukan dana yang lebih besar dalam penyediaan pinjaman apatah lagi untuk memastikan semua jurusan dalam IPTA dan juga IPTS boleh diberikan pinjaman. Tuan Yang di-Pertua, apakah PTPTN ini juga bercadang untuk memperluaskan lagi kerjasama dana pendidikan sepertimana yang telah PTPTN laksanakan dengan pihak *CIMB Group* sebagai contoh. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah strategi-strategi terkini pihak PTPTN pada hari ini dalam memastikan para peminjamnya membayar semula pinjaman masing-masing berikutan kita lihat PTPTN memerlukan dana lebih kurang RM5 bilion setahun menjelang tahun 2013. Tuan Yang di-Pertua, mohon jawapan. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Sebenarnya kita di Kementerian Pengajian Tinggi, memandang berat soal memberikan sebanyak-banyaknya bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan tersebut. Oleh sebab itu, kita ada kerjasama sebenarnya pinjaman dengan beberapa buah bank seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tenom. Soal bayaran semula kita sedang berbincang dengan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk melihat bagaimana kita boleh bekerjasama dengan organisasi tersebut bagi memperbaiki cara memungut semula pinjaman-pinjaman yang belum dibayar oleh peminjam-peminjam. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucapkan terima kasihlah atas penjelasan yang telah disebutkan sebentar tadi bahawa tidak ada masalah

kos kritikal atau pun tidak asalkan ada permohonan yang dibuat maka, kerajaan sedia untuk mempertimbangkan. Akan tetapi, namun begitu, timbul satu perkembangan baru hari ini apabila timbul isu mengatakan bahawa di IPTA telah menjadi sarang kepada kumpulan-kumpulan militan dan kumpulan-kumpulan penganas.

Kebimbangan saya ialah nanti akan menyebabkan berlaku satu diskriminasi atas perkara-perkara yang disyaki yang tidak ada bukti seperti mana yang berlaku sekarang pihak polis dan juga kerajaan sendiri pun tidak boleh memberikan satu pembuktian keterlibatan di kalangan pensyarah atau pun mahasiswa yang terlibat dalam gerakan militan atau pun gerakan keganasan di negara kita ini. Malah, tuduhan mengatakan wakil Yang Berhormat Marang juga dalam satu taklimat yang diberikan oleh pihak JAKIM dan polis mengatakan dia juga terlibat dalam kegiatan militan. Ini pun satu kenyataan yang sangat memalukan.

Saya mahu minta penjelasan apakah jaminan kerajaan bahawa PTPTN ini tidak akan berlaku penindasan ke atas orang-orang yang kononnya yang boleh dikaitkan yang menyebabkan tidak ada asas. Akan tetapi oleh sebab ada syak dan tuduhan-tuduhan, maka mereka akan teraniaya.

Jadi, saya minta penjelasan dan juga satu penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat berpandangan bahawa wakil Marang adalah merupakan seorang yang terlibat dalam gerakan militan seperti mana yang di taklimat oleh polis dan JAKIM kepada kerajaan termasuk juga bekas Menteri Besar Perlis. Ini sangat penting kerana taklimat itu dibuat kepada Naib Canselor. Saya tidak mahu nanti ada satu persepsi pandangan yang tidak sihat sedangkan Yang Berhormat Marang bekas Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat Marang seorang yang sangat demokratik, menyertai pilihan raya, tidak pernah angkat senjata, dan sebagainya.

Jadi, saya bimbang takut nanti diasak dengan pemikiran daripada polis dan juga JAKIM kepada Naib-naib Canselor ini termasuk juga wakil daripada Yang Berhormat Pontian menyebabkan ada tanggapan yang salah terhadap pembangkang dan juga mereka-mereka yang duduk di universiti khususnya. Minta penjelasan.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya faham kerisauan Yang Berhormat Pokok Sena dalam hal ini.

Sebenarnya pada 21 Jun yang lepas itu ada dua taklimat. Satu diberikan oleh pihak Bukit Aman. Saya fikir taklimat oleh Bukit Aman itu tepat dan tidak menimbulkan sebarang masalah kecualilah kalau Yang Berhormat Pokok Sena ada masalah dengan ...*[Ketawa]* Bukit Aman, ya. Itu saya tidak campurlah Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi

pada taklimat yang kedua. Itu yang semalam saya dengar beberapa pihak menyoal kerana membabitkan seorang Ahli Parlimen yakni yang Berhormat Marang, seorang bekas Menteri Besar Perlis, dan Mufti Perlis sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau pun ada orang yang berkaitan dengan empat orang ini memohon PTPTN saya beri jaminan kita tidak akan pandang serong dan kita tidak ada mengambil apa-apa perasaan negatif kerana hujah-hujah yang mahu mengaibkan yang empat orang itu dengan Wahabi dan JI, saya fikir tidak ada hujah yang kukuh. Ada enam sebab.

Satu, tidak ditentukan apa itu definisi Wahabi dan apa itu definisi *terrorism* yang mengaitkan orang-orang tertentu termasuk pensyarah atau pun pelajar IPTA. Taklimat Bukit Aman, saya jelas. Saya akan mempertahankan taklimat Bukit Aman Tuan Yang di-Pertua. Ini yang kerisauan Yang Berhormat 'Bukit Sena' ini yang saya cuba mahu betulkan. Yang Berhormat Pokok Sena.

Kedua, ada premis yang salah untuk mengatakan Wahabi satu dengan izin *school of thought* dalam Sunnah wa al-Jama'ah yang diakui oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Ini jadi satu serangan kepada satu dengan izin, *school of thought*. Saya fikir itu premis yang tidak akademik sifatnya. Nanti susah kalau kita biarkan premis itu berjalan susah kita mahu pergi umrah dan haji pun. Ini kerana di negara itu katanya *school of thought* nya ialah Wahabi. Saya bukan Wahabi Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada kena mengena dengan Wahabi. Saya Cuma mahu membetulkan persepsi Yang terhormat Pokok Sena yang ada masanya tidak berapa betul.

Ketiga, penghujahannya tidak betul apabila cuba mengaitkan Muhammad Ibn Abdul Wahab dengan Muhammad Suud pengasas dengan izin, *Saudi Arabia* yang kerana itu menyebabkan kedua-dua itu seperti dikaitkan dengan *terrorism*. Ada beza antara balas dendam dalam tradisi Arab Jahiliah. Maaf, tradisi Arab dengan *terrorism*. Ini dua benda yang berbeza. Jangan di campur adukkan.

Keempat, saya tidak fikir kita sesuai untuk melabelkan organisasi atau individu tertentu dengan Wahabi dan kerana itu dia ada kaitan dengan *terrorism*. Ini dengan izin, *over stretching the argument*. Oleh sebab itu, saya melihat tidak ada alasan kukuh untuk melibatkan empat orang itu sebagai Wahabi kah, atau *terrorism* kah.

■ 1120

Orang yang memberi taklimat itu ada masalah dengan bekas Mufti Perlis. Jadi, bagaimana kalau masalah peribadi hendak dijadikan masalah keselamatan negara; dan

keempat, saya bimbang jika ini Tuan Yang di-Pertua ialah gejala Islam fobia sebagaimana yang berlaku di barat. Barat hendak menghapuskan *terrorism* dengan mengaitkannya dengan agama. Kita tidak boleh benarkan itu berlaku dalam negara kita kerana kita adalah negara Islam... [Tepuk]

Saya sebutkan ini untuk memberi jaminan bahawa kita tidak akan melakukan dengan izin, *witch haunting* terhadap mana-mana pelajar dan pensyarah terlibat ataupun tidak terlibat dengan PTPTN, dan juga saya memberi jaminan bahawa kita tidak akan benarkan ada orang-orang tertentu dikambinghitamkan semata-mata kerana tidak sesuai dengan orang-orang yang tertentu yang lain... [Tepuk]

Saya juga beri jaminan bahawa kita tidak akan biarkan isu ini membunuh intelektualisme dan kebebasan akademik di universiti. Kalau tidak nanti banyak sangat buku yang oleh kerana dibaca oleh orang tertentu, maka tidak boleh dibaca oleh orang lain.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak boleh pergi Mekahlah.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Saya juga beri jaminan bahawa perkara ini akan kita selesaikan dengan cara yang terbaik dengan memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak Bukit Aman. Fokus kita Tuan Yang di-Pertua ialah memerangi militan dan *terrorism*. Kita jangan campuradukkan dengan perkara-perkara yang lain. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya minta supaya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan yang dibuat tadi saya mengucapkan terima kasih. Akan tetapi, saya minta hari ini Jabatan Perdana Menteri mesti menarik balik segala butiran taklimat yang diberikan di dalam pertemuan tersebut. Ini kerana saya sangat bersetuju dengan pendapat dan pandangan yang telah pun disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan nombor 7 cuma berkisar kepada perubatan, farmasi, kejuruteraan dan sains asasi, soalan asal dari Yang Berhormat Tenom. Saya tidak sangkalah sampai begitu akademik jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. [Ketawa] Jadi, kalau Yang Berhormat Pokok Sena minta lagi lebih daripada itu, saya terpujanglah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pihak-pihak yang berkenaan.

8. Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta Menteri Kewangan menyatakan, kawalan mata wang asing yang melibatkan urus niaga harian di sempadan. Apakah kerajaan akan mengkaji peraturan urus niaga yang melebihi RM10 ribu mesti mendapat kelulusan Bank Negara kerana ia membebankan peniaga tempatan seperti peniaga ikan, sayur, buah-buahan dan hasil kayu di sempadan.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Rantau Panjang, had yang kini dikenakan bagi pengimportan dan pengeksportan ringgit secara amnya adalah peraturan berhema untuk mencegah kegiatan perubahan wang haram. Walau bagaimanapun, bagi memudahkan perniagaan di sempadan dan menambah baik sistem penyampaian awam, Bank Negara Malaysia boleh memberi kebenaran secara *one-off* kepada peniaga yang menjalankan urus niaga runcit di sempadan untuk mengimport atau mengeksport ringgit sehingga RM10,000 bagi setiap perjalanan.

Pihak Bank Negara Malaysia juga boleh mempertimbangkan permohonan bagi pengimportan atau pengeksportan yang melebihi RM10,000 berdasarkan keperluan peniaga-peniaga tersebut. Pihak Bank Negara Malaysia juga kini dalam proses mengkaji semula dasar tersebut sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan kecekapan urus niaga dan mengurangkan kos pengendalian perniagaan. Sekian.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah, saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian iaitu bagaimana dalam urus niaga terutama berkaitan dengan urus niaga di sempadan ini, setiap hari mereka terpaksa import, eksport barang terutama yang berkaitan dengan borongan ini. Jadi, masalah yang dihadapi adalah pengisytiharan wang ini mesti dibuat di Bank Negara dan memakan masa selama sebulan. Apakah satu undang-undang boleh dibuat supaya boleh dibuat di peringkat Bank Negara peringkat cawangan supaya perkara ini tidak membebankan pihak peniaga kecilan? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat. Seperti saya telah jawab tadi, pihak Bank Negara Malaysia kini dalam proses mengkaji semula dasar tentang isu ini. Kita akan beri jaminan dan kita akan mempercepatkan proses.

9. Dato' Mohd Jidin Shafee [Setiu] minta Menteri Pelajaran menyatakan, nisbah guru lelaki dan wanita di sekolah pada masa ini dan apakah langkah yang diambil bagi menangani masalah ini dan apakah masalah yang dihadapi oleh pihak kementerian mengenai guru-guru di kawasan pedalaman.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah guru lelaki dan guru wanita di sekolah pada masa ini adalah seperti berikut:

- (i) sekolah rendah – 1 kepada 2.13;
- (ii) manakala untuk sekolah menengah pula - 1 kepada 2.25.

Kementerian Pelajaran Malaysia sedang berusaha mengimbangkan jurang bilangan guru lelaki dan guru wanita dengan mengambil langkah-langkah yang berikut:

- (i) menambahkan kuota pengambilan guru lelaki dalam proses pengambilan pelatih guru khususnya untuk bekalan guru ke kawasan pedalaman dan memberikan insentif guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman;
- (ii) meningkatkan pengambilan guru pelatih lelaki dalam bidang-bidang yang menarik dan tahan lasak seperti Sains Sukan, Pengajian Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Subjek Vokasional, Kemahiran Hidup, Seni Visual dan Muzik. Latihan perguruan juga memuatkan latihan BIG atau Bina Insan Guru yang menekankan aspek kemahiran hidup, kokurikulum dan membina jati diri; dan
- (iii) meningkatkan promosi kursus perguruan di media khususnya surat khabar, laman web dan memberikan informasi tentang latihan perguruan dengan mengadakan hari bertemu pelanggan di khalayak ramai seperti di pusat membeli-belah di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, antara masalah yang dihadapi oleh KPM mengenai guru-guru pedalaman adalah kebimbangan mereka tentang keselamatan dan kemudahan yang ada di kawasan pedalaman. Walau bagaimanapun, KPM telah berusaha menyediakan kemudahan prasarana pendidikan termasuk rumah guru yang selamat dan selesa. Sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM1.7 bilion bagi lebih daripada 4,000 projek ubahsuai dan naik taraf institusi pendidikan di bawah KPM.

Selain daripada itu, KPM juga menyediakan program orientasi kepada guru-guru lepasan KPLI sebelum ditempatkan ke kawasan-kawasan pedalaman. Menerusi program orientasi guru-guru akan diberi taklimat keselamatan, budaya dan tradisi penduduk setempat serta langkah-langkah yang perlu diambil jika berlaku sebarang ancaman keselamatan. Guru-guru juga diberi pendedahan kepada realiti persekitaran supaya sentiasa positif kepada keadaan dan keperluan persekitaran yang berbeza. Selain daripada itu, KPM melalui JPN sentiasa memantau keselamatan guru-guru tersebut. Sekian.

Dato' Mohd Jidin Shafee [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah pun memberikan jawapan yang menarik. Saya ada sedikit lagi perkara yang hendak minta penjelasan daripada kementerian iaitu galakan bahasa terutamanya Bahasa Inggeris. Masalahnya ialah kekurangan guru Bahasa Inggeris di kawasan pedalaman. Tambahan pula, ada rancangan baru kerajaan untuk memperhebatkan tambahan bahasa termasuklah Bahasa Cina, Bahasa Tamil di sekolah rendah.

Jadi, adakah perkara ini kerajaan akan memberikan tumpuan yang serius atau pun perancangan setakat ini, sejauh mana terlaksana? Satu lagi ialah masalah lebihan guru mata pelajaran Sains seperti Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik sedangkan saya difahamkan masalah kekurangan guru bagi mata pelajaran kemanusiaan seperti Sejarah, Geografi dan yang paling kritikal mengikut pandangan rakyat di bawah ialah mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Saya harap dapat penjelasan daripada kementerian. Sekian.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kalau kita menyebut tentang latihan guru, kita perlu lihat dari pelbagai dimensi. Pertama, bekalan guru itu untuk keperluan semasa dan juga masa akan datang selaras dengan KSSR yang akan diperkenalkan pada tahun hadapan, iaitu dengan pemansuhan PPSMI diganti dengan MPMPI. Saya rasa salah satu perubahan adalah dari segi waktu untuk Bahasa Inggeris. Oleh sebab itulah latihan untuk guru Bahasa Inggeris yang mencukupi telah pun dilaksanakan.

■ 1130

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada kali ini kita cuba seimbangkan nisbah guru kepada 50:50 lelaki dan perempuan. Akan tetapi kita kena berpandu kepada satu syarat iaitu mereka mesti memenuhi syarat atau keperluan minimum untuk memasuki IPG. Jadi itu adalah satu yang tidak kita kompromi, tetapi dari segi kita beri

peluang lebih kepada lelaki supaya mereka boleh ditempatkan di kawasan pedalaman dan disertakan insentif P1, P2, P3, jumlah elaun yang akan dapat ialah RM500, RM1,000 dan RM1,500. Itu antara perkara yang kita lakukan untuk membolehkan guru itu di hantar ke kawasan pedalaman.

Berbalik kepada apa yang ditanya oleh Yang Berhormat, sebenarnya perancangan dalam KSSR dan juga apa yang kita perkenalkan sekarang ialah kita melihat keperluan untuk setiap mata pelajaran mengikut opsyen, kita membuat latihan. Jadi kita akan berpandukan kepada keperluan dan unjuran keperluan sesuatu subjek untuk kita melakukan latihan itu. Jadi dari masa ke semasa juga kita melihat dari segi kalau kita hendak membuat pensiswazahan guru itu, kita akan lihat opsyen mana yang diperlukan oleh kementerian. Sepertimana Yang Berhormat sebut guru Sains, sebenarnya saya tidak menjangkakan bahawa kita menghadapi lebih guru Sains, tidak.

Akan tetapi dalam konteks untuk kita hendak menyeragamkan ataupun kita hendak menghantar guru Sains itu ke kawasan pedalaman juga, jadi agihan guru ke kawasan pedalaman itu juga sangat penting. Sebagai contoh, kalau guru Bahasa Inggeris di dalam bandar tidak ada masalah, mungkin di kawasan pedalaman ada masalah, maka kita kena buat *re-deployment* untuk membolehkan mereka di hantar ke sana. Jadi saya rasa pelbagai usaha telah diambil. Sebagai contoh, begitu juga Kemahiran Hidup dan sebagainya. Ini sedang di atasi dan kita akan melihat unjuran yang lebih tepat dan untuk kita membuat bekalan guru kepada sekolah. Terima kasih.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jelas dari jawapan daripada wakil kerajaan tadi, antara semua, terdapat ketidakseimbangan guru dari segi jantina. Dalam negara kita, terdapat lebih kurang 300,000 lebih guru dan guru lelaki hanya 50,000 sahaja, ketidakseimbangannya jelas. Soalan saya, selain daripada itu, saya dapat jawapan daripada Menteri Pelajaran yang juga Timbalan Perdana Menteri, mengikut unjuran Kementerian Pelajaran, negara kita telah merdeka lebih 53 tahun tetapi bekalan guru yang terlatih bagi sekolah jenis kebangsaan khususnya di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina masih kurang lagi guru sebanyak 2,204 orang dan bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, kekurangan gurunya 758 orang.

Masalah ini telah berlanjutan dari Rancangan Malaysia Pertama sehingga Rancangan Malaysia Kesepuluh. Sampai bila kita hendak dapatkan bekalan guru yang mencukupi dan mengelak lagi? Ini kerana Timbalan Menteri pun sedar bagi masyarakat di Johor Bahru sahaja, PIBG, lembaga pengelola sekolah setiap tahun terpaksa

mengeluarkan kocek sendiri lebih RM1 juta untuk menggaji guru sementara. Kita dapat tahu formula yang paling senang dan cepat adalah kerajaan mengiktiraf *Unified Exam*. Di antara 60,000 pelajar, sekiranya 10% berminat menjadi guru, kita dapat 6,000 guru yang dapat berkhidmat dan mengatasi kekurangan. Maka soalan saya tepat, bilakah masalah kekurangan guru di SJK(C) dan SJK(T) dapat diatasi? Jangan lagi sampai berlarutan sampai Rancangan Malaysia Ke-20. Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat, bertenang Yang Berhormat. Sebenarnya untuk mengatasi sesuatu masalah, perancangan yang rapi adalah diperlukan. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, kita menggunakan beberapa kaedah. Sebagai contoh, kalau dahulunya KPLSPM kita hanya mengambil 600 orang, tahun ini untuk SJK(C) dan SJK(T) jumlahnya telah meningkat. Sebagai contoh, 1,700 telah diambil untuk SJK(C). Ini menunjukkan komitmen untuk kita melatih guru melalui PISMP ataupun KPLSPM yang lima setengah tahun. Kenapa begitu? Ada yang seperti Yang Berhormat kata, kenapa kita tidak selesaikan dengan cepat? Ramai yang berpendapat, khususnya daripada *stakeholder* dalam pendidikan menganggap bahawa kalau kita buat secara KDC, itu secara mi segera. Itu bukan sesuatu yang terbaik.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Sudah 50 tahun.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Belum, biar saya selesaikan Yang Berhormat. Sebab itulah kita kena agihkan beberapa teknik. KDC pun ada tetapi jumlahnya – kalau Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) cuma setahun, kalau KDC, satu setengah tahun. Jadi pada hujung tahun ini, bagi mereka yang menjadi guru sandaran, kita akan beri peluang kepada mereka sama ada siswazah atau bukan siswazah tetapi nisbahnya kita sudah berubah. Kita lebih beredar kepada mereka yang menjadi guru sandaran dengan kelayakan universiti. Kenapa? Ini kerana kita hendak ke arah menjadikan 28% guru siswazah di sekolah rendah kepada 60%.

Keduanya, KPLSPM ini – selepas SPM, mereka dilatih lima tahun. Tahun ini 1,738 orang yang akan diambil oleh SJK(C), dan SJK(T) juga peningkatan lebih daripada satu kali ganda. Jadi ini antara teknik yang kita ambil. Keduanya, seperti Yang Berhormat katakan – saya berasal dari Johor Bahru, Yang Berhormat kata PIBG keluarkan RM1 juta...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Termasuk lembaga pengelola sekolah.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Belum habis PIBG ataupun Lembaga Pengelola Sekolah, bersabar Yang Berhormat. Sebenarnya itu memang lagu lama sebab yang

terbaru saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat. Pada tahun lalu kita memberikan 3,600 waran untuk mengambil GSTT. Kalau dia adalah siswazah, RM2,200 dan kalau dia adalah bukan siswazah dibayar mengikut gred yang berlainan. Jadi ini memang ditanggung oleh Kementerian Pelajaran. Itu saya beri jaminan kepada Yang Berhormat. Tahun ini juga kita sediakan waran 3,600 dan kita tidak habis pakai, mungkin 2,000 lebih hampir 3,000, dan kita akan memastikan ada guru. Akan tetapi dalam kita menyelesaikan masalah ini, kita kena buat secara berfasa dan KPLSPM ini diakui sebagai kaedah yang paling baik melahirkan guru yang berkualiti.

Jadi saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat, kita telah melatih guru daripada tiga kaedah – KPLI-KDC, KDPM-KDC dan satu lagi KPLSPM. Jadi kaedah ini kalau kita campurkan pada tahun ini, kita hendak ambil lebih... Seperti bulan Jun tahun ini, dari KPLI kita mengambil 600 orang, di campur dengan 1,700 orang, sama dengan 2,300, dan akhir tahun ini 800 lagi dengan mode KDC. Ini antara cara yang kita buat tetapi tidak boleh kita lihat produk itu keluar tahun depan. Jadi ada yang kena lima setengah tahun baru kita dapat melahirkan satu guru siswazah. Jadi saya kena ceritakan kepada Yang Berhormat apa yang sebenarnya berlaku dan apa yang sedang diambil. Saya mengambil nota apa Yang Berhormat terangkan dan saya rasa kita akan mengambil sedaya upaya...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Bila mahu iktiraf *Unified Exam*?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Kita akan selesaikan dengan cepat. Mungkin Yang Berhormat tidak ada. Semalam Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran ada mengatakan apa yang perlu kita buat dan kita akan menerima lulusan UEC itu memasuki apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari dan ini sedang dalam tindakan dan akan kita susuli dengan tindakan pengambilan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan terjawabnya soalan nombor sembilan tadi itu maka sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(12).

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai dengan satu jawapan yang diberi kepada saya jawapan lisan. Soalan saya ialah, *"Minta Perdana Menteri menyatakan segala pengumuman polisi dan peruntukan yang dibuat oleh Perdana Menteri dan Menteri-Menteri lain di Sibu dalam masa kempen pilihan raya Sibu. Berapakah peruntukan yang telah diumumkan?"*

Jawapan yang telah saya terima adalah kerajaan tidak pernah menjanjikan program, projek kepada rakyat semasa kempen pilihan raya kecil di seluruh negara termasuk di Parlimen Sibu. Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu perkataan yang termasuk yang dikatakan oleh Perdana Menteri adalah, *"You help me, I help you. Lets have a deal. You give me Robert Lau in Sibu, I give you RM3 million. Not RM3 million, RM5 million."* Ini adalah satu pengumuman peruntukan. Kenapa ada satu jawapan yang diberi dalam Parlimen ini yang mengatakan kerajaan tidak pernah menjanjikan program kepada rakyat semasa kempen pilihan raya?

■1140

Oleh itu, ini memang satu pembohongan. Orang yang memberikan jawapan ini seorang pembohong. Saya tanya soalan ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya minta Tuan Yang di-Pertua, satu pembohongan yang telah dikeluarkan di dalam Parlimen ini. Adakah kita akan biarkan perkataan-perkataan dan istilah ini diteruskan oleh kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham maksud Peraturan Mesyuarat 36(12).

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *You help me, I help you.* Ini semua seluruh negara tahu... [Tepuk] Ini satu perjanjian yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di pilihan raya kecil.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya minta satu keputusan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak boleh mengeluarkan petua pada saat ini, Yang Berhormat minta. Saya perlu informasi-informasi yang tepat iaitu seperti jawapan kepada soalan dan seperti apa Yang Berhormat dakwa tadi itu. Jadi, kepada pihak-pihak yang berkenaan sila ambil maklum kepada perkara itu. Pada waktu yang bersesuaian

nanti saya akan beri petua kepada peraturan mesyuarat Yang Berhormat timbulkan itu. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Saya minta nasihat Tuan Yang di-Pertua jika kementerian berulang kali memberi jawapan yang *inconsistent*, enggan jawab atau bercanggah, di mana ruang kami Tuan Yang di-Pertua? Apakah setiap kali kita minta dia beri penjelasan itu sahaja? Itu adalah menunjukkan bahawa mereka leka dalam tanggungjawab.

Jadi, saya pohon nasihat di bawah peraturan mesyuarat mana yang kita boleh ambil untuk pastikan pihak eksekutif menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik dan betul. Mereka selalu enggan jawab, jawapan bercanggah atau jawapan tidak konsisten. Saya pohon nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Yang Berhormat, di bawah Peraturan Mesyuarat 23, Tuan Yang di-Pertua ataupun Timbalan-timbalannya tidak boleh diminta untuk mengadili merit jawapan daripada Menteri-menteri. Malahan, Menteri-menteri boleh enggan untuk tidak menjawab langsung kepada soalan-soalan yang dikemukakan daripada mana-mana Ahli dan itu termasuk perkara itu tidak boleh diperbahas. Itu peraturan mesyuarat.

Mengenai dengan Peraturan Mesyuarat 36(12) Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa untuk mensabitkan seseorang itu menyeleweng Dewan. Di bawah peraturan mesyuarat tersebut ada tiga perkara perlu di *establish* ataupun sebagai *prima facie case* iaitu pertama, fakta yang dihujahkan itu tidak betul dan apabila kita dapati betul maka pihak yang berhujah itu terus juga berpegang kepada hujah itu dan ia berniat untuk menyeleweng Dewan. Itu Ahli-ahli Yang Berhormat semua maklum.

Maka itu perkara yang ditimbulkan tadi oleh Yang Berhormat Bandar Kuching tidak boleh saya keluarkan petua *immediately*. Saya terpaksa buat penyiasatan terlebih dahulu. Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, sila sambung perbahasan.

USUL**RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH (2011-2015)**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan cabaran pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan dalam menghadapi persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha kerajaan untuk terus melaksanakan Misi Nasional dengan disokong oleh Model Baru Ekonomi sebagai rangka dasar pembangunan bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang akan dilaksanakan berasaskan hala tuju strategik, program dan peruntukan yang diperlukan untuk merealisasikan Wawasan 2020 dan membawa negara ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020 seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah CMD.3 Tahun 2010;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesepuluh, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya bersatu padu dengan semangat “1Malaysia : Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan” dan mempunyai iltizam yang teguh bagi melaksanakan tanggungjawab yang murni untuk menjayakan pelan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju, berdaya tahan dan berdaya saing, demi untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia” **[23 Jun 2010]**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sila sambung.

11.44 pg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Dato’ Jacob Dungau Sagan]: Tuan Yang di-Pertua, saya terus menyambung jawapan saya semalam berkenaan dengan usaha MITI menarik pelaburan asing. Untuk menjawab soalan ataupun teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Bagan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia kesepuluh, kerajaan telah menetapkan KDNK sebenar berkembang pada kadar 6% setahun supaya dapat menuju ke arah ekonomi berpendapatan tinggi sesuai dengan Model Baru Ekonomi. Ini memerlukan pelaburan swasta berkembang kepada 12.8% atau RM115 bilion setahun.

Pertumbuhan akan diterajui oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan. MITI berpendapat, sasaran pelaburan tahunan sebanyak RM115 bilion bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh boleh dicapai berasaskan kepada pencapaian dan pengalaman MITI dalam beberapa tahun yang lalu.

Untuk memastikan sasaran pelaburan swasta tahunan sebanyak RM115 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dicapai, kerajaan telah mengumumkan beberapa rangka termasuk perubahan penting yang akan dilakukan ke atas Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia ataupun MIDA seperti berikut;

- (i) pengkorporatan MIDA bagi membolehkannya mempunyai fleksibiliti untuk menarik dan mengekalkan bakat yang perlu supaya menjadi agensi pelaburan yang kompetitif di peringkat antarabangsa;
- (ii) memperkasakan MIDA untuk berunding terus dengan bakal pelabur bagi projek yang disasarkan; dan
- (iii) menjadikan MIDA sebagai pusat sehati untuk mempromosikan pelaburan bagi sektor pengilangan dan perkhidmatan bagi meningkatkan penyelarasan dan kesepaduan pelbagai badan promosi pelaburan dalam negara.

Kerajaan juga telah memperkenalkan perkataan berfokus atau *targeted approach* dengan izin dalam menggalakkan pelaburan langsung asing.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Strategi dan usaha untuk menggalakkan pelaburan asing adalah ditumpu untuk menarik syarikat terkemuka yang berteknologi tinggi dan berintensif pengetahuan.

Datuk Bung Moktar Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Minta penjelasan Menteri, boleh?

Dato' Jacob Dungau Sagan: Sebentar, *let me finish* sekejap. Tumpuan diberi terhadap subsektor pertumbuhan baru seperti *advance electronic and semi-conductor*,

peralatan perubatan, sumber tenaga alternatif dan tenaga solar, *phonic*, *auto electronic*, teknologi nano, jentera dan industri sokongan kejuruteraan.

Sebagai contoh kerajaan telah berjaya membangunkan dua kelompok utama dalam sektor pertumbuhan baru ini iaitu kelompok solar yang telah kita laksanakan iaitu dari segi syarikat Q-Cell, First Solar dan SunPower. Begitu juga dalam lampu diod pengeluar cahaya LED oleh Philips Lighting dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan juga akan terus mempergiatkan strategi menggalakkan pelaburan asing yang sedia ada seperti berikut;

- (i) menganjur misi penggalakan pelaburan yang bertujuan untuk menyebar dan memaklumkan kepada pelabur-pelabur tentang peluang pelaburan di dalam sektor-sektor yang disasarkan dan perkembangan maklumat terkini;

Datuk Bung Moktar Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan Menteri?

Dato' Jacob Dungau Sagan: Sekejap sahaja. Saya akan habiskan jawab dahulu.

- (ii) menganjurkan spesifik projek *mission* untuk menarik pelaburan daripada industri yang dikenal pasti potensi untuk masa hadapan, seperti misi ke Jepun, Eropah, Amerika Syarikat, China, Taiwan, Hong Kong dan negara-negara Asia Barat untuk memasarkan industri dan subsektor perkhidmatan spesifik;
- (iii) menganjurkan persidangan meja bulat dengan kapten-kapten industri semasa lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri ke luar negara terutama di negara pengeksporth modal dan teknologi; dan
- (iv) menyertai pameran industri di luar negara khususnya pameran industri-industri yang menjadi sasaran kerajaan dan berbagai-bagai program yang berkaitan yang lain yang diadakan oleh MITI.

Silakan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada keraguan dengan usaha murni kementerian melalui MIDA. Cuma, saya ingin tahu apakah punca-puncunya negeri Sabah kurang pelabur datang untuk melabur ataupun untuk membuatkan Sabah sebagai destinasi pelaburan mereka?

Apakah ini disebabkan oleh perkara-perkara dalaman ataupun mungkin usaha-usaha daripada pihak kementerian daripada MIDA kurang begitu berkesan? Jikalau

tidak berkesan apakah MIDA dan kementerian mempunyai strategi lain untuk memastikan pelabur-pelabur daripada luar negara datang melabur ke Sabah dan Sarawak khususnya.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Minta penjelasan tambahan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh sambung tidak?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Boleh sambung? Tambahan untuk minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan walaupun saya jarang setuju. Sebenarnya bukannya sahaja Sabah. Mengikut statistik daripada MITI sendiri, Malaysia telah semakin hari semakin hilang daya tarikan kepada pelabur asing.

■1150

Tahun 2008 - jumlah pelaburan asing (FDI) yang mengalir masuk hanya USD8 bilion. Pada tahun lepas, menyusut ke USD6.5 bilion. Semalam baru dilaporkan, syarikat industri makanan terbesar di dunia *Nestle* bercadang untuk meninggalkan kilang di Melaka dan pindah ke Indonesia. Syarikat - *the largest plantation company in the world* - *Wilmar International Limited* di Singapura juga bercadang untuk melabur USD2 bilion di Indonesia.

Nampaknya, kita telah hilang daya saingan walaupun dengan Indonesia. Jangan banding dengan negara maju yang lain. Saya hendak tahu dengan begitu banyak MITI di seluruh dunia, tetapi mengapa daya tarikan kita semakin kekurangan jika dibandingkan pada tahun 1990-an. Apakah langkah-langkah konkrit supaya kita tidak ketinggalan? Khususnya - satu soalan yang penting adalah apakah rancangan proaktif kerajaan untuk mengekalkan pelabur asing yang sedia ada dalam negara kita seperti *Nestle*, *Wilmar International Limited* dan lain-lain. Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh saya tambah sedikit Yang Berhormat? Sedikit sahaja. Sama, isu sama,

Dato' Jacob Dungau Sagan: Nanti terlupa pula apa soalan itu...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tanya yang sama Yang Berhormat. Saya ingin bertanya Yang Berhormat bahawa masalah kedatangan pelabur asing dua tahun yang lalu sudah kurang. Apakah benar, kerana masa itu krisis kewangan di Amerika Syarikat yang menyebabkan negara-negara yang ada hubung kait terjejas dari segi kemasukan pelabur asing ke negara-negara membangun seperti Malaysia dan juga persaingan yang dihadapi dengan negara China dan juga Vietnam.

Soalan saya selain daripada perkara tersebut, kekurangan kedatangan pelabur asing ialah kerana isu birokrasi yang dihadapi oleh pelabur-pelabur asing dan juga persepsi bahawa negara kita ini dilanda oleh rasuah dan sebagainya. Sama ada benar atau tidak, itu persepsi yang digambarkan oleh pihak luar dan tidak ada kena mengena dengan dasar-dasar *affirmative* ataupun apa yang dikatakan *ethnic-based policy*. Ini kerana rekod dahulu membuktikan bahawa sewaktu tahun 70-an sampailah tamat tahun 1990 dahulu kita tengok, dari segi peratus kenaikan pertumbuhan ekonomi mampan sehingga tujuh peratus hingga lapan peratus tiap-tiap tahun dan kedatangan pelabur asing cukup hebat dan cukup banyak dan tidak timbul apa-apa masalah. Sekian, terima kasih.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Yang Berhormat dari Kinabatangan. Begitu juga Yang Berhormat dari 'Tapang' dan juga dari Yang Berhormat Pasir Mas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Taiping...

Dato' Jacob Dungau Sagan: Ya, Taiping ya?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Taiping bukan 'Tapang'.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Minta maaf. Ya, okey - Taiping.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Itu 'Tapang' - pokok besar di Sarawak, Yang Berhormat.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Ya betul. Saya ingat itu tadi, terima kasih. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Kita juga sedar bahawa MITI ini seperti mana yang telah saya sebutkan tadi, kita telah menjalankan berbagai-bagai pendekatan dan juga langkah-langkah untuk mempergiatkan lagi serta juga untuk *anticipate* lagi usaha MITI untuk menarik pelaburan.

Tadi saya ada sebut banyak langkah-langkah yang telah diambil seperti pemimpin-pemimpin kita pergi keluar negara untuk menarik pelabur-pelabur asing untuk datang ke negara kita. Bagi Sabah dan Sarawak ini, seperti mana yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi nampaknya sekarang memang ada dua, tiga syarikat besar yang telah bersetuju untuk melabur di negeri Sabah dan begitu juga di negeri Sarawak. Lebih-lebih lagi dalam industri *photovoltaic* atau dalam bahan-bahan *solar energy*. Jadi ini saya rasa satu pencapaian yang cukup baik dalam satu, dua tahun akan datang Yang Berhormat. Walaupun demikian kita tahu bahawa Sabah dan Sarawak ini memang mempunyai satu kekurangan juga jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia. Jadi oleh sebab itu, MITI juga telah menggalakkan pelabur-

pelabur asing yang ingin melabur di Malaysia ini supaya juga melihat keadaan di negeri Sabah dan Sarawak. Jadi negeri Sabah dan Sarawak ini tidak terlupalah dari pandangan skrin MITI.

Bagi jawapan kepada Yang Berhormat 'Taipei' tadi... [Disampuk] Yang Berhormat 'Taipei' - Yang Berhormat Taiping, bukan Yang Berhormat 'Taipei'. MITI juga melihat satu-satu dari segi kita cuba menarik pelaburan dari luar dan sekarang ditumpukan kepada *high-tech investment* ataupun pelaburan *high-tech* di negara kita. Jadi ini kita sudah nampak jelas sekali bahawa banyak syarikat yang besar sudah melabur di negara kita lebih-lebih lagi di *Hi-Tech Park* seperti *Q-Cells*, *SunPower Corp.* dan juga banyak lagi syarikat besar yang sudah ingin menarik melabur di negara kita dan bagi pihak yang keluar dan ingin melabur di negara yang lain seperti *Nestle* dan *Wilmar International Limited* tadi. Ini terpulangnya kepada syarikat-syarikat ini oleh sebab ini terpulangnya kepada *business model* mereka. Walaupun demikian...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: [Bangun]

Dato' Jacob Dungau Sagan: ...Walaupun demikian, sekarang ini MITI juga memberikan tumpuan kepada *Domestic Direct Investment* (DDI) kita supaya...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Dengan izin...

Dato' Jacob Dungau Sagan: ...Supaya syarikat pelabur yang besar ini...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: ..Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya...

Dato' Jacob Dungau Sagan: Saya, saya...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Saya rasa terkilan, Yang Berhormat Timbalan Menteri langsung tidak jawab soalan saya. Soalan saya adalah apakah rancangan proaktif pihak kerajaan mengekalkan pelabur-pelabur asing yang telah datang dan beroperasi di sini supaya mengelakkan mereka semua keluar dari Malaysia, apakah rancangan kerajaan? Itu yang kita hendak tahu. Bukannya berikan alasan dan dalih, itu pilihan syarikat...

Dato' Jacob Dungau Sagan: Okey...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *Nestle* bukan syarikat kecil...

Dato' Jacob Dungau Sagan: Yang Berhormat...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: ...*Wilmar International Limited* bukan calang-calang syarikat. Ini semua syarikat terbesar di dunia.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Yang Berhormat, kita tahu bahawa jika sesebuah syarikat itu ingin memperkembangkan *business model* mereka ke kawasan di negara-

negara yang lain, itu kita tidak dapat *stop* mereka - *we cannot stop them*. Akan tetapi walaupun demikian, seperti mana yang saya sebutkan tadi, MITI memang berusaha untuk setakat dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini mengambil tindakan yang serius. Ini untuk memberi galakan kepada syarikat-syarikat yang besar dan sudah melabur di kawasan kita di sini supaya mereka ini tidak keluar daripada negara kita Malaysia. Ada juga insentif-insentif yang kita berikan supaya mereka ini juga dapat kekal melabur di kawasan yang...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Apa insentifnya? Apa rancangannya? Dewan ini mahu perlu dimaklumkan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tidak mahu *sweeping statement* - "*Oh, ada insentif.*" Apa insentifnya, apa usaha yang telah dilakukan? Ini adalah kerana sedang berlaku, kita susah payah pergi ke luar negara - pergi Jepun, pergi *Middle East* untuk tarik pelabur datang...

Dato' Jacob Dungau Sagan: Okey, okey..

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: ...Akan tetapi pelabur datang, tetapi tidak ada rancangan konkrit.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Okey, okey. Tidak mengapa Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ini masa penggulungan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tunjukkan sedikit peradaban dalam Dewan, Yang Berhormat ya?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Betul, kalau tanya pun...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Kita hanya tanya sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri masih belum bagi peluang, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak, sedikit sahaja. Saya bertanya ini beradab. Saya memang penuh adab. Saya ingin mencadangkan, kementerian kalau boleh melantik beberapa orang *negotiator* untuk merunding soal-soal sebegini. Mungkin saya bukan juga pakar tetapi saya ini memang biasa dalam *negotiations* sebegini. Jadi Yang Berhormat mungkin boleh fikirlah... [*Dewan riuh*]

[Ketawa] Daripada mendengar cakap Yang Berhormat Taiping itu tidak tentu arah, kita hendak mencari jalan penyelesaian, bukan hendak gaduh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, duduk sekejap dahulu.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Yang Berhormat Taiping...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri, duduk sekejap. Saya bukanlah begitu hendak *insist* disiplin dalam Dewan, Yang Berhormat. Akan tetapi seberapa dapat yang boleh, ikutlah sedikit peraturan. Kalau seseorang tidak memberi laluan, maknanya yang lain jangan bercakap dahulu. Kalau ia sudah bagi, baru kita bercakap. Kalau memang ia tidak hendak bagi langsung, mungkinlah Yang Berhormat boleh bersuara untuk menarik perhatian.

Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pun ingin tahu soalan Yang Berhormat Taiping tadi Yang Berhormat. Apakah tindakan kerajaan?

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Taiping tadi - di bawah saya tidak dapat memberi jawapan terperinci. Yang ini kita beri secara bertulis. Akan tetapi setakat ini, saya boleh memberi jawapan di bawah pengkorporatan MIDA yang akan kita buat dalam tidak berapa lama lagi. Kita sudah memberi tiga tumpuan yang penting.

■1200

Satu, untuk menarik FDI yang keluar itu. Kedua, untuk menarik DDI iaitu *domestic direct investment*, yang ketiga itu tadi *services sector*. Jadi, inilah tumpuan kita akan beri dan seperti mana yang disebutkan oleh Kinabatangan tadi, kita memang mempunyai banyak konsultan di bawah MIDA ini yang boleh menjalankan semua tugas seperti ini. Jadi, kita tidak berapa itulah. Jangan kkuatir.

Yang Berhormat Pasir Mas tadi, kita tahu bahawa kerajaan memang sedar perkara ini dan kerajaan pun terus menjalankan beberapa tindakan seperti PEMUDAH dan organisasi yang lain supaya dapat mengatasi masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas tadi. Saya ingin terus kepada jawapan saya iaitu Yang Berhormat Pasir Salak menyarankan...

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Penjelasan, Timbalan Menteri.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Jangan dahulu, biar dahulu. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Pasir Salak juga menyarankan untuk memberi tumpuan kepada pelaburan dalam negara iaitu *domestic direct investment* (DDI) dan tidak terlalu

bergantung kepada pelaburan langsung asing, *foreign direct investment*. Beliau juga menyentuh mengenai *capital drain* iaitu pengaliran keluar dana pelaburan ke luar negara. Mungkin ini ada terlibat sedikit dengan soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Taiping tadi.

Kerajaan akan terus mempergiatkan pelaburan domestik supaya dapat mencapai sasaran nisbah pelaburan domestik berbanding FDI terkini sebanyak 50:50. Antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil adalah seperti berikut. Di sinilah, Yang Berhormat Taiping, jawapannya:

- (i) memasarkan syarikat tempatan yang berkebolehan dan berpotensi bagi menggalakkan syarikat untuk melabur dalam industri strategik; dan
- (ii) mengadakan perjumpaan yang lebih kerap dengan syarikat-syarikat tempatan...

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Timbalan Menteri.

Dato' Jacob Dungau Sagan: ...Yang disasarkan (*targeted companies*) serta syarikat-syarikat yang berpotensi bagi mengenal pasti isu-isu yang mempengaruhi para pelabur dan dalam membuat keputusan pelaburan di Malaysia...

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, dia belum habis penjelasan.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Biar saya habis dahulu, Yang Berhormat.

- (i) untuk menyediakan pelbagai galakan khas untuk syarikat milik tempatan termasuk galakan pusingan kali kedua bagi industri pemprosesan makanan dan industri berasaskan sumber getah, kelapa sawit dan kayu; dan
- (ii) menjalankan kajian perindustrian (*industrial studies*) untuk membantu pelabur tempatan dan mengenal pasti sektor aktiviti yang boleh dilabur seperti keluaran Halal, teknologi hijau, *medical devices*, perkhidmatan perniagaan dan aktiviti *maintenance, repair* dan *overhaul*.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu *capital drain* pula, kerajaan sentiasa prihatin terhadap pengaliran keluar pelaburan. Sehubungan dengan ini, kerajaan melalui *domestic investment initiative* menggalakkan syarikat-syarikat tempatan, Yang Berhormat Taiping, mempertingkatkan pelaburan dalam negara. Sebahagian besar

daripada syarikat-syarikat yang melabur di luar negara adalah merupakan *market leader* dalam sesebuah industri. Syarikat-syarikat tersebut membawa kembali pendapatan keuntungan yang diperolehi di luar negara ke Malaysia.

Pelaburan asing Malaysia ke luar negara membolehkan syarikat-syarikat Malaysia menembusi pasaran antarabangsa bagi mendapat peluang perdagangan dan pelaburan baru, memperoleh teknologi baru dan juga sebagai salah satu cara untuk meningkatkan daya saing di dalam pasaran global. Namun yang demikian, kerajaan sedang mengambil pendekatan proaktif bagi menggalakkan syarikat tempatan membuat pelaburan baru dan pembesaran di Malaysia.

Yang Berhormat Pasir Salak telah memohon penjelasan mengenai terdapatnya kilang pakaian dan tekstil yang telah berpindah ke luar negara disebabkan permohonan untuk mendapatkan pekerja asing tidak berjaya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Jun 2010 terdapat sebanyak 670 syarikat tekstil dan pakaian yang mempunyai lesen pengilang di Malaysia. Selain itu terdapat kira-kira 1,000 syarikat tekstil dan pakaian besar, kecil dan sederhana. Kesukaran mendapat pekerja asing bukanlah satu-satunya sebab utama sesebuah syarikat tekstil dan pakaian memindahkan operasi. Peningkatan kos operasi juga merupakan salah satu faktor utama syarikat-syarikat ini memindah operasi ke luar negara. Faktor-faktor lain termasuklah kekurangan pekerja mahir dan kegagalan bersaing dengan pengeluar sedia ada.

Mengikut laporan *industrial* sewaktu sesi dialog MITI pada 8 Jun 2010, antara negara-negara destinasi pilihan yang mempunyai purata kos buruh yang rendah bagi industri ini adalah Vietnam – USD170 hingga USD200, Indonesia – USD147; dan Cambodia – USD40. Purata kos buruh di negara-negara ini jauh lebih rendah berbanding Malaysia iaitu USD488. Sebanyak 13 buah syarikat telah berhenti beroperasi di antara Januari 2008 sehingga Mac 2009. Malaysia juga kini tidak lagi menggalakkan industri berintensifkan buruh di mana penekanan diberikan kepada pelaburan berintensifkan modul dan teknologi tinggi. Dalam hal ini, ingin dimaklumkan bahawa kebanyakan syarikat yang telah memindahkan operasi mereka adalah syarikat yang memfokuskan kepada pengeluaran tekstil dan pakaian bermutu rendah.

Yang Berhormat Labuan menyatakan kerjasama yang dibuat...

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, Tebrau bangun.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Okey, Tebrau.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan timbalan menteri. Saya hendak tahu keadaan yang sebenarnya tentang mengapa begitu kurangnya pelaburan China di Malaysia. Saya terbaca satu kenyataan oleh persatuan pengeksport-pengeksport di negeri China bahawa hingga kini pelaburan China di Indonesia sudah menjangkau RM4.5 bilion tetapi pada jangka masa lebih kurang sama iaitu tahun 2004 hingga 2009, pelaburan China di Malaysia ini hanya RM0.5 bilion.

Saya hendak tahu mengapa. Adakah mengikut kenyataan itu oleh kerana isu-isu birokrasi dan juga isu-isu rasuah merupakan dua faktor yang utama yang tidak menggalakkan yang menyebabkan pelaburan China di negara Malaysia itu begitu kecil sahaja. Adakah itu benar? Jika benar, apakah langkah-langkah yang diambil? Adakah kementerian sudah menyasat bahawa tuduhan seperti itu daripada pelabur-pelabur asing itu adalah benar atau tidak, dan adakah langkah-langkah diambil untuk mengatasinya? Minta penjelasan.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya sambung sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, sila, Yang Berhormat.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Dahulu kita popular apabila menawarkan kepada pelabur asing, tanah industri yang murah, buruh-buruh yang murah tetapi sekarang ini tanah industri di Malaysia tidak murah lagi. Buruh kita pun tidak lagi semurah dahulu. Apa pendekatan baru MIDA ataupun kementerian untuk ditawarkan kepada pelabur-pelabur asing bagi menarik mereka untuk melabur dalam negara kita?

■1210

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Yang Berhormat dari Tebrau. Setakat ini saya tidak ada statistik bagi pelaburan negara China di negara kita.

Walaupun demikian saya akan memberi kepada Yang Berhormat mungkin selepas ini nanti. Jadi apa yang kita tahu sekarang ini ialah kita sedar bahawa pelaburan negara China di negara kita sekarang memang ada kurang mulai dari tahun 2008 hingga 2009. Walaupun demikian, setakat ini kita ada membuat banyak lawatan ke negara China termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga menteri-menteri yang lain untuk menjalinkan perhubungan yang rapat dengan pelabur-pelabur yang mungkin ada di negara China.

Jadi oleh sebab itu kita sudah nampak bahawa ada tanda-tanda mereka ini akan terus datang ke negara kita untuk mencari peluang melabur dalam beberapa bidang

yang mereka minat. Jadi langkah-langkah itu dari segi langkah-langkah yang kita ambil memang lawatan ke luar negara, perhubungan rapat dengan *businesses*...

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Bagaimana tentang aduan itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Jacob Dungau Sagan: Pemimpin-pemimpin di China dan juga kita di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat Kepong bangun Yang Berhormat. Bagi laluan Yang Berhormat Kepong Yang Berhormat.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Sebelum Yang Berhormat Kepong bangun, saya cuba menjawab Yang Berhormat Jempol dahulu. Sekarang ini memang kita tahu bahawa harga tanah dan juga harga buruh kita ini memang meningkat. Jadi ini memberi satu cabaran yang besar untuk negara kita bagaimana kita dapat menarik lebih lagi pelabur-pelabur ke negara kita dengan satu kos yang tinggi dari segi tanah dan buruh ini.

Oleh sebab itulah kerajaan membuat satu dasar yang baru supaya kita akan tumpukan usaha kita ke *high-tech industry* yang menggunakan robotik dan yang lain-lain. Begitu juga kita dalam *human resource development* kita juga telah menjalankan beberapa program supaya pekerja-pekerja itu lebih mahir lagi untuk menjalankan usaha-usaha ataupun kerja-kerja dalam *high-tech technology* yang baru ini...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd Yusoff [Balik Pulau]: [Bangun]

Dato' Jacob Dungau Sagan: Jadi Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya pun ada bangkitkan masalah mengenai hubungan perdagangan di antara Malaysia dengan China termasuklah anggapan dan pendirian Malaysia terhadap status *market of economy* di China dan faktor-faktor yang menyebabkan kekurangan pelaburan dari China ini. Walaupun ada langkah-langkah yang dibuat dan termasuklah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat China dan sebagainya dan anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun mengambil kursus di China juga dan sebagainya tetapi bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini apakah faktor-faktor yang menyebabkan pelaburan ini kurang dan hubungan perdagangan dan status China yang diiktiraf oleh pihak Malaysia...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd Yusoff [Balik Pulau]: Menteri, Balik Pulau sedikit.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, saya ada soalan mengenai China juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Mana satu Yang Berhormat?

Dato' Jacob Dungau Sagan: Yang Berhormat Balik Pulau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Klang, saya dahulu. Menteri, saya mohon penjelasan. Secara perbandingan, saya melihat ada beberapa inisiatif baru terutama oleh Kerajaan Malaysia dalam mempertingkatkan hubungan dan perdagangan dengan Amerika Syarikat contoh pelantikan APCO. Carian kita menunjukkan untuk tiga sebab untuk menambahkan dagangan, untuk menambahkan pelaburan, untuk menasihatkan mengenai anti *terrorism* dan juga dilantik kita panggil Yang Berhormat Rompin selaku *ambassador* khusus.

Soalan saya ialah apa inisiatif-inisiatif terhadap perdagangan dengan China ini kerana persidangan di Teluk, di Doha Forum baru-baru ini kita membincangkan mengenai bagaimana banyak peranan ekonomi China dan banyak perkara-perkara baru yang dibincangkan. Bukan lagi hanya ekonomi di Amerika. Jadi saya rasa Malaysia dengan kekuatan tersendiri dan dengan pelbagai kaum, kelompok Cina yang mungkin memberi satu *comparative advantage* mungkin boleh bergerak ke depan daripada negara lain.

Soalan saya setakat hari ini bagaimana benda itu dibuat? Kedua, penjelasan saya ialah mengenai menarik minat *human resources* ataupun modal insan. Saya melihat apa yang dilakukan di Singapura secara khusus *bio-please*. *Bio-please* itu satu agenda yang sama, *technology of tomorrow* tetapi ia berjaya menarik contohnya pemegang *Nobel Price* ke sana dan top saintis dan agendanya bersama universiti-universiti terkenal. Soalan saya, setakat ini apa MIDA lakukan ke arah menarik minat kelompok-kelompok ini untuk datang ke Malaysia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Klang.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan saya berkait dengan negara China tetapi soalan itu khususnya mengenai FTA iaitu perdagangan bebas di antara ASEAN dengan China. Peniaga-peniaga di Malaysia khususnya *National Chinese Chamber of Commerce*

Industry dan juga peniaga-peniaga di Indonesia telah mengatakan kepada Kerajaan Asean, Malaysia di sini dan pihak perniaga Indonesia mengenai dengan kerajaan mereka, telah mengatakan bahawa FTA dengan China ini telah mula menghakiskan ataupun *erode the profitability* dan juga *business* mereka di negara masing-masing. So kita mengadakan FTA dengan negara China supaya kita ada *market access* kepada pasaran China dan peniaga-peniaga China ada *market access* kepada pasaran Malaysia dan juga di Indonesia tetapi kita di Malaysia, kita memberikan *market access* kepada peniaga-peniaga di Malaysia.

Akan tetapi nampaknya sekarang peniaga-peniaga sendiri di Malaysia mengatakan bahawa tolong hadkan atau limit *the FTA* ataupun *limit the commitments in the FTA* supaya peniaga-peniaga Malaysia boleh mendapat keuntungan daripada FTA ini sebab sekarang mereka mendapati bahawa kalau kita berterusan dengan *existing commitments* FTA dengan China, maka peniaga-peniaga Malaysia akan bukan sahaja hilang keuntungan tetapi juga terpaksa tutup kilang-kilang mereka. Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:
Panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Jacob Dungau Sagan: Cukup panjang. Jadi saya mintalah saya dapat menjawab semua soalan ini nanti, mungkin saya teruskan. Saya cuba menjawab soalan dari Yang Berhormat Kepong tadi. Yang Berhormat kepong juga menyoal saya perlu menjawab soalan Yang Berhormat Kepong kerana ini juga terlibat dengan pelaburan dari China tadi.

Yang Berhormat Kepong ingin membangkitkan berkenaan pencapaian status perundingan serta hubungan perdagangan dengan negara China dan di peringkat pertubuhan perdagangan dunia atau WTO dan *market economy*.

Untuk makluman Yang Berhormat, China telah menjadi ahli WTO pada 11 Disember 2001. Semasa merundingkan Perjanjian Perdagangan Bebas Asian-China, Malaysia menarafkan China sebagai sebuah negara *market economy* pada November 2002. Antara negara-negara lain yang mengiktiraf negara China sebagai sebuah negara *market economy* termasuk negara-negara ASEAN, Chili, Costa Rica, Hong Kong, Macau, New Zealand, Pakistan dan Peru. Walau bagaimanapun, negara perdagangan utama dengan China seperti US, EU, India dan Jepun masih belum mengiktiraf China sebagai sebuah negara *market economy* kerana dikatakan masih belum mencapai status tersebut.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua..., tunggu dulu Yang Berhormat Kepong. Ini ada jawapan untuk soalan Yang Berhormat Kepong juga mengenai *market economy* pula. Ini jawapan untuk Yang Berhormat kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya saya tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Dia hendak baca jawapan untuk Yang Berhormat. Jawapan bagi soalan Yang Berhormat sedang dijawab.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Dengar dahulu Yang Berhormat Kepong. Mungkin ini akan terjawab nanti. Bukanlah merupakan salah satu isu rundingan di bawah rundingan WTO. Oleh yang demikian, adalah tertakluk kepada anggota, individu WTO masing-masing untuk mengiktiraf sesebuah negara anggota WTO itu sebagai *market economy* kerana setiap anggota mempunyai definisi sendiri mengenai status *market economy*.

■ 1220

Namun di bawah terma perjanjian perdagangan dunia, *Protocol on the Accession of the People Republic of China*, China akan diiktiraf oleh semua anggota WTO sebagai sebuah market ekonomi menjelang 2016 iaitu 15 tahun selepas kemasukannya sebagai anggota WTO. Status market ekonomi ini hanya merujuk kepada tujuan anti lambakan sahaja.

Malaysia mulai perjanjian perdagangan bebas Asian China yang dimeterai pada Julai 2003 telah banyak memperoleh manfaat. Jadi ini menyentuh soalan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Klang tadi. Di bawah perjanjian perdagangan bebas Asian-China, perdagangan Malaysia telah meningkat sebanyak RM5.603 bilion pada tahun 2007 kepada RM8.3 bilion pada tahun 2009. Jadi ini juga terlibat dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tebrau tadi.

Manakala untuk bulan Januari hingga April 2010, perdagangan Malaysia telah meningkat sebanyak RM4.17 bilion di bawah Asian-China FTA. Perdagangan dengan China kita nampak melonjak 26% sejak mulanya Asian China FTA pada 1 Januari 2010. Selepas perdagangan biasanya pelaburan menyusul. Kita yakin FDI dari China akan terus meningkat pada masa akan datang.

Antara manfaat yang diperolehi oleh Malaysia melalui perjanjian perdagangan bebas Asian-China adalah ia mewujudkan rantau ekonomi dengan menggunakan jumlah RM1.7 bilion GDP serantau berjumlah USD2 trilion dan di mula perdagangan dijangkakan sebanyak USD1.23 trilion yang merupakan perjanjian perdagangan bebas

terbesar di antara negara-negara membangun. Penghapusan halangan terhadap perdagangan di antara Asian dan China akan mengurangkan kos, meningkatkan perdagangan serantau dan mengukuhkan daya tarikan Malaysia dan rantau Asian sebagai destinasi utama pelabur.

Jadi itulah saya rasa saya dah sentuh komen-komen yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Kepong dan juga Yang Berhormat Klang tadi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sudah habiskah Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Dato' Jacob Dungau Sagan: Bagi Yang Berhormat Balik Pulau tadi, dia bertanya satu dari segi HRD nya tadi, kita memang sentiasa membuat susulan dan juga menekan dalam usaha kita untuk meningkatkan lagi *human resource development* negara kita untuk keperluan industri-industri yang terbaru ataupun yang *high-tech* di negara kita.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh tanya sedikit?

Dato' Jacob Dungau Sagan: Itu saya pun sudah sentuh. Jadi biarlah saya, masih banyak lagi perkara yang ingin saya sentuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Boleh ringkaskan Yang Berhormat, Yang Berhormat kita sudah kesuntukan masa juga Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya hendak tanya sedikit sahaja.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Biarlah saya jawab sedikit lagi soalan-soalan yang telah disentuh dalam perbahasan ya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya hendak tanya tentang WTO, perjanjian WTO tadi.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Saya hendak jawab, duduk dulu. Yang Berhormat Labuan menyatakan kerjasama dan pengharmonian agensi seperti SME Bank, SME Corp dan TEKUN dalam pembangunan industri kecil dan sederhana IKS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program-program yang dijalankan ...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat pindah ke topik lain, boleh? Berkenaan WTO.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Ya?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Berkenaan WTO tadi, Yang Berhormat sudah masuk ke perkara lain sekarang.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Biar saya habis ini dulu ya. Kerjasama agensi-agensi pelaksana yang mempunyai kepakaran yang telah diiktiraf dalam bidang masing-masing seperti produk *packaging, standardization*, akreditasi dan pembangunan kualiti. Di antara agensi-agensi tersebut ialah SIRIM Berhad, *Forest Research Institute Malaysia, Multimedia Multivalent Corporation, Malaysia Timber Industry Board, Furniture Industry Technology Center (FITEC)* dan lain-lain.

SME Corp Malaysia sebagai agensi penyelaras perusahaan kecil dan sederhana telah menubuhkan sebuah jawatankuasa kerja yang dianggotai oleh kementerian dan agensi utama yang terlibat dalam pembangunan PKS termasuk di Sabah dan Sarawak. Melalui jawatankuasa ini, kementerian dan agensi berkaitan dapat memahami fungsi dan peranan yang dilaksanakan serta berkongsi pengalaman dan kepakaran di dalam merangka program yang bersesuaian untuk meningkatkan operasi perniagaan dan daya saing PKS. Kerjasama ini dapat memastikan bahawa tiada pertindihan program pembangunan PKS yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi terbabit. Selain itu, beberapa inisiatif lain juga telah di ...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Boleh Timbalan Menteri?

Dato' Jacob Dungau Sagan: Biarlah saya jawab Yang Berhormat Labuan dulu ya. Dilaksanakan oleh SME Corp Malaysia bagi membantu pembangunan PKS dengan kerjasama agensi badan berkaitan iaitu menubuhkan panel *enterprise micro*, menubuhkan Jawatankuasa Pemasaran PKS, memperkenalkan program pembangunan jenama PKS, program *National Mark, Malaysia Brand* dan juga mengenai penubuhan cawangan SME Bank, ini dimaklumkan bahawa SME Bank mengambil pendekatan menubuhkan cawangan baru secara berperingkat.

Setakat ini SME Bank mempunyai 19 cawangan di seluruh negara termasuk dua cawangan di negeri Sabah iaitu di Kota Kinabalu dan Tawau. Buat masa ini, SME Bank sedang membuat perancangan dan kajian kemungkinan untuk membuka beberapa cawangan baru termasuk di Labuan bergantung kepada permintaan semasa dan sesuai nanti.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Boleh Timbalan Menteri?

Dato' Jacob Dungau Sagan: Yang mana dulu berdiri?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Dia dulu daripada saya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya sebenarnya hendak merujuk kepada FTA tadi, ringkas sahaja tetapi tidak sempat, ringkas sahaja soalan saya.

Saya hendak tanya, apakah akan berlaku kepada kedudukan Malaysia dalam kes-kes di mana perjanjian telah ditandatangani tetapi yang berkemungkinan untuk di *revise* semula atau dipinda bukan kerana kedudukan kita, kedudukan negara yang kita tandatangani perjanjian tersebut.

Isu ini timbul di persidangan WTO yang wakil WTO telah menjawab dengan terang, kita tidak ada pilihan sekiranya negara yang kita tandatangani perjanjian FTA itu membuat keputusan untuk menukar isi kandungan perjanjian itu, maka terpulang kepada mereka. Dalam hal ini, saya hendak tanya kementerian, Timbalan Menteri, apakah persediaan kita sebagai contoh perjanjian FTA kita sebagai contoh dengan China. Sekiranya negara China mempunyai *intention* ataupun cadangan untuk menukar isi kandungan perjanjian itu, apakah persediaan kita untuk menghadapi kes-kes sebegini? Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Lain sikit soalan saya. *Target* yang diletakkan oleh kementerian itu tinggi Yang Berhormat Timbalan Menteri. Hendak letak *target* apa pun tidak apa, itu hak kerajaan tetapi kalau diletakkan *target* contohnya melonjakkan *private investment* khususnya daripada FDI hampir 100% lonjakan itu untuk mendapatkan RM115 bilion setahun. Saya memerhatikan juga MITI meletakkan paling mutakhir dalam minggu ini, Menteriya menyebutkan bahawa meletakkan RM1.2 trilion *trade target*, itu juga adalah tinggi.

Akan tetapi persoalan yang lebih penting daripada itu yang perlu diberikan penjelasan di sini adalah apakah pendekatannya? Saya memerhatikan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, ada yang baru sedikit dari segi pendekatan adalah dalam soalan sub *specialization* sekadar sebutan. Contohnya kalau masih lagi dalam pembuatan ataupun *manufacturing*, kita masih lagi tergantung dengan E&E, kita masih tergantung dengan *chemical petroleum product*, *plastics industry* dan sebagainya. Itu adalah dari segi tradisinya adalah kekuatan kita.

Persoalan yang ingin ditanya di sini apakah keupayaan kita dalam sub *specialization* yang disebut-sebutkan. Jangan ia hanya sampai retorik, contohnya *electrical electronic* dalam *auto electronic*, dalam *embedded system* dan sebagainya, kerana ia mesti didahulukan dengan keupayaan *capacity and ability and knowledge intensive industries*.

■1230

Itu yang hendak ditanya tadi. *Would we be doing more of the same thing?* Apakah kita akan mengulangi dan mengharapkan hanya faktor luar sahaja, permintaan luar sahaja. Kita telah tahu bagaimana dalam krisis yang lalu kerana kita terlalu bergantung dengan permintaan luar. Kita mengalami kemelesetan itu. Ini perkara-perkara yang telah kita buat *target setting* yang begitu tinggi. Kami tidak nampak, Dewan ini tidak nampak apakah pendekatannya untuk benar-benar memenuhi cita-cita ini. Terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, boleh sambung sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Okey.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sedikit.

Dato' Jacob Dungau Sagan: *On that point* kah?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *On that point, ya. On that point.* Pelaburan asing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya setuju dan berkongsi pendapat juga dengan rakan-rakan daripada sebelah sana tentang kebimbangan kita bagaimana kerajaan atau kementerian untuk menarik pelaburan asing untuk merealisasikan *new economic model* kita ini.

Cuma, saya beri sedikit gambaran kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Awal tahun ini, saya berkesempatan mengikuti rombongan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke UK. Dalam taklimat yang telah diadakan, MITI, MIDA dan sebagainya, kita beri taklimat kepada mereka tentang kekuatan negara kita.

Kebanyakan yang datang pada hari itu *captain of industry* agaknya *interested*, dengan izin dengan penerangan kita. Akan tetapi bila sampai kepada Q&A, soalan pertama yang mereka tanya ialah *can we get subsidies gas?* Ini penyakit subsidi ini sudah berjangkit sampai ke UK.

Penyakit ketagih subsidi ini. Jadi, ditanya soalan tentang *can we get subsidies gas*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *can we get subsidies electricity*. Jadi, akhirnya perbincangan itu sampai ke satu tahap bukan lagi tentang kekuatan negara kita tentang modal insan kita, tentang infrastruktur kita, tentang lokasi, geografi Malaysia tetapi lebih kepada *can I get more of your subsidies input of production*. Jadi, saya minta kalau boleh kementerian berhati-hati. Kalaupun mereka datang, meminta subsidi dan sebagainya, mungkin ini akan menyebabkan *target* kita untuk menjadi negara yang maju di masa akan datang akan terbantut. Minta penjelasan daripada Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya peringatkan juga, peraturan mesyuarat ialah soalan macam ini yang membangkitkan penjelasan bukan isu baru. Kalau ia isu baru, maknanya ia sudah bercanggah dengan peraturan. Jadi, saya ingat jawablah apa yang dibahaskan dalam ucapan dan sambil lalu menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan kalau tidak ada dibangkitkan dalam ucapan. Kalau tidak, sekarang Yang Berhormat sudah satu jam dari semalam.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini saya bangkitkan dalam perbahasan saya sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kalau sudah dibangkitkan semalam, tidak payah tanya lagi Yang Berhormat. Tunggulah, kalau tidak ada jawapan baru bangkit. Sila Yang Berhormat.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasihlah oleh kerana sentuh beberapa perkara tadi. Saya cuma menjawab sedikit berkenaan dengan soalan yang disentuh oleh Yang Berhormat Indera Mahkota tadi berhubung dengan perjanjian FTA yang ingin dipinda oleh satu pihak.

Adalah tidak benar sekiranya hanya satu pihak sahaja yang ingin menukar isu perjanjian FTA berkenaan, kerana ia perlu persetujuan daripada kedua-dua pihak, kita tahulah. Dalam hal ini, rundingan perlu diadakan untuk tujuan meminda mana-mana perenggan ataupun perkara di dalam perjanjian FTA tersebut. Jadi, ini terpulang kepada kedua-dua pihak untuk menukar apa yang telah diputuskan dalam perjanjian tersebut.

Yang Berhormat Kuala Selangor tadi menyatakan, MITI dan juga MIDA memang terus menjalankan beberapa langkah untuk menjamin bahawa *they must be a transfer of technology*. Jadi, apabila sesebuah syarikat yang berteknologi tinggi telah datang di sini, mereka terus membawa *expatriates* yang mempunyai kepakaran dalam industri tersebut dan semasa mereka ada di negara kita dan pekerja-pekerja Malaysia juga terus belajar dengan mereka. Kita amat berharap bahawa *transfer of technology* ini akan berlaku. Jadi, ini yang amat penting sekali.

Sebagaimana Yang Berhormat Kota Belud sebutkan tadi, saya tidak payahlah memberikan penjelasan oleh kerana banyak hujah telah disebut dalam perbincangan kita di sini. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Yang Berhormat Kuala Kedah mempersoalkan mengapa kerajaan memberi tumpuan yang lebih kepada sektor perkhidmatan dari sektor pertanian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor perkhidmatan telah menyumbang sebanyak 57.4% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar iaitu KDNK negara dan mewujudkan sebanyak 60% peluang pekerjaan pada tahun 2009.

Jika dibandingkan dengan sektor pertanian, sumbangan sektor ini terhadap KDNK jelas menunjukkan kepentingan sektor perkhidmatan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Seperti mana negara-negara maju yang lain di mana sejumlah besar sumbangan KDNK adalah daripada sektor perkhidmatan.

Selain itu, sektor ini juga akan menjadi pemangkin kepada Malaysia untuk meningkatkan status dari sebuah negara *upper middle income* kepada negara *high income*. Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Simpang Renggam menyatakan antara langkah yang terkandung dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesepuluh ialah untuk mewujudkan satu *environment* yang *business friendly* dan mesra kepada *business*.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan atau PEMUDAH ditubuhkan pada 7 Februari 2007 atas keperluan untuk mewujudkan hubungan kerjasama yang rapat antara sektor awam dan swasta bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam. Usaha penambahbaikan yang dilaksanakan adalah secara menyeluruh dan berkesan bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif, mengurangkan birokrasi serta meningkatkan daya saing negara.

Sejak penubuhan, pelbagai inisiatif telah dicadangkan oleh PEMUDAH untuk dilaksanakan oleh kementerian dan agensi-agensinya berkaitan dalam usaha penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Ini meliputi penambahbaikan kepada sistem proses dan prosedur kerja bagi bidang-bidang berkaitan seperti lesen perniagaan, percukaian, pentadbiran tanah, pekerjaan tempatan, imigresen dan fasilitasi perdagangan.

Saya teruskan. Yang Berhormat Pendang mempersoalkan *political will government* dalam isu pemindahan teknologi dalam bidang automatif negara jika dibandingkan negara Jepun dan Korea. Bagi menggalakkan pembinaan teknologi automatif dari negara yang lebih maju ke dalam negara, kerajaan antara lain telah mewujudkan kerjasama dengan pihak Jepun di bawah *Malaysia-Japan Automotive Cooperation Programme*, di mana pakar-pakar teknikal negara Jepun ditempatkan di

syarikat-syarikat pengeluar komponen tempatan SME Corp., SIRIM dan pusat latihan teknologi tinggi untuk memberikan latihan teknikal dan berkongsi kepakaran.

Pengeluar-pengeluar komponen automotif tempatan menghadiri program latihan di syarikat-syarikat pengeluar automotif di Jepun dalam usaha meningkatkan kualiti komponen tempatan. Ketiga menggalakkan eksport komponen kenderaan tempatan menerusi penyertaan syarikat-syarikat pengeluar komponen tempatan di pameran perdagangan di Jepun.

Di samping itu juga, kerajaan pada 10 Jun 2010 telah melancarkan secara rasminya penubuhan Malaysia Automatif Institut, yang mana sebahagian daripada programnya akan memfokuskan kepada kajian strategik dan kajian pasaran bagi mendapat akses kepada teknologi automatif dari luar negara.

Yang Berhormat Sekijang mencadangkan lebih banyak insentif dan pengecualian cukai untuk pembelian kenderaan dan peralatan berkaitan berasaskan teknologi hijau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Automatif Nasional diperkenalkan bertujuan untuk menjana nilai ekonomi yang berterusan dan memaksimumkan sumbangan jangka masa panjang sektor automatif kepada ekonomi negara.

Bagi mencapai objektif ini, usaha-usaha, langkah-langkah telah diambil untuk menggalakkan kemasukan dan penggunaan teknologi baru dan terkini termasuklah teknologi hijau dalam memastikan industri automatif negara terus berdaya saing seperti berikut:

■ **1240**

- (i) pemberian insentif cukai untuk menggalakkan penggunaan gas asli bagi kenderaan; dan
- (ii) pengecualian cukai import sepenuhnya dan pengurangan cukai eksais sebanyak 50% bagi pengimportan kereta hibrid di bawah Bajet 2009 bagi mengujud dan meningkatkan permintaan kereta hibrid dalam negara kita.

Yang Berhormat Petaling Jaya Utara meminta agar pemberian *approved permit (AP)* hendaklah dilaksanakan secara telus, terbuka dan tidak kepada usahawan tertentu sahaja dan memaklumkan hanya terdapat empat usahawan utama bumiputera yang secara kolektif memperoleh hampir 80% pemberian AP oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, AP kenderaan dikategorikan kepada dua iaitu AP terbuka dan AP francais dan had bumbung peruntukan AP bagi kedua-dua kategori adalah

berdasarkan 10% daripada jumlah keluaran kenderaan tahun sebelumnya. Agihan peruntukan AP yang diagih kepada 98 buah syarikat pemegang AP terbuka dan 24 buah syarikat pemegang AP francais pula adalah berdasarkan keupayaan kewangan dan pengurusan syarikat serta pematuhan kepada garis-garis AP terbuka ataupun AP francais.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kajian semua Dasar Automatif Nasional yang diumumkan pada 28 Oktober 2009 menetapkan setiap AP terbuka akan dimansuhkan pada 31 Disember 2015, manakala AP francais pada 31 Disember 2020. Tidak ada pertimbangan akan diberi kepada permohonan-permohonan baru bagi peruntukan AP terbuka dan bagi AP francais hanya pengambilalihan jenama sedia ada dibenarkan. Hasil daripada audit telah dijadikan sebagai asas pengagihan peruntukan AP kepada syarikat-syarikat pemegang AP. Sehubungan itu, adalah tidak benar kenyataan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara yang menyatakan bahawa pemberian peruntukan AP tidak dilaksanakan secara telus dan dimonopoli oleh usahawan tertentu sahaja. MITI akan melaksanakan audit secara berterusan kepada pemegang-pemegang AP bagi memastikan pematuhan kepada garis panduan pentadbiran AP yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan saya mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Segala teguran dan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian serius oleh kementerian dan tindakan susulan sewajarnya akan dilaksanakan. Jika ada soalan atau teguran yang tidak dijawab dalam sesi ini, MITI akan memberi jawapan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

12.43 tgh.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu bagi pihak kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu mengenai dasar, program dan strategi yang berkaitan dengan MOSTI dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Sepertimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, MOSTI akan terus memikul tanggungjawab untuk memacu agenda sains,

teknologi dan inovasi negara ke arah meningkatkan daya saing dan pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab perkara-perkara khusus yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, ingin saya ambil peluang sedikit untuk menjelaskan beberapa perkara induk dari segi dasar dan program-program yang ada kaitan terus dengan bidang-bidang yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, di sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, MOSTI telah menggubal beberapa dasar dengan izin, *roadmap* sebagai panduan dalam melaksanakan program dan aktiviti. Dasar dan *roadmap* tersebut termasuklah Dasar Sains dan Teknologi Negara Kedua, Dasar Bioteknologi Negara, Model Inovasi Negara, Dasar Pengkomersialan Harta Intelek, Pelan Strategik dan Tindakan STI 2010-2015, *ICT Roadmap*, *Industry Technology Roadmap*, *Sea to Space Roadmap*, *Science and Technology Core Roadmap*, *Nanotechnology Blueprint (Statement)*. MOSTI dan agensi-agensinya akan melaksanakan transformasi bagi menyokong hala tuju dan aspirasi Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MOSTI telah pun memperincikan peranan dan tanggungjawab bahawa MOSTI boleh menyahut cabaran Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Berbagai-bagai program mengikut keutamaan telah ditetapkan dan dirancang bagi memantapkan program-program sedia ada dan melaksanakan program-program baru bagi melonjakkan impak 12 *National Key Economic Areas* (NKEA) dengan izin, ke atas pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab utama MOSTI adalah menerajui dan menyelaras aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi melalui penyediaan dana-dana mengikut lima bidang utama iaitu bioteknologi, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), teknologi perindustrian, teras sains dan teknologi serta laut angkasa dan atmosfera. Matlamat utama MOSTI adalah untuk menjana ilmu pengetahuan, mencipta kekayaan dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat bagi mencapai indeks petunjuk prestasi (KPI) yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga 31 Mei 2010, sejumlah RM2.8 bilion telah diluluskan bagi 4,435 projek di bawah dana-dana RD&C (*Research Development and Commercialization*) dengan izin. Daripada jumlah ini, sebanyak 1,903 projek ataupun 43% telah siap dengan 991 harta intelek telah difailkan atau didaftarkan. Sebanyak 294 projek atau 15.4% daripada yang telah siap berjaya dikomersialkan

dengan hasil penjualan bernilai RM3.2 bilion. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 10,021 penerbitan saintifik telah dihasilkan iaitu 9,029 peringkat dalam negeri dan 992 peringkat antarabangsa. Melalui Program Pembangunan Modal Insan (HCD), seramai 5,724 RSE (*Researchers, Scientist, Engineers*) telah dihasilkan. Di samping itu, program-program di bawah MOSTI telah menjana lebih daripada 120,000 peluang pekerjaan termasuk di syarikat-syarikat berstatus MSC dan Bionexus.

Bagi melaksanakan dasar-dasar dan hala tuju yang telah ditetapkan seperti di atas, pelbagai mekanisme dan pelan tindakan telah ditubuhkan. Antaranya termasuklah Majlis Inovasi Negara (NIC) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Jawatankuasa Tindakan dan Penyelarasan Inovasi Negara (JTPIN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Majlis Pembangunan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan Yayasan Angkasawan Malaysia (YAM).

Dengan hala tuju itu, panduan yang telah diberikan oleh pucuk pimpinan MOSTI telah berjaya melaksanakan pelbagai program bagi melonjakkan agenda sains, teknologi dan inovasi. Bagi menggalakkan pencambahan dan pencetusan idea-idea baru, satu portal yang dikenali sebagai portal *My Ideas* telah dibangunkan dan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sehingga pagi ini, capaian yang direkodkan adalah sebanyak 6,594. Ini bukan sahaja lawatan kepada halaman tersebut tetapi ini adalah ahli-ahli yang telah memberi idea-idea dan input dalam beberapa bidang.

Selain daripada itu, MOSTI juga telah membangunkan Program Sains Aeroangkasa dan Program Angkasawan. Di antara hasil program ini adalah penghantaran angkasawan pertama negara dan pelancaran satelit R&D Razaksat yang pertama yang mengelilingi orbit Khatulistiwa iaitu *near Equatorial orbit*, dengan izin. Bagi meneroka dan menyelidik laut dalam, satu inisiatif baru yang dikenali sebagai Terumbu Segi Tiga – *Coral Triangle Initiative* (CTI) dengan izin, melibatkan enam buah negara jiran telah digerakkan.

Bagi menangani masalah kekurangan kepakaran, program *brain gain* telah dilaksanakan. Hasilnya sebanyak 1,176 jaringan RSET iaitu *Researchers, Scientist, Engineers and Technologist* dengan izin, telah diwujudkan dengan 110 kolaborasi R&D antarabangsa. 32 pakar sains, dua pengkomersialan, 44 penerbitan, 32 pemindahan pengetahuan teknologi, 13 penemuan saintifik, 13 harta intelek baru, 84 rangkaian antarabangsa, 37 pekerjaan berasaskan pengetahuan, 155 RSET baru yang telah dilatih

dan 4,085 orang yang mendapat manfaat dan pemindahan ilmu pengetahuan oleh RSET antarabangsa.

■ **1250**

Program Pembangunan Modal Insan telah juga mencapai hasil yang memberangsangkan sepanjang tempoh rancangan seramai 1,016 orang penerima biasiswa *National Science Fellowship* telah dimanfaatkan. Dari segi pecahannya institusi pengajian tinggi...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: ...Dalam negeri 998 orang dan institusi pengajian tinggi luar negeri 18 orang. Semuanya 1,016 orang yang telah menerima biasiswa *National Science Fellowship*.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh ini ada dinyatakan akan diadakan dan ditubuhkan *Talent Corporation* di mana program *brain gain* dengan program mengadakan pemulangan warganegara Malaysia di bawah Kementerian Sumber Manusia akan dicantumkan di bawah *Talent Corporation*. Saya hendak tahu setakat ini perbincangan dalamannya, apakah kelainan atau keunikan *Talent Corporation* di dalam menjayakan *brain gain* yang pada pendapat saya buat masa ini sangat lemah dan boleh dikatakan telah gagal.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ada dinyatakan bahawa ada satu *national brain gain* di mana untuk mencapai 50 RSE dalam nisbah 50 RSE bagi 10,000. Apakah kedudukannya pada masa ini? Apakah kementerian berpendapat ia telah mencapai sasaran yang dinyatakan dalam RMKe-9 ini.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya akan sampai kepada perkara tersebut khususnya mengenai dengan pencapaian dalam bidang RSE ini. Nanti apabila saya sampai kepada perkara mengenai *Talent Corporation* saya akan sentuh juga tetapi secara ringkas untuk makluman setakat ini terdapat empat kementerian yang terlibat di dalam *brain gain program* ini. MOSTI, melalui *brain gain* ini, MOE dan seterusnya Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Sumber Manusia. Tujuan *Talent Corporation* itu adalah untuk mencantumkan empat program ini. Mesyuarat sedang dijalankan untuk membincangkan bentuk keseluruhan.

Setakat ini kita hanya sedia maklum bahawa ia akan mencantumkan program yang tidak dikoordinasi secara optimum. Jadi di bawah *Talent Corporation*, idea dengan

izinnya, *goes more aggressively*. Jadi *contentnya* saya rasa akan diumumkan pada masa yang akan datang. Saya minta izin untuk teruskan dahulu sikit lagi dan lepas itu perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya.

Selain daripada itu, untuk makluman Dewan yang mulia ini dalam usaha merangsang minat sains, teknologi dan inovasi telah diperkenalkan dan dilaksanakan program termasuklah Anugerah Sains Tun Mahathir dan Anugerah Inovasi Negara. Di samping itu, penajaan ilmu sentiasa di teruskan dengan menganjurkan pelbagai persidangan, seminar dan bengkel di peringkat nasional dan antarabangsa.

Selaras dengan gagasan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', MOSTI juga telah memberi keutamaan kepada aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan kebolehpayaan akar umbi bagi meningkatkan pendapatan mereka. Pada masa yang sama, program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam kepada pengenalan sains dan teknologi dalam bidang pembangunan ekonomi dan dalam soal kesejahteraan rakyat. Di antaranya, program projek di bawah program MOSTI Hak Komuniti di mana ahli-ahli Yang Berhormat banyak berhubung dengan kami untuk menjalankan program ini di kawasan-kawasan yang memerlukan di kawasan Parlimen dan telah dilaksanakan dengan jayanya.

Di antara program termasuklah industri perang di Kota Belud, penanaman vanila di Kota Marudu, projek minyak kelapa dara di Kudat dan beberapa kawasan Parlimen di Semenanjung. Projek Tukun Tiruan Mesra di Kapit dan Langkawi serta projek enjin sangkut bot nelayan yang banyak di pohon oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk dipanjangkan kepada kawasan masing-masing dan juga k-Masjid serta usahawan wanita yang memberi tumpuan kepada latihan-latihan *tekno tentrepreneur* wanita atau usahawan wanita dengan penggunaan kemudahan ICT untuk pemasaran produk-produk mereka. Keseluruhannya, sejumlah 176 program telah dan sedang dilaksanakan di bawah program MOSTI yang setakat ini memberi manfaat kepada 183 kumpulan komuniti.

Dalam usaha yang sama untuk membudayakan inovasi di segenap lapisan masyarakat, kerajaan telah mengisytiharkan tahun 2010 sebagai Tahun Inovasi atau kita sebut 'MI 2010' yang di lancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pelbagai program dan aktiviti telah dilancar dan dilaksanakan di seluruh negara bertemakan 'Malaysia Inovatif, Meraihkan Kreativiti'.

Setakat ini penganjuran program ini, Malaysia Inovatif sedang dilaksanakan di setiap zon iaitu di zon utara, zon timur, zon selatan, zon barat, Sabah dan Sarawak dan

program-program Malaysia Inovatif telah melibatkan seramai lebih daripada 12,000 orang pengunjung setakat ini di dua zon yang dianjurkan dan ratusan menerima manfaat secara langsung melalui ceramah, bengkel, penggalakan kesedaran dan pelbagai aktiviti yang dirancang.

Program ini telah dapat meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan inovasi pada peringkat akar umbi dan sekolah serta golongan-golongan wanita, OKU dan juga pelajar di peringkat sekolah-sekolah rendah. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Parit atas sokongan dan pujian di atas penganjuran MI 2010 di Kota Kinabalu yang telah pun memberi penekanan terhadap pembangunan inovasi, jati diri terhadap orang-orang kurang upaya untuk terus memberi idea dan hasil kreativiti serta sumbangan terhadap pembangunan negara daripada diri mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh strategi MOSTI adalah memantapkan program sedia ada dan membangunkan program baru yang lebih inovatif. Usaha sedang dibuat untuk menggubal beberapa dasar menyokong usaha pembangunan sains, teknologi dan inovasi (STI), seperti Dasar Inovasi Negara, Dasar Angkasa Negara, Dasar Nuklear Negara dan Dasar Laut Negara bersama dengan kementerian yang berkaitan. MOSTI sebagai pengurus dana RDNC akan diteruskan di peringkat pembangunan prapengkormersialan dan awal pengkormersialan.

Penekanan akan diberi bagi memperkukuhkan lagi bidang-bidang RD&C yang berorientasikan pasaran bagi menghasilkan output atau *outcome* yang mempunyai nilai komersial yang tinggi. MOSTI akan memberi tumpuan dan penekanan dalam bidang-bidang pertumbuhan baru yang mengambil kira *National Key Economic Areas* (NKEAs) seperti mana di dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan penyelidikan berasaskan pasaran, pengkormesialan hasil-hasil pasaran tersebut akan diperluaskan dan dipergiatkan. MOSTI akan bertindak sebagai pemudah cara bagi membawa hasil harta intelek tempatan yang berpotensi ke pasaran dunia dan langkah ini akan memacu industri tempatan meningkatkan peluang pasaran melalui perhubungan dengan jaringan kerajaan yang kukuh dengan mengurus dana dan pasaran serta institusi yang terkemuka di dunia.

Kerajaan juga akan memperkukuhkan struktur inovasi dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sentuh saya akan ulas nanti. MOSTI akan kekal sebagai penggubal dasar STI dan menyelia pengagihan

sumber untuk inovasi teknologi (*technical innovation*). Dalam hubungan ini MOSTI dan agensinya termasuk MTDC akan bukan sahaja berkait rapat dengan institusi yang baru seperti *Innovation Malaysia* yang di bawah Jabatan Perdana Menteri, Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara yang dikenali sebagai MPKSN. Ini adalah satu majlis baru yang ditubuhkan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, dan institusi sedia ada seperti Majlis Inovasi Negara, MITI, MPC serta kementerian-kementerian, agensi, universiti, serta institusi pendidikan yang lain.

Penyelarasan pengagihan sumber adalah penting bagi menyokong kejayaan pelaksanaan program dan aktiviti di atas. Pewujudan *Innovation Malaysia*, kumpulan pemikir bagi inovasi diharap dapat melonjak agenda inovasi ke tahap negara berpendapatan tinggi melalui *innovation ecosystem* yang holistik. Di peringkat universiti pula, jentera inovasi Malaysia akan menjalankan tugas-tugas utama untuk menyelia hasil-hasil R&D daripada program-program penyelidikan asas dan aplikasi untuk memperoleh harta intelek dan seterusnya dikomersialkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Bakri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya rasa lagi 15 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak apa sambung tengah hari.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan sesi pagi akan ditangguhkan dahulu dan Dewan akan disambung semula jam 2.30 petang nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk menyambung penggulungan.

2.32 ptg.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bakri dan Yang Berhormat Lembah Pantai membangkitkan mengenai struktur Majlis Inovasi Negara yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan mendakwa kerajaan tidak faham makna inovasi. Kononnya struktur ini akan mengongkong kreativiti dan inovasi.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Majlis Inovasi Negara berperanan menentukan hala tuju strategik dan Dasar Inovasi Negara ke arah meningkatkan keupayaan inovasi. Majlis yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini yang dianggotai oleh Menteri-menteri Kabinet yang berkaitan, ketua-ketua agensi kerajaan, wakil Yayasan Inovasi Malaysia serta wakil-wakil industri swasta, persatuan dan juga tokoh-tokoh individu. Ingin saya jelaskan bawah peranan MOSTI adalah sebagai *secretariat* dan bukan sebagai menjadi penasihat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kreativiti dan inovasi tidak terhad kepada bidang sains dan teknologi semata-mata. Malahan ianya mencakupi semua bidang yang ditekankan dalam konsep inovasi menyeluruh. Inovasi menyeluruh bermakna ia turut merangkumi inovasi tadbir urus dalam sektor awam dan swasta, kemasyarakatan bandar dan desa, korporat, industri, penyelidikan, penjagaan kesihatan, pengangkutan, jaringan kesihatan sosial dan penjenamaan. Oleh itu adalah wajar dan tepat sekali diletakkan di bawah penyelarasan Jabatan Perdana Menteri kerana pelaksanaan inisiatif ini melibatkan semua kementerian khususnya dalam tugas memberikan input-input dan menyelia ekosistem inovasi negara.

Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai, Ahli Yang Berhormat Gopeng dan Ahli Yang Berhormat Kanowit membangkitkan mengenai dengan bilangan penyelidik yang menurun. Tuan Yang di-Pertua, MOSTI prihatin dengan nisbah bilangan penyelidik berbanding jumlah tenaga kerja yang menunjukkan trend penurunan dalam tempoh 2004 dan 2006. Walau bagaimanapun, sukacita saya maklumkan, bawah hasil daripada pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan terutama dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, trend ini telah menunjukkan peningkatan. Iaitu 20.3% bilangan penyelidik setiap 10,000 tenaga kerja pada tahun 2008 berbanding dengan 17.9% pada tahun 2006.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, program-program untuk meningkatkan bilangan penyelidik termasuklah program Pembangunan Modal Insan ataupun HCD

dalam bidang STI yang memberi fokus kepada pengeluaran lebih ramai *knowledge and innovative workers*. Juga skim *National Science Fellowship* (NSF) untuk pengajian secara penyelidikan di peringkat sarjana dan PhD di bawah Program Pembangunan Modal Insan, Sains Teknologi dan Inovasi. Sejak tahun 2008 sebanyak 400 biasiswa di peruntukkan setiap tahun di bawah skim NSF ini. Jumlah ini merupakan peningkatan 100% atau dua kali ganda sejak skim ini dimulakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan atau RMKe-8.

Juga *MSC Knowledge Workers Development Initiatives* yang dijalankan oleh MDeC, menyediakan Program Kemahiran Siswazah. Program Latihan Graduan, Program Kem Kerjaya, Program Kerjasama Antara Industri dan Akademik dan ICT iaitu *Career of Choice*. Antara kepakaran-kepakaran yang dilatih termasuk dalam bidang teknologi maklumat, *Shared Services and Outsourcing* (SSO) dengan izin, kejuruteraan elektronik dan multimedia kreatif.

Sehingga 30 April 2010, MDeC telah berjaya melatih sejumlah 24,401 graduan, yang mana sekitar 90% telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menjalani latihan dan juga *Biotechnology Entrepreneurship Special Training* ataupun BeST oleh Biotech Corp, bertujuan meningkatkan keupayaan modal insan dalam industri bioteknologi. Program ini melengkapkan graduan berpotensi dengan kemahiran teknikal dan perniagaan bioteknologi. Sehingga 31 Mei 2010, seramai 807 graduan telah melalui program berkenaan. Dari jumlah berkenaan 75% telah diambil bekerja 6% telah melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi dan 19% sedang menjalani latihan industri dengan syarikat berkaitan bioteknologi dan institusi penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Katil dan Yang Berhormat Padang Besar membangkitkan mengenai...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Sedikit sebelum pergi ke lain...

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Lembah Pantai. Okey.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada bangkitkan juga tentang dana *extension fund* yang bernilai RM150 juta untuk syarikat-syarikat yang dikira inovatif. Saya hanya buat perbandingan. Kalau kita lihat semasa Pakej Stimulus yang diumumkan oleh kerajaan, diberi RM7 bilion *Government Guarantee Fund* untuk syarikat-syarikat biasa, yang kebanyakannya kalau bukan 100% mendapat tender

kerajaan. Akan tetapi, di kala ini, untuk syarikat-syarikat khusus yang berinovatif hanyalah sekadar RM150 juta. Perbandingan itu tidak mencerminkan komitmen kerajaan untuk mewujudkan satu suasana yang menyokong pertumbuhan syarikat berinovatif.

Saya ingin menanyakan soalan susulan, dalam RM3 bilion di bawah Skim Jaminan Modal, adakah apa-apa penekanan diberikan oleh pihak kementerian untuk memastikan semua syarikat yang terpilih merupakan syarikat berinovatif. Adakah kriteria itu digunakan atau memang masih sama syarikat yang mendapat tender kerajaan jugalah yang mendapat keutamaan. Mohon penjelasan, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Lembah Pantai, mengenai dengan perkara yang dibangkitkan khususnya perbandingan dengan skim-skim ataupun kes-kes di tempat lain. Sememangnya ukuran inovasi satu daripadanya petunjuk yang digunakan dalam soal syarikat-syarikat memperoleh bantuan-bantuan ataupun geran-geran yang dimaksudkan. Namun, hendak mengukur tahap inovasi di peringkat mana-mana syarikat khususnya yang mempunyai status MSC, kita memerlukan beberapa petunjuk.

■1440

Satu, ialah sememangnya jumlah yang mereka labur di dalam bidang *R&D* adalah satu-satunya, dan penggunaan teknologi yang terbaru yang memberi sumbangan kepada pendapatan sesuatu syarikat tersebut. Bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh, dana-dana yang telah diumumkan itu masih dalam proses pertimbangan kita untuk soal pengurusan. Di dalam rangka Rancangan Malaysia Kesepuluh misalnya, Kementerian Kewangan telah mencadangkan supaya penggunaan MTDC itu diperluaskan sebagai sumber untuk memperoleh geran-geran ataupun dana-dana untuk tujuan pengkomersialan dengan izin, *there will be a major restructuring of the pre-commercialization fund* yang diurus oleh MOSTI setakat ini. Dengan adanya apa yang saya sentuh awal pagi tadi, iaitu di mana *Innovation Malaysia* diletakkan di Jabatan Perdana Menteri, dan *likely commercialization aspect* dengan izin, akan terus kekal di MOSTI dengan penambahbaikan proses-proses dan skim-skim yang ada, khususnya yang ditadbir oleh agensi-agensi *venture capital* termasuk MTDC.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Katil dan Yang Berhormat Padang Besar membangkitkan mengenai keperluan bidang bioteknologi dibuka seluas-luasnya kepada syarikat yang berminat, dan bantuan kerajaan dari aspek modal dan khidmat nasihat serta status *BioNexus*. Kerajaan memang prihatin terhadap sumbangan bidang

bioteknologi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) – sebahagian *National Key Result Area* (NKRA) iaitu sumbangan sektor ICT dan sektor bioteknologi kepada GDP. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah melancarkan Dasar Bioteknologi Negara pada bulan April 2005, sebagai panduan dan hala tuju pembangunan bioteknologi negara.

Dasar ini akan menjamin Malaysia meraih faedah yang disediakan oleh bidang teknologi terutama dalam bidang-bidang fokus seperti bioteknologi penjagaan kesihatan, bioteknologi industri dan bioteknologi pertanian. Melalui dasar ini, kerajaan menyediakan pakej insentif yang kompetitif melalui Program Penganugerahan *BioNexus* kepada syarikat-syarikat teknologi baru yang layak mendapat pelbagai insentif seperti akses kepada program geran kerajaan, insentif di bawah *promotion investment act, investment tax allowance and double deduction incentive* dengan izin. Ini bagi menggalakkan dan melonjakkan industri bioteknologi negara.

Sehingga 1 Jun 2010, sebanyak 160 syarikat telah menerima status *BioNexus* dengan jumlah RM1.544 bilion. Syarikat-syarikat ini menyediakan peluang pekerjaan bagi lebih 2,402 pekerja berpengetahuan atau dengan izin, *knowledge workers*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang memberi peluang dan ruang termasuk khidmat nasihat kepada mana-mana syarikat sama ada dalam atau luar negara, untuk terlibat dengan industri bioteknologi di Malaysia. Usaha-usaha tersebut telah dan sedang dijalankan oleh *Malaysian Biotechnology and Corporation (BioTechCorp)*, MIDA, MATRADE dan agensi-agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bagan mencadangkan supaya satu kompleks inovasi didirikan di Pulau Pinang bagi mempamerkan rekaan-rekaan berteknologi tinggi yang dapat menonjolkan keupayaan Malaysia dan hab-hab R&D ditubuhkan dalam usaha menarik pelabur-pelabur asing. Kita bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa kita perlu mempamerkan dan menonjolkan reka cipta-reka cipta Malaysia, terutama berkaitan teknologi tinggi. Walau bagaimanapun, pada pertimbangan kita dalam era ICT, reka cipta-reka cipta tersebut tidak semestinya dipamerkan secara fizikal, tetapi boleh dipamerkan melalui laman web yang lebih luas liputannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, salah satu daripada transformasi di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh ialah beralih fokus kepada infrastruktur fizikal ke bukan fizikal. Kementerian akan terus memanfaatkan kemudahan R&D sedia ada seperti hab-hab R&D di SIRIM, inkubator-inkubator *Technology Park Malaysia* (TPM) dan pusat-pusat kecemerlangan inovasi di institusi pengajian tinggi dan swasta. Namun

saya ingin tambah bahawa kita di MOSTI akan terus menyokong pusat-pusat kecemerlangan yg sedia wujud. Bukan sahaja di institusi pengajian tinggi tetapi juga dalam institusi-institusi penyelidikan.

Di bawah cadangan *Innovation Malaysia* di Jabatan Perdana Menteri dan bahagian keduanya berkaitan dengan pengkomersialan, kita bercadang untuk terus menyokong dan memperkembangkan pusat-pusat pengkomersialan di institut pengajian tinggi dan tempat-tempat institut penyelidikan untuk tujuan meningkatkan lagi pencapaian dari segi pengkomersialan hasil-hasil R&D.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Laluan, Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Arau bangun, Yang Berhormat.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan perkembangan *Technology Park Malaysia* (TPM), terutama cawangan-cawangan yang telah dibuka di Raub, mungkin di Perlis yang dalam pembinaan sekarang. Jadi setakat ini kita tahu apakah – selain daripada *R&D* yang dihasilkan oleh TPM dan juga ia terlibat dari segi *marketing* - dari segi bahan-bahan inovasi yang telah dihasilkan. Setakat ini apakah *progress* dari segi – terutamanya perancangan dari *business and development* dengan izin, terhadap TPM?

Ini kerana kita tidak mahu TPM ditubuhkan dan hanya meletakkan pergantungan kepada kerajaan semata-mata dari segi sumber kewangan, terutamanya dari segi pembayaran gaji dan lain-lain. Jadi selepas diberi bantuan geran yang berterusan, apakah perkembangan setakat ini yang telah dicapai oleh TPM Malaysia, apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Arau, soalan itu amat menyeluruh. Saya sekadar mengutarakan beberapa perkara yang lebih *detail*. Nanti pihak kita boleh bekalkan report tahunan pihak TPM tetapi, dari asalnya sememangnya *Technology Park Malaysia* dipertanggungjawabkan antaranya ialah untuk membekalkan – sebagai pusat pengkomersialan juga untuk inkubator-inkubator yang disediakan, supaya pihak syarikat-syarikat swasta dan agensi kerajaan digunakan untuk tujuan bukan sahaja mempamerkan tetapi membuat *pilot* dan *pre-commercialization* dengan izin, dari segi *businesses* dalam bidang:

- (i) bioteknologi;
- (ii) bidang ICT; dan

- (iii) sebahagian bidang dalam *industrial technology* dan juga dalam bidang pendidikan.

Ini tiga bidang utama. Mereka tidak menjalankan penyelidikan pada khususnya selain daripada sedikit *applied research* iaitu dengan menghoskan inkubator-inkubator, khususnya dalam bidang bioteknologi. Ini di mana para penyelidik itu menggunakan *facilities* di situ dengan sewaan yang begitu sederhana dan seterusnya membawa hasil-hasil atau produk mereka ke peringkat pasaran. Sememangnya *Technology Park Malaysia* juga membantu dalam *branding*, dalam perihal *packaging* yang menarik ataupun yang boleh membawa produk-produk itu ke peringkat nasional dan peringkat antarabangsa. Setakat ini, ruang-ruang yang ada di *Technology Park Malaysia* yang disediakan adalah hampir 100% digunakan oleh pihak syarikat-syarikat yang bertapak di situ untuk tujuan *incubation*. Nanti yang lebih terperinci, saya akan bekalkan *annual report* yang terkini untuk Yang Berhormat Arau.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Besar dan Yang Berhormat Batu Gajah membangkitkan mengenai status *brain drain* dan keperluan mengkaji inisiatif serta galakan kepada rakyat Malaysia untuk kembali berkhidmat di tanah air.

Untuk makluman Yang Berhormat, selain MOSTI, terdapat tiga kementerian yang terlibat dalam melaksanakan program *brain drain* - untuk menarik warganegara Malaysia di luar negara kembali berkhidmat di tanah air. Tiga kementerian itu Kementerian Sumber Manusia melalui *Returning Experts Programme*, dengan izin, Kementerian Pengajian Tinggi melalui program *BrainShare* dan Kementerian Kesihatan (MOH) iaitu program untuk menarik doktor pakar kembali bertugas di negara kita.

Seperti mana yang telah saya sentuh awal pagi tadi yang ditanya sendiri oleh Yang Berhormat Batu Gajah. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan akan menubuhkan sebuah badan baru iaitu *Talent Corporation* dengan izin, di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi mengenal pasti kekurangan kemahiran serta menarik balik rakyat Malaysia berkemahiran tinggi bagi menyumbang kepada keperluan tenaga kerja mahir negara.

■1450

Talent Corporation akan menyediakan rangka tindakan modal insan berkemahiran tinggi dengan kerjasama sektor awam dan swasta dan di samping itu ia akan menjadi pusat sehenti, *one-stop centre* bagi memudahkan kemasukan tenaga kerja mahir ke negara Malaysia kita ini. Saya rasa antara matlamat utama ialah

menyediakan secara menyeluruh skim-skim yang sedia ada termasuklah yang dikendalikan oleh MOSTI iaitu *brain gain program*.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: [*Bangun*]

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Tadi saya ada tanya berkenaan *National Brain Gain* di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Setakat mana kejayaannya sebab setahu saya nak capai nisbah 50 orang ISE dalam 10,000 tenaga buruh. Saya ingin tahu berkenaan *brain gain* yang dilancarkan oleh kementerian pada tahun 2006. Berapa ramai warga yang berjaya ditarik balik dalam bidang ISE setakat ini dan berapa mereka yang masih tinggal dalam negara ini.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Menteri, dari Bakri. Minta maaf, okey ya? Menteri, minta penjelasan daripada menteri. Seorang warga Malaysia yang bernama Pua Khein Seng berasal dari Selangor. Beliau dikenali sebagai pencipta *pendrive* yang pertama di dunia. Adakah kerajaan akan menjemput beliau balik ke Malaysia tolong meningkatkan bidang inovasi di negara kita. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah dan Yang Berhormat Bakri. Bagi *brain gain* yang dikendalikan oleh MOSTI sendiri, saya boleh katakan di sini bahawa ini adalah dalam bidang sains, teknologi dan inovasi khususnya manakala strategi yang diguna pakai adalah *short stint visit* untuk mewujudkan *networking* dan kolaborasi dalam program projek R&D di mana saintis dan penyelidik juga inovator dan *technologist* semua itu yang kita galakkan kembali ke Malaysia. Program ini *has evolved* dengan izin, *over the years* sebab apa pada mulanya kita nak bawa saintis untuk balik ke sini secara menyeluruh. Angkat barang dan pulang tapi apabila kita tinjau bahawa skim itu tidaklah begitu sesuai dalam bentuk tersebut jadi kita telah ubah di mana saintis itu membuat kolaborasi dengan *labs* kita di sini.

Jadi dia boleh ambil program ini sebagai *on sabbatical* ataupun *on short term assignment* ataupun *joint project basis*. Memang ada juga yang kita balik, bawa sekali gus dia balik, dia bawa balik dengan IP-IP nya untuk dikomersialkan. Saya hanya ingin mengatakan bahawa setakat ini 1,176 jaringan telah dilaksanakan untuk RSET ini iaitu *researcher, scientist and technologies*. Sejumlah 110 kolaborasi R&D di peringkat antarabangsa, sejumlah 32 *top ten* saintis telah terlibat. Dua pengkomersialan yang dibawa melalui program ini daripada seberang laut dan dibawa ke Malaysia. Sejumlah 32 pemindahan pengetahuan teknologi, 13 penemuan saintifik, 13 harta intelek baru wujud daripada akhirnya mereka yang berpindah ataupun bekerjasama.

Sebanyak 84 *international linkages* dan 37 pekerjaan yang berasaskan pengetahuan. Pada masa yang sama, 155 RSET baru telah dilatih semenjak Rancangan Malaysia Kesembilan ini dan 4,085 orang yang mendapat manfaat dan pemindahan ilmu pengetahuan melalui program RSET antarabangsa. Yang lebih spesifik daripada itu nanti saya bekalkan jika Yang Berhormat Batu Gajah minat. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa begitu sahaja yang saya boleh sentuh daripada segi pertanyaan-pertanyaan, sentuhan-sentuhan yang dilaksanakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mengatakan terima kasih atas input-input tersebut dan jika ada perkara yang tidak dapat diulas secara menyeluruh, pihak kami boleh membekal maklumat-maklumat serta penerangan secara bertulis. Terima kasih atas input-input yang telah diberikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput seterusnya Yang Berhormat Menteri Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

3.55 ptg.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Douglas Uggah Embas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan pandangan terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa perbahasan Rancangan Malaysia Kesepuluh di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek pembangunan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang dirangka oleh NRE akan terus memberi fokus untuk mempertahankan sekitar hidup yang sihat bagi masyarakat di samping memenuhi keperluan pertubuhan sosial ekonomi nasional. Pelaksanaan program-program yang sedia ada akan dikuatkan melalui peningkatan pendekatan *multi stake holder* untuk meningkatkan kontinuiti antara NRE sebagai perancang dengan agensi pelaksanaan sektor swasta dan orang-orang awam. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya akan menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertama, Yang Berhormat Ledang dan Yang Berhormat Parit Buntar telah pun berbincang membangkitkan isu alam sekitar. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sememangnya memberi perhatian terhadap penjagaan alam sekitar dan memastikan semua projek pembangunan sama ada dilaksanakan oleh pihak swasta, kerajaan, perlu diselaraskan dengan dasar alam sekitar negara, dasar perubahan iklim dan

dasar teknologi hijau serta mematuhi undang-undang berkaitan alam sekitar sedia ada. Bagi projek-projek yang tertakluk kepada perintah EIA, kajian EIA hendaklah dijalankan dan kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar diperolehi sebelum ia dilaksanakan.

Kementerian juga sedang mengambil beberapa langkah untuk memantapkan lagi pengurusan sumber-sumber asli dan alam sekitar. Tindakan juga sedang diambil untuk memastikan keberkesanan prosedur EIA dan syarat-syarat kelulusan EIA dipatuhi oleh pemaju projek. Pengawasan dan penguatkuasaan akan dipertingkatkan. Jabatan Alam Sekitar juga telah mewujudkan data inventori punca-punca pencemaran termasuk taburan industri melalui sistem GIS di seluruh negara. Industri-industri ini akan diawasi dengan lebih rapi. Usaha-usaha awal telah dimulakan untuk mengawasi industri, projek atau aktiviti yang mencemarkan secara *online* dan *real time*.

Sebanyak 250 industri telah diawasi secara *online* termasuklah kilang kelapa sawit, kilang simen dan loji jana kuasa. Satu peraturan baru telah berkuat kuasa untuk memastikan industri yang melepaskan efluen atau air buangan, melaksanakan set *monitoring* dan *reporting*. Bagi mencegah dan mengurangkan insiden kebakaran di kawasan-kawasan tanah gambut khususnya di Pahang, Sarawak, Johor dan Selangor yang boleh menyebabkan kejadian jerebu, kerajaan telah mengambil beberapa tindakan.

Yang pertama, pengurusan air dengan pembinaan *check dam* untuk memastikan kandungan air ataupun *water table* pada paras yang tinggi untuk mencegah pembakaran merebak ke dalam gambut. Sebanyak 64 *check dam* telah siap dibina dan 3 dalam pembinaan dan 19 lagi dalam perancangan. Kedua, menyediakan telaga air tanah di kawasan tanah gambut yang sering terbakar. Air juga daripada telaga ini akan digunakan untuk meningkatkan paras air semasa cuaca panas dan kering dan juga sebagai sumber air bagi pemadaman api jika berlaku kebakaran.

Enam *tube well* telah siap dibina, empat dalam pembinaan dan enam lagi dalam perancangan. Membina menara tinjau (*watch tower*) bagi memantau dan mengambil tindakan awal jika berlaku kebakaran. Dua *watch tower* telah siap dibina dan satu lagi dalam pembinaan. Bagi memantapkan lagi kesedaran alam sekitar di kalangan setiap rakyat, program rakan alam sekitar telah dilaksanakan. Program-program ini yang sedang dijalankan di seluruh negara termasuk aktiviti-aktiviti penanaman pokok, guna semula bahan buangan termasuk pengumpulan *e-waste*, minyak masak terpakai, *compositing*, gotong-royong dan sebagainya.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: [Bangun]

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Putatan membangkit isu laporan EIA untuk projek *coal-fired plant* di Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Buntar bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,..

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Parit Buntar.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Parit Buntar, ya.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih menteri. Kebetulan soalan saya berkenaan dengan alam sekitar. Tadi ada disentuh tentang kelulusan EIA sebelum sesuatu projek itu dilaksanakan. Saya ingin merujuk kepada Hutan Simpan Pondok Tanjung di Taiping di mana sudah ada satu aduan yang dibuat kepada Biro Pengaduan Awam tentang penerokaan 1,400 hektar diguna untuk projek kambing boer ataupun projek penternakan kambing boer yang dikendalikan oleh Kementerian Pertanian.

■1500

Amat malang sekali dalam usaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk mengawal semua projek ini supaya tidak tercemar, saya difahamkan bahawa projek ini tidak mendapat kelulusan EIA sebelum memulakan pembalakan untuk tujuan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi menyediakan tapak untuk penternakan kambing. Saya mohon pihak kementerian untuk merujuk aduan yang telah dibuat pada tahun 2009 yang mana hingga hari ini persoalan Hutan Simpan Pondok Tanjung di Taiping itu masih lagi tidak mendapat EIA dan Jabatan Perhutanan Perak hingga hari ini tidak mempunyai alasan mengapa mereka boleh meluluskan kawasan itu.

Jadi saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian dan mengambil kira supaya projek-projek masa hadapan ini jangan kita hanya beritahu ke Parlimen bahawa kita ikut spesifikasi EIA dan sebagainya tetapi di bawah sana laporan yang kita dapat adalah sebaliknya.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya tahu, perkara ini adalah perkara baru. Jadi saya meminta bahawa saya akan memberi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat dan kita akan meneliti. Akan tetapi saya ingin menegaskan di sini bahawa Jabatan Alam Sekitar memang tidak akan membenarkan sesuatu projek yang memerlukan EIA untuk dilaksanakan sebelum EIA itu diluluskan kerana ia melanggar undang-undang dan kita telah pun mengambil tindakan tertentu kepada beberapa projek yang telah dijalankan tanpa mendapat EIA.

Jadi saya berharap Yang Berhormat memahami ketegasan kita. Akan tetapi kalau ada berlaku seperti yang disebut oleh Yang Berhormat ini, kita akan menyiasat.

Yang Berhormat Putatan mengenai EIA projek untuk *coal fire plant* di Sabah. Untuk maklumat Yang Berhormat, Laporan EIA terperinci telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar pada 26 Mei 2010 dan sedang diproses. Laporan ini sedang dipamerkan untuk pandangan dan urusan orang awam. Laporan EIA terperinci ini boleh dibaca di perpustakaan negara, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Daerah Lahad Datu, Pejabat Daerah Lahad Datu, Majlis Daerah Lahad Datu, Ibu Pejabat Polis Daerah Lahad Datu, FELDA Wilayah Sahabat, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah, Perpustakaan Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah, Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar Putrajaya dan semua Pejabat Alam Sekitar Negeri sehingga 17 Julai 2010.

Semua ulasan dan pandangan bolehlah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk dikaji bersama laporan EIA terperinci ini. Pegawai saya juga telah melawat ke tempat ini kerana ada tuduhan bahawa projek ini telah pun bermula tanpa kelulusan EIA. Pada 15 Mei, pegawai telah pun melawat tapak tersebut dan telah pun mendapati pembinaan projek tersebut belum bermula tidak seperti apa yang dituduh oleh pihak-pihak tertentu.

Yang Berhormat Pengerang membangkitkan isu tumpahan minyak dan telah pun mencadangkan bahawa kerajaan mengkaji untuk menubuhkan satu badan yang baru sebagai pendekatan yang baru untuk mengatasi masalah ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 memperuntukkan tanggungjawab kawalan tumpahan minyak sebagai tanggungjawab Jabatan Alam Sekitar. Tindakan untuk melawan tumpahan minyak di perairan negara dilaksanakan melalui Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak. Tindakan di bawah rancangan ini diselaraskan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak yang dipengerusikan oleh Jabatan Alam Sekitar dan dianggotai oleh 17 ahli termasuk agensi kerajaan lain dan wakil industri minyak.

Peranan dan tanggungjawab setiap ahli digariskan dalam rancangan tersebut. Antara lain memberi nasihat teknikal, menyediakan peralatan dan tenaga kerja, pengawasan udara dan laut dan menjalankan operasi melawan tumpahan minyak. Pelan tindakan ini setakat ini telah pun terbukti berjaya untuk menangani masalah tumpahan minyak khususnya di Pengerang baru-baru ini. Walau bagaimanapun, kerajaan dan kementerian akan mengkaji semula pelan tindakan ini untuk memperbaikinya bagi

segi meningkatkan keupayaan dan kesediaan kerajaan untuk menghadapi insiden tumpahan minyak yang lebih besar di masa akan datang.

Kementerian sedar bahawa proses untuk mendapat pampasan kepada nelayan akan mengambil masa. Jabatan Alam Sekitar telah berbincang dengan pihak berkaitan untuk mempercepatkannya. Akan tetapi kalau didapati bahawa ia lambat, pihak Jabatan Alam Sekitar akan berbincang dengan persatuan nelayan berkenaan untuk mencari jalan bagaimana hendak membantu nelayan-nelayan tersebut misalnya untuk memberi wang pendahuluan supaya meringankan beban nelayan tersebut.

Yang Berhormat Lenggong telah pun menyentuh mengenai masalah banjir di kawasan Yang Berhormat dan juga mencadangkan mengenai satu kajian dibuat di sungai-sungai di Perak. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk rancangan tebatan banjir di Sungai Lenggong. Komponen-komponen kerja yang dicadangkan adalah seperti pengambilan balik tanah, pengaliran Sungai Lenggong sepanjang enam kilometer, menaikkan taraf sistem saliran di pekan Lenggong sepanjang 800 meter, kerja-kerja perlindungan tebing sungai yang terhakis dan membina 12 struktur kawalan yang mengurangkan hala tuju.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: *[Bangun]*

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Sebagai langkah awalan, JPS telah pun menjalankan kerja ukur bagi Sungai Lenggong dan mengenal pasti keperluan rizab...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Lalan.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: ...Yang diperlukan bagi tujuan pengambilan balik tanah. Ini untuk memastikan kerja-kerja mendalam dan melebar sungai dapat dijalankan dengan lancar dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh nanti.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Untuk makluman Yang Berhormat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tentang banjir. Banjir. Walaupun Yang Berhormat Lenggong yang bertanya tetapi saya hendak...

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Boleh saya bagi Yang Berhormat Lenggong dahulu?

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya bangun dahulu.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Ini soalan dari Yang Berhormat Lenggong.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Akan tetapi ada kaitan dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong ya.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Silakan. Dia bagi.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menyebut tentang keadaan Sungai Perak di negeri Perak itu sendiri. Bukan sahaja di kawasan yang melibatkan Parlimen Lenggong ataupun Gerik kerana didapati antara punca yang menyebabkan banjir ialah kedudukan Sungai Perak tidak lagi seperti sedia kala. Kalau dulu difahamkan kalau air naik sehingga 200 kaki, baru boleh menyebabkan banjir tetapi, ketika ini didapati jika air sudah melepasi tangga 140 kaki, keadaannya menyebabkan banjir berlaku. Ini mungkin disebabkan oleh keadaan sungai itu sudah cetek daripada keadaan asal.

Sebab itu ia menyebabkan aliran air daripada sungai-sungai biasa ini tidak dapat terus ke kawasan Sungai Perak untuk dia mengalir ke laut, ke Selat Melaka dan sebagainya. Sebab itu saya minta supaya pihak kementerian untuk membuat kajian secara menyeluruh bagaimana kita mahu memulihkan air Sungai Perak ini terus kekal sedia kala kerana ia mungkin juga disebabkan oleh adanya beberapa empangan di kawasan Sungai Perak yang menyebabkan mendapan itu berlaku. Ini yang saya bangkitkan juga dan saya harap yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi saya tidak dengar habis tadi tentang beberapa perancangan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Saya ingat ini amat mustahak sekali untuk dilaksanakan. Terima kasih.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: [Bangun]

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: [Bangun]

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih. Saya hendak sambung daripada – ini dari negeri Perak juga ini. Banjir tadi juga disebut tentang program yang dibuat oleh kerajaan. Tebatan banjir dan sebagainya. Saya ingin menarik perhatian kementerian supaya salah satu cara jangka panjang untuk kita menyelamatkan keadaan ialah kita kena lebih prihatin kepada memelihara hutan-hutan simpan yang ada yang statusnya adalah *water catchments area*. Jadi apabila berlaku pembalakan secara yang tidak mengikut spesifikasi seperti di Hutan Simpan Kekal Pondok Tanjung telah menjejaskan ekosistem dan telah menyebabkan sebagaimana yang disebut apabila hutan telah ditebang, air yang mengalir itu tidak dapat ditahan, tidak ada *catchments area*.

Jadi antaranya menyebabkan masalah air itu terus mengalir dengan sungai yang cetek terus mengakibatkan mudah banjir berlaku. Saya menyeru kepada pihak kementerian supaya jangan hanya menambah projek tebatan banjir tetapi pada waktu yang sama, jangka panjang memelihara hutan-hutan ini supaya tidak mudah dilakukan pembalakan yang tidak terkawal sehingga boleh memberi kesan kepada banjir.

■ 1510

Ini berlaku secara terus di Lembah Kerian ataupun di Daerah Kerian di mana Parit Buntar dan Bagan Serai adalah sebagai daripadanya dan kami mengalami masalah banjir ini adalah kerana pembalakan khususnya di hutan simpan kekal pondok tanjung ini berlaku tanpa mengikut *spec* yang sebenar...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Jawab sekali dengan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya seperti rakan-rakan yang lain Yang Berhormat Parit Buntar dan Yang Berhormat Lenggong juga berlaku masalah yang sama. Saya kata perkara ini boleh dikatakan hampir di seluruh negara berlaku iaitu melibatkan soal banjir dan tebatan banjir sama ada di Arau dan Padang Besar di Pekan Pauh khususnya. Jadi saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri dalam RMKe-10 soal-soal yang melibatkan perancangan.

Saya tahu perancangan ini ada dalam GPS tetapi soal kekurangan peruntukan yang merupakan *constrains* untuk kita menangani masalah *water catchments area* dan juga tidak ada untuk mengatasi masalah *proper drainage* di kawasan-kawasan yang dijangka seperti di pertumbuhan bandar baru. Juga untuk kita membuat aliran terus seperti *instant bypass* supaya melancarkan pelancaran air apabila berlaku hujan lebat dan sebagainya seperti yang dibangkitkan oleh rakan-rakan. Jadi saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri dalam RMKe-10 semua perkara yang melibatkan *instant bypass*, kolam takungan dan sebagainya, adakah akan diberi *priority* oleh pihak kementerian?

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Tuan Yang di-Pertua saya minta laluan sedikit isu yang sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyentuh berkaitan soalan banjir juga iaitu apa perancangan pihak kementerian terutama di kawasan Pantai Timur yang memang setiap tahun terdedah dengan banjir di musim tengkujuh. Jadi apa yang dibuat oleh kerajaan hari ini kita lihat penstabilan Sungai Golok itu sendiri tidak menyelesaikan masalah kerana tebing sebelah Malaysia ini terlalu rendah hendak banding di sebelah tebing sungai di sebelah Thailand.

Kita lihat tebatan yang dibuat di Pasir Mas itu tidak melibatkan masih lagi tidak dalam kawasan garis Rantau Panjang. Jadi apa perancangan dalam Rancangan

Malaysia Kesepuluh untuk menangani masalah banjir dan setiap kali dalam ucapan saya, saya minta kerajaan menyelesaikan masalah banjir. Saya harap jangan sekali ini, berapa puluh kali kami sebagai wakil rakyat memberitahu tetapi isunya masih belum selesai. Jadi apa perancangan untuk kawasan kami dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Boleh ya Yang Berhormat Menteri isu yang sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri pagi semalam hampir separuh bandar raya Melaka banjir kilat yang semakin teruk kebelakangan ini. Ingin saya tanya Yang Berhormat Menteri iaitu selepas pembinaan satu pintu air di muara Sungai Melaka yang tujuannya untuk memastikan satu paras air untuk feri-feri pelancong. Ini telah mengakibatkan banjir kilat di bandar raya Melaka semakin teruk. Bolehkah saya tanya Yang Berhormat Menteri, adakah sebarang kajian telah dibuat tentang sebab-sebab banjir kilat ini? Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya terima kasih Yang Berhormat. Memang isu banjir ini adalah satu isu yang besar berhadapan dengan kita. Bukan hanya di Malaysia masalah ini berlaku. Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini kita telah pun menyaksikan banjir yang melibatkan lebih 20 juta masyarakat di China telah pun berlaku begitu juga di Brazil. Apa yang kita tidak sangka baru-baru ini juga keluar di surat khabar masalah banjir ini juga berlaku di Singapura. Ini adalah satu fenomena yang baru khasnya disebabkan oleh perubahan iklim. Tuan Yang di-Pertua walau bagaimanapun kita dalam kementerian memang merancang untuk mencari secara menyelesaikan masalah banjir sedaya upaya kerajaan yang boleh dapat.

Untuk makluman Yang Berhormat kita telah pun menganggarkan tidak kurang daripada RM33 bilion diperlukan untuk melaksanakan pelbagai program kalau kita hendak menyelesaikan perkara ini dalam sekali gus dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Kita juga dimaklumkan bahawa tidak mungkin kita dapat peruntukan yang sebegitu rupa. Maka kementerian telah pun mencadangkan beberapa pendekatan bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini kerana kerajaan Barisan Nasional cukup prihatin mengenai masalah yang melibatkan masyarakat mengenai masalah banjir ini. Maka kita berharap mengenai soalan-soalan yang terperinci itu tadi khasnya Sungai Golok. Ini juga selalu disebutkan dalam Dewan ini dan projek-projek yang tertentu kita terpaksa menunggu apabila senarai-senarai keluar dan kita tahu apa yang akan diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Bagaimanapun kementerian memang masih berbincang dengan Jabatan Perdana Menteri bagaimana kita hendak melaksanakan projek-projek yang kita fikir perlu dilaksanakan dengan segera dengan pendekatan-pendekatan di luar *development expenditure* yang ada ini. Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Buntar. Memang kita telah pun menyebut telah pun termasuk dalam perancangan kita iaitu kita akan laksanakan satu program pengurusan lembangan sungai bersepadu. Program ini akan menentukan bahawa *water catchments area* dan sepanjang sungai itu akan dijaga dan ditentukan bahawa ianya tidak akan merosakkan sumber-sumber air negara. Itu memang sudah termaktub dalam program kita. Ada juga undang-undang menentukan ianya dijalankan dan kerajaan juga telah minta semua Kerajaan Negeriewartakan kawasan-kawasan tadahan air.

Mengenai isu yang disebutkan Yang Berhormat Lenggong tadi saya memang ada jawapan di sini. Nanti saya akan bagi jawapan dengan lebih terperinci. Mengenai masalah banjir di Arau dan Padang Besar kita sedar dan kita tunggulah apa yang akan dilaksanakan oleh kerajaan menunggu peruntukan yang akan diumumkan nanti. Untuk makluman Yang Berhormat dari Lenggong JPS sedang dalam peringkat penyediaan pelan pengurusan lembangan sungai bagi Sungai Perak. Penyediaan pelan IRBM yang komprehensif ini adalah berdasarkan kepada empat objektif utama;

- (i) memastikan air yang bersih;
- (ii) memastikan air yang mencukupi;
- (iii) mengurangkan risiko banjir; dan
- (iv) meningkatkan pemuliharaan alam sekitar.

Isu-isu seperti pembuangan sampah dalam sungai, aktiviti perlombongan pasir akan meningkatkan kadar mendapatkan kelodak. Secara tidak langsung akan menyebabkan kecetekan Sungai Perak yang berlakunya banjir. Untuk menangani masalah ini kajian ini akan mengenal pasti langkah-langkah dan tindakan yang perlu diambil oleh pihak kepentingan *stakeholder* di dalam lembangan Sungai Perak.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Parit Buntar bangun.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Sekali lagi saya mohon maaf sebab saya begitu berminat dalam isu alam sekitar ini. Tentang pihak pusat kementerian untuk menasihati Kerajaan Negeri. Selalu bila kita bawa isu hutan, bawa isu tanah selalu nanti jawapannya adalah ini soal Kerajaan Negeri jadi Kerajaan Pusat campur tangan ya.

Sedangkan tadi Menteri ada menyebut bahawa pusat akan ada satu program untuk memastikan *water catchments area* ini diisytiharkan sebagai kategori yang tidak boleh diganggu kerana dia akan menyebabkan sungai dan sebagainya. Cuma soalan saya sekarang sejauh manakah kuasa pusat itu untuk memastikan Kerajaan Negeri dan saya kira hingga hari ini belum ada kategori hutan simpanan yang boleh disebut sebagai *catchments area* atau melindungi spesies-spesies tertentu.

Adakah sudah ada satu kajian atau belum? Atau sekadar menjawab dan kemudian tahun depan kita bincang lagi timbul masalah yang sama. Saya mohon kementerian supaya tegas kepada Kerajaan-kerajaan Negeri iniewartakan *catchments area* itu. Supaya tidak lagi berlaku pencerobohan kepada alam sekitar ini dengan projek-projek pembalakan yang jadi masalah antaranya adalah pembalakan yang menyebabkan berlakunya semua permasalahan ini. Saya menyeru kepada pihak Menteri supaya tegas dalam hubungan ini. Tadi saya ingat ada satu soalan yang saya tanya tidak dijawab semasa membahas iaitu hutan simpanan kekal di Wilayah Persekutuan.

Sejauh manakah hutan simpanan kekal di Wilayah Persekutuan dipelihara? Supaya apa juga pembangunan yang akan berlaku di Kuala Lumpur ini seimbang dia punya masalah cuaca keliling dan sebagainya supaya tidak berlaku permasalahan. Itu pun belum dijawab oleh Menteri atau saya tidak tahu mungkin ada jawapan kemudian.

■1520

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Soalan hutan kekal di Kuala Lumpur ini memang belum dijawab. Kita akan jawab. Mengenai pewartaan *the water catchments area* ini, ini bukan hanya *political rhetoric*. Ini memang satu perkara yang telah dipersetujui dalam Majlis Perhutanan Negara. Di situlah dalam majlis itu kita menentukan dasar-dasar umum bagi perhutanan negara supaya hutan-hutan kita akan dilaksanakan dengan secara mampan.

Untuk makluman Yang Berhormat saya tidak ada angka terperinci di sini akan tetapi hampir 90% *water catchments area* di seluruh negara telah pun diwartakan. Hanya sebahagian kecil yang belum diwartakan. Kita akan bagi angka kalau Yang Berhormat hendak nanti. Inilah untuk menentukan bahawa *biodiversity* dan kawasan-kawasan tadahan air kita itu dijaga dan dipelihara mengikut undang-undang.

Mengenai isu tanah dengan hutan, misalnya kalau Yang Berhormat hendak mohon tanah di negeri Perak. Itu adalah kuasa kerajaan negeri. Kalau hendak bagi lesen hutan, itu adalah kuasa kerajaan negeri. Kalau hendak menentukan tidak ada

pencerobohan hutan, itu adalah bidang kuasa kerajaan negeri. Akan tetapi di peringkat Persekutuan kita ada satu Majlis Perhutanan Negara di mana kita akan menentukan dasar-dasar perhutanan supaya hutan kita dijaga dengan cara mampan.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri tentang soalan atau perkara yang saya bangkitkan.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Kota Melaka...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Perkara isu spesifik saya akan bagi secara bertulis dengan Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Ya. Yang Berhormat dari Dungun menyuarakan masalah sungai Dungun. Untuk makluman Yang Berhormat kementerian memang prihatin masalah kecetekan sungai Dungun, bagi menangani masalah ini satu kajian pemuliharaan muara sungai Dungun sedang dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran. Kajian ini akan mengesyorkan penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi masalah pemendapan muara sungai, pelaksanaan kerja-kerja fiskal seterusnya adalah bergantung kepada peruntukan yang disediakan.

Yang Berhormat Lanang dan Yang Berhormat Sibul telah membangkitkan isu banjir di Sibul. Saya merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Lanang atas sumbangan dan cadangan positif beliau untuk membantu usaha kerajaan melaksanakan projek RTV di Sibul. Bagi bandar Sibul RTV bandar Sibul berdekatan pengurusan banjir yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) dengan membina benteng di sekeliling bandar sepanjang 22 kilometer dan membina 11 buah rumah pam bagi mengeluarkan air yang berlebihan. Kaedah ini telah pun berjaya digunakan di Taman Sri Muda dan TTDI, Petaling Jaya di Selangor, Bau di Sarawak dan juga di beberapa negara seperti di *Netherland*;
- (ii) mengorek sungai di tempat-tempat terpilih di Batang Rajang supaya menentukan air laluan dia akan berjalan dengan lancar; dan
- (iii) menaikkan taraf perparitan di dalam kawasan bandar. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, RM230 juta telah diperuntukkan kepada JPS untuk melaksanakan beberapa

program projek termasuk RTV Sibul fasa 1, pengorekan Batang Igan Seduan, pembersihan sungai-sungai, kerja-kerja kecil saluran dan juga program penyelenggaraan saluran dan untuk pengambilan tanah.

Kerajaan Persekutuan juga telah menyediakan peruntukan melalui Jabatan Kerja Raya untuk meninggikan aras jalan raya yang rendah untuk Majlis Perbandaran Sibul bagi menaikkan sistem perparitan di kawasan bandar. Ini bermakna bahawa peruntukan-peruntukan untuk mengatasi masalah banjir di Sibul disalurkan ke beberapa agensi termasuk JBS.

Yang Berhormat Kota Kinabalu membangkitkan kejadian banjir yang sering berlaku di Kota Kinabalu dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat kerajaan telah mengenal pasti seluas 3,280 kilometer persegi atau 4.5% dari keluasan seluruh negeri Sabah yang cenderung mengalami banjir, yang telah merangkakan program-program jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah ini. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh kita telah mengemukakan permohonan akan tetapi, kita belum tahu apa yang akan diluluskan.

Yang Berhormat Dungun mencadangkan supaya peruntukan dipohon untuk meningkatkan Taman Laut di Dungun agar dapat dijadikan tarikan pelancong dan menjanakan pendapatan penduduk setempat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di perairan Dungun terdapat dua buah pulau, Pulau Tenggol dan Pulau Nyireh yang telah kita wartakan sebagai kawasan taman laut Malaysia pada tahun 1998.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Jabatan Taman Laut untuk pembinaan pangkalan hadapan Pejabat Taman Laut daerah Dungun telah pun – projek ini telah pun mendapat tanah. Peruntukan projek ini telah pun dipohon dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Kita berharap dengan kemudahan ini jabatan akan menempatkan bot dan kakitangan. Begitu juga meningkatkan aktiviti-aktiviti pengurusan yang akan dapat meningkatkan lagi pemuliharaan *biodiversity* dan ekosistem marin yang mana seterusnya boleh menjadi tarikan ekopelancongan.

Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan agensinya untuk memajukan industri pelancongan di kawasan yang dimaksudkan. Yang Berhormat Lenggong memang ini topik yang cukup diminatkan oleh Yang Berhormat Lenggong dalam masalah serangan hidupan liar terutama gajah. Pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sentiasa prihatin terhadap masalah gajah liar di negara ini.

Bagi keseluruhan kawasan Parlimen Lenggong, sehingga kini dianggarkan terdapat di antara 20 ke 30 gajah liar. Pihak jabatan juga telah mengenal pasti antara 15 kepada 20 ekor gajah yang menimbulkan masalah yang serius di beberapa kawasan seperti di dalam kawasan Lenggong. Dalam tempoh empat tahun dari 2006 hingga 2009 sebanyak tujuh ekor gajah telah berjaya ditangkap dan dipindah keluar dari kawasan ini dan empat ekor lagi ditangkap pada bulan Januari hingga bulan Jun 2010.

Bagi negeri Perak di bawah program kawalan dan pengurusan gajah Semenanjung Malaysia, Jabatan PERHILITAN telah pun merancang untuk menangkap dan memindah sebanyak 18 ekor gajah yang sering menimbulkan gangguan terutama bagi kumpulan gajah biak yang sering menimbulkan konflik bagi kawasan Lenggong dan Sungai Siput. Dalam masa yang sama Jabatan PERHILITAN juga telah menggunakan kaedah lain bagi menyelesaikan masalah mengurangkan konflik ini. iaitu menerusi pembinaan pagar elektrik.

Pada tahun ini jabatan telah menerima peruntukan khas RM1.8 juta untuk Parlimen Lenggong, bagi pembinaan program elektrik sepanjang 3.5 kilometer yang melibatkan beberapa kampung dan kawasan. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, Jabatan PERHILITAN telah memohon peruntukan bagi membina pagar elektrik untuk dua lagi lokasi di kawasan Sungai Siput dengan jarak 35 kilometer dan di kawasan penempatan rancangan semula Air Banun dengan jarak 20 kilometer.

Diharapkan dengan perancangan dan tindakan ini diambil masalah konflik di antara gajah dengan manusia dapat dikurangkan. Yang Berhormat Kuala Krau melahirkan kebimbangan bahawa proses pindah milik tanah yang dipercepatkan dari satu bulan ke satu hari tidak akan tercapai sekiranya sikap kita dan sistem penyampaian tidak berubah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha untuk mempercepatkan proses pendaftaran pemilik tanah dari 30 hari kepada 1 hari memanglah tidak tercapai sekiranya sikap dan sistem yang ada di pentadbiran tanah tidak berubah. Maka pencapaian ini adalah bukti kesediaan jabatan untuk menambah baik proses kerja yang sedia ada.

Untuk makluman Dewan ini dulu kita ada 12 proses kerja dalam proses pendaftaran pemilik dan proses ini telah pun dikurangkan kepada lima proses. Maka dengan itu kita pun telah dengan bangganya memberitahu bahawa sehingga Mei 2010, lapan buah negeri telah mencapai prestasi cemerlang dalam pendaftaran pindah milik dalam masa sehari.

Pencapaian Semua Transisi Dengan Satu Hari Negeri	Jumlah (%)
Negeri Sembilan	100
Perlis	99.66
Pahang	99.2
Melaka	97.2
Terengganu	96.4
Pulau Pinang	96.2
Perak	93.6
Kelantan	92.7
Wilayah Persekutuan	91.0
Johor	89.7
Selangor	81.0
Kedah	37.0

Dan gambaran ini pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yakin dalam tempoh yang singkat matlamat pendaftaran tanah dalam tempoh satu hari ini dapat dicapai. Yang Berhormat Hulu Selangor mencadangkan agar kerajaan menggalakkan usahawan-usahawan menjalankan perusahaan karbon kredit memandangkan Malaysia mempunyai banyak industri yang menggunakan pengeluaran karbon kredit. Karbon seperti industri kelapa sawit dan getah.

■1530

Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa persidangan di Copenhagen telah pun menyatakan bahawa Malaysia akan mengurangkan pelepasan '*intercity*' gas kepada 40% menjelang tahun 2020. Konsep pengurangan pelepasan gas sesebuah negara tidak boleh mengambil kira pengurangan hasil daripada perdagangan karbon kredit. Ini kerana pengurangan tersebut akan dikira oleh negara yang telah membeli karbon kredit tersebut. Secara mudahnya konsep karbon kredit adalah satu proses *off-set* yang mana pengurangan pelepasan karbon negara dibuat di negara yang lain. Namun demikian, kerajaan sedar akan potensi pasaran karbon dan keuntungan yang boleh diperolehi daripadanya.

Maka bagi tujuan tersebut, kerajaan telah mengambil tindakan berikut dengan menggalakkan penyertaan syarikat dalam perdagangan projek CDM. Antara tindakan tersebut adalah:

- (i) menggalakkan kesedaran awam melalui penganjuran seminar dan bengkel mengenai CDM;
- (ii) menerbitkan CDM *handbook* di Malaysia;

- (iii) menerbitkan maklumat di laman web;
- (iv) memperuntukkan RM1 juta di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan bagi meningkatkan keupayaan institusi berkaitan dengan pelaksanaan CDM; dan
- (v) memberi galakan cukai kepada syarikat yang menjual CER.

Pada masa ini Malaysia merupakan negara yang paling aktif di rantau Asia Tenggara dalam aktiviti CDM di mana 81 buah projek di Malaysia yang melibatkan pengurangan 5.04 juta tan *CO₂ equivalent* setahun telah pun didaftar dengan Lembaga Sekuriti CDM di Bonn, Jerman.

Yang Berhormat Parit Buntar bertanya berapakah jumlah hutan simpan kekal yang telah digazet supaya pembangunan di Kuala Lumpur dapat diseimbangkan? Untuk makluman Yang Berhormat, keluasan hutan simpan kekal yang telah diwartakan di Kuala Lumpur adalah seluas 60 hektar pada akhir tahun 2009. Pada masa ini, kawasan tersebut masih kekal status sebagai hutan simpan kekal.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, itulah beberapa perkara yang saya sempat jawab dalam kita membincang dan membahaskan Rancangan Malaysia Kesepuluh, terutamanya mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kementerian saya. Apa-apa perkara yang tidak sempat saya jawab, kita akan mengambil perhatian pada semua isu tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dijemput seterusnya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan.

3.32 ptg.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan semasa perbahasan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Kementerian amat menghargai serta mengambil perhatian serius terhadap semua pandangan, saranan, cadangan dan teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Salak mencadangkan agar kerajaan memberikan perhatian untuk memajukan kawasan-kawasan sejarah Pasir Salak yang

kurang diberikan perhatian ketika ini untuk tujuan pelancongan. Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Salak, kementerian sentiasa mempromosikan negeri Perak sebagai salah satu destinasi pelancongan menerusi bahan promosi seperti risalah, brosur, VCD dan sebagainya yang diedarkan pada semua pejabat pelancongan negeri dan juga *Tourism Information Center* di seluruh negara.

Salah satu produk pelancongan Pasir Salak yang dipromosikan adalah Kompleks Sejarah Pasir Salak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan sebanyak RM500,000 telah disediakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan menaik taraf bangunan dan monumen di Kompleks Sejarah Pasir Salak, Kampung Gajah, Perak. Komponen-komponen yang dilaksanakan adalah seperti naik taraf pondok tiket, ruang legar terowong sejarah, jam matahari, tandas dan landskap. Projek telah pun disiapkan pada 12 Mac tahun ini.

Untuk perancangan masa hadapan, Kementerian Pelancongan bersedia menimbang sekiranya terdapat cadangan daripada Kerajaan Negeri Perak untuk mempertingkatkan kemudahan pelancongan di kawasan Pasir Salak. Namun begitu, perkara ini adalah tertakluk kepada keperluan dan polisi kerajaan yang berkuat kuasa pada masa tersebut. Kementerian Pelancongan melalui Tourism Malaysia akan sentiasa mempromosi dan memasarkan kawasan bersejarah yang dikenal pasti dapat menarik pelancong setelah ia dibangunkan oleh kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ranau menyarankan supaya bekas lombong tembaga di Mamut yang terletak di kawasan tanah tinggi Mamut dibangunkan sebagai destinasi pelancongan peranginan tanah tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat Ranau, kawasan tanah tinggi merupakan salah satu produk yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan. Kementerian sentiasa berusaha dan akan bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan dalam membangunkan produk-produk pelancongan berpotensi tersebut dalam menaikkan industri pelancongan negara. Sebarang pembangunan produk pelancongan di sesuatu kawasan adalah perlu dikaji akan potensi dan kesesuaian kawasan berkaitan untuk menarik pelancong dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan menyeluruh sesuatu kawasan di sesebuah negeri adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri itu sendiri. Kementerian Pelancongan akan membantu kerajaan negeri dengan mempromosikan kawasan atau destinasi pelancongan berpotensi yang telah dibangunkan oleh kerajaan negeri tersebut. Pembangunan produk pelancongan di lombong tertinggal sebagaimana yang

dicadangkan perlu juga mengambil kira antara lain, permintaan terhadapnya, kemampanannya (*sustainability*), keselamatan dan daya maju (*viability*) projek tersebut. Selain itu, penilaian alam sekitar perlu dibuat untuk tinjauan merkuri ataupun arsenik bagi menentukan keselamatan kepada pelawat di bekas lombong Mamut. Adalah disarankan sebarang pelaburan bagi membangunkan produk pelancongan seharusnya adalah *private sector-driven*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lenggong mencadangkan supaya menaik taraf Lata Kekabu dan Lata Ulu Lawin di Lenggong sebagai produk pelancongan utama. Untuk makluman Yang Berhormat Lenggong, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan sebanyak RM4.4 juta telah disediakan bagi mempertingkatkan kemudahan di Lenggong iaitu menambah chalet-chalet di kompleks sedia ada di samping memperindah kawasan persekitaran kompleks.

Selain daripada itu, peruntukan sebanyak RM50,000 disediakan bagi menaik taraf jeti di kawasan Hentian R&R Tasik Raban. Sebanyak RM100,000 diperuntukkan bagi menaik taraf bangunan kuarters sebagai surau di Rumah Rehat Lenggong. Sebanyak RM50,000 disediakan bagi menaik taraf kemudahan laluan pejalan kaki dan juga wakaf di Hutan Lipur Lata Kekabu, Lenggong. Kesemua projek di atas telah pun disiapkan sepenuhnya. Untuk perancangan masa hadapan, Kementerian Pelancongan bersedia menimbang sekiranya terdapat cadangan daripada Kerajaan Negeri Perak untuk mempertingkatkan lagi kemudahan pelancongan di kawasan Lata Kekabu dan Lata Ulu Lawin di Lenggong. Namun begitu perkara ini adalah terletak kepada keperluan dan polisi kerajaan yang berkuat kuasa pada masa tersebut.

■1540

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Katil mencadangkan agar diberikan bantuan untuk membangunkan dan menaik taraf kawasan-kawasan pelancongan di Negeri Melaka khususnya Sungai Melaka supaya lebih bersih dan kembali jernih. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Katil, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Negeri Melaka secara keseluruhannya telah diperuntukkan sebanyak RM97.46 juta bagi membangun dan menaik taraf kemudahan pelancongan sedia ada. Daripada jumlah ini, peruntukan sebanyak RM17.8 juta...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Boleh minta penjelasan?

Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: ...diperuntukkan bagi menaiktarafkan sekitar kawasan Sungai Melaka. Di antara komponen-komponen yang

disediakan adalah jeti penumpang, kios, laluan berbumbung, tandas awam, landskap, pencahayaan dan naik taraf lorong jambatan. Silakan. Yang mana tadi?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya, saya.

Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Yang Berhormat Kota Melaka?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya terdapat satu Pesta *San Pedro* yang telah diterima secara *top 50 program* pelancongan dan pada tahun-tahun kebelakangan ini, peruntukan daripada kementerian tidak sampai kepada Kampung Portugis yang menganjurkan pesta ini. Bolehkah saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan satu penjelasan mengapa sejak tahun-tahun kebelakangan ini tidak lagi mendapat peruntukan. Hanya kerajaan negeri yang memberi sumbangan atau bantuan kepada mereka tanpa daripada kementerian. Terima kasih.

Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka kerana bertanya soalan itu. Saya tidak tahu sama ada pesta ini dianjurkan oleh kerajaan negeri ataupun oleh NGO. Setiap penganjur seharusnya jika mereka memerlukan peruntukan daripada kementerian untuk sesuatu pesta yang dianggap dapat menarik pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara, jika mereka memohon peruntukan ia boleh dipertimbangkan. Bagaimanapun tentang permohonan ini, saya tidak tahu. Saya tidak pernah melihat pun permohonan itu.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya berikan sedikit latar belakang. Memang ini satu program tahunan dan salah satu program pelancongan di semua *handbooks* atau semua *brochures* di sektor pelancongan kerajaan negeri. Saya tidak pasti kerana saya diberitahu dan saya juga membaca tentang laporan bahawa mereka pernah menerima peruntukan dari Kementerian Pelancongan tetapi untuk tahun-tahun kebelakangan ini, mereka tidak menerima peruntukan lagi dan mereka telah membuat permohonan. Saya tidak pasti apakah sebab peruntukan ini telah diberhentikan dan hanya sumbangan daripada kerajaan negeri untuk meneruskannya. Ini adalah satu pesta yang paling besar di Kampung Portugis, dan ini satu pesta tahunan yang amat menarik. Setiap tahun pelancong dari luar dan dalam negara memang datang ke negara kita. Oleh sebab itu saya minta pihak kementerian dapat mengkaji semula tentang peruntukan ini. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat. Berkemungkinan peruntukan ini ada juga disalurkan kepada kerajaan negeri tetapi saya kurang pasti juga. Saya boleh meneliti perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lenggong memohon supaya sokongan Kementerian Pelancongan atau Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berhubung aktiviti *sport fishing* sebagai satu program tarikan utama seperti yang akan dibuat di kawasan beliau pada bulan Oktober.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan melalui *Tourism Malaysia* telah mengenal pasti akan aktiviti *sport fishing* sebagai salah satu produk pelancongan minat khas yang sesuai di promosikan. Memandangkan aktiviti ini masih dalam peringkat perancangan, pihak kementerian akan bekerjasama dengan Persatuan Memancing Malaysia, badan-badan bukan kerajaan dan individu yang berkait rapat dengan aktiviti ini untuk meneliti dan mengenal pasti lokasi-lokasi aktiviti *sport fishing* yang bersesuaian dari segi kemudahan infrastruktur dan stok ikan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan dan permintaan pemancing dari dalam dan luar negara. Ini adalah bertujuan agar lokasi-lokasi yang dipromosikan adalah lokasi yang mampu berdaya saing dan mampu menarik minat pemancing-pemancing antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Pelancongan telah memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan pendapatan wang asing, meningkatkan guna tenaga dalam industri pelancongan, memupuk kerjasama dan meningkatkan pembangunan wilayah, mempelbagaikan asas ekonomi negara, menggalakkan pemahaman pelbagai budaya dan gaya hidup penduduk berbilang bangsa serta meningkatkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa. Justeru, untuk menjadikan Malaysia sebagai negara pelancongan yang berkualiti, kita hendaklah bersama-sama menjaga kebersihan, meningkatkan perkhidmatan pelancongan sedia ada dan memupuk sifat kemesraan pelancong. Ini merupakan sikap yang diperlukan dalam pembentukan satu minda, "*Think Tourism and Act Tourism*" dengan izin. Sekian, terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya tunggu Yang Berhormat habiskan ayat itu. Kalau saya dibenarkan Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *One last question.*

Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Saya sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *Shanghai Expo.*

Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Dia tidak ada bacakan sebelum ini.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Berkenaan *Shanghai Expo, World Expo...*

Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tidak ada sebut. Kenapa tidak ada bahas sebelum ini?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak cukup masa, tadi Yang Berhormat kata tingkatkan imej Malaysia di antarabangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Perkara baru Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi saya hendak bertanya berkenaan aspek itu.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Sudah habislah. Kementerian Pertanian pula, Kementerian Pertanian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. seterusnya saya jemput Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

3.48ptg.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Seri Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang menyentuh pelbagai perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini.

Seramai 13 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Sesungguhnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menghargai segala pandangan, teguran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh membangkitkan isu berhubung Projek Penternakan Lembu secara *Feedlot* di Gemas, Negeri Sembilan. Saya ingin menyatakan bahawa Projek Pusat *Feedlot* Nasional adalah projek ternakan yang diusahakan oleh kerajaan secara besar-besaran dengan tujuan mengeluarkan daging bagi memenuhi keperluan negara. Projek ini melibatkan pemusatan aktiviti utama penternakan lembu *feedlot* serta aktiviti sokongan di sepanjang rantai nilai pengeluaran yang melibatkan bekalan input, pemprosesan dan pemasaran.

■1550

Bagi merealisasikan PFN ini, kerajaan telah menimbangkan cadangan kertas konsep projek daripada enam buah syarikat. Jawatankuasa penilaian kementerian telah meneliti kertas-kertas konsep yang dikemukakan oleh enam syarikat tersebut dan akhirnya bersetuju memilih syarikat **Agroscience Industries** Sdn. Bhd. dan Lamberts Agricultural Trade Malaysia Sdn. Bhd. untuk masing-masing mengusahakan Program Penternakan Lembu *Feedlot* di kawasan seluas 1,500 ekar dan 500 ekar di Gemas Negeri Sembilan.

Pemilihan ini dibuat berdasarkan kepada kepakaran tempatan bagi syarikat **Agroscience Industries** Sdn. Bhd. dan pemilikan ladang lembu di Australia oleh syarikat Lamberts Agricultural Trade Malaysia Sdn. Bhd. Di samping menjalankan projek penternakan lembu *feedlot* berpusat di Gemas, mereka juga dikehendaki membangunkan 310 buah ladang satelit di seluruh negara. Pembangunan ladang satelit dibuat oleh NFC dan JPV ini. Ia bertujuan untuk membantu membangunkan usahawan ternakan lembu *feedlot* secara kontrak *farming*.

Melalui projek ini NFC dan ladang-ladang kontrak di bawahnya nanti akan mengeluarkan 246 ribu ekor lembu yang dijangka akan menghasilkan sebanyak 34,440 tan metrik daging sepanjang menjelang tahun 2015. Bagi membiayai pelaksanaan projek ini, NFC telah memohon bantuan pinjaman daripada kerajaan dan telah diluluskan sebanyak RM250 juta. Pelaksanaan projek ini telah pun bermula secara berperingkat-peringkat dan pihak syarikat telah mula menghasilkan daging dan dipasarkan kepada pasaran tempatan.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, kalau tuduhan yang mengatakan RM257 juta diberikan kepada satu syarikat milik anak dan suami Menteri adalah tidak benar kerana RM250 juta ini ialah pinjaman dan diberikan kepada syarikat ini secara berperingkat-peringkat. Setiap kali projek dibangunkan oleh NFC, ianya mesti mendapat perakuan

terlebih dahulu daripada Jabatan Veterinar sebagai agensi yang mengawal dan barulah bayaran dibuat kepada syarikat tersebut.

Setakat hari ini, kita hanya baru RM130 juta diluluskan untuk syarikat ini membiayai prasarana yang sedia ada dan juga tuntutan yang diminta seperti sekarang, RM60 juta yang dituntut oleh syarikat tersebut untuk membuat... Masih lagi kita belum bayar. Oleh itu saya hendak jelaskan bahawa peruntukan tersebut ialah pinjaman yang akan dibayar semula oleh syarikat berkenaan dan bukannya pembayaran secara terus kerajaan kepada syarikat tersebut.

Kalau kata tuduhan mengatakan ia menjadi satu sistem, anak isteri menantu jadi satu sistem yang dituduh oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya kira kalau hendak kira satu sistem, pembangkang lagi banyak satu sistem *family*, Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Lembah Pantai *family*. Ini Yang Berhormat Ipoh Timur dan Yang Berhormat Bagan ini *family*. Banyak lagi *family* pembangkang ini, banyak *family*. Ini satu tuduhan yang tidak betul yang dibuat oleh Yang Berhormat Permatang Pauh.

Yang Berhormat Marang pula membangkitkan isu sumber perikanan marin yang semakin terancam. Memang terdapat undang-undang yang menjaga sumber perikanan di negara ini. pengurusan sumber perikanan di negara ini diurus berdasarkan Akta Perikanan 1995. Berdasarkan Akta ini, *vesse/* menangkap ikan di lesenkan untuk mengawal aktiviti menangkap ikan supaya sumber kekal dan mapan. Peralatan dan juga kaedah menangkap ikan yang memberi kesan buruk kepada sumber ikan adalah diharamkan. Sistem pengezonan kawasan menangkap ikan mengikut saiz *vesse/* dan juga penguatkuasaan kepada sesiapa yang melakukan kesalahan di bawah akta ini.

Di samping itu, pihak kerajaan turut berusaha memelihara sumber perikanan negara melalui tindakan-tindakan berikut iaitu pewartaan kawasan-kawasan taman laut, pewartaan kawasan-kawasan larangan perikanan, memperkenalkan dan menggalakkan penerimaan amalan perikanan bertanggungjawab oleh nelayan dan juga pembinaan tukun-tukun tiruan yang kita telah peruntukkan sebanyak RM24.4 juta untuk membina 35 tapak tukun tiruan ini.

Dalam ucapan Yang Berhormat Marang, seolah-olah kerajaan tidak membela nasib nelayan ini, seperti mana dalam ucapannya yang mengatakan bahawa walaupun ada Lembaga Kemajuan Ikan, ikan yang maju, orang dia tidak maju. Ini satu tuduhan, saya hendak beritahu bahawa dalam kita membela nasib nelayan, kita telah memperuntukkan berbagai-bagai kemudahan. Di antara kemudahan yang terakhir yang

kita bagi ialah memberi elaun RM200 tiap-tiap bulan kepada kaum nelayan sama ada mereka pergi ke laut atau mereka tidak pergi ke laut, mereka masih mendapat elaun.

Bantuan subsidi petrol atau diesel, kita terus berikan dan bajet dekat hampir RM100 juta setiap tahun. Kita juga memberikan bantuan-bantuan kebajikan kepada kaum nelayan. Selain dari itu kita juga memberikan pinjaman mudah sehingga RM25,000 tanpa penjamin, tanpa cagaran. Kita juga untuk mengatasi masalah orang tengah, kita juga menubuhkan persatuan-persatuan nelayan untuk kita membantu nelayan-nelayan memasarkan ikan-ikan mereka. Jadi kalau mengatakan kita tidak membela nasib nelayan, ini satu tuduhan yang tidak tepat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Kinabalu ada membangkitkan isu mengenai subsidi yang diberikan kepada petani-petani dalam mengusahakan penanaman padi. Saya ingin menjelaskan bahawa bantuan yang diberikan untuk petani-petani melalui pemberian subsidi dan juga insentif amat tinggi sekali. Tahun 2009 kita telah membelanjakan RM3.2 bilion hanya untuk membantu petani-petani untuk mengeluarkan padi. Mengikut pengiraan, setiap petani yang menanam padi menerima subsidi lebih kurang RM2200 hektar berbanding dengan kos pengeluaran purata padi per hektar sebanyak RM2800 hektar. Ini bermakna kerajaan telah memberi subsidi sebanyak 78% daripada kos pengeluaran padi yang ditanggung oleh petani-petani.

Dalam erti kata lain, petani hanya mengeluarkan lebih kurang 22% sahaja modal untuk memajukan sawah mereka, yang selebihnya 78% diberi subsidi oleh pihak kerajaan. Tujuan memberi subsidi ini adalah membantu mengurangkan beban kos pengeluaran padi yang harus ditanggung oleh petani dan pemberian input pertanian ini akan terus dinikmati oleh petani. Harga belian padi adalah mengikut harga pasaran di sesuatu kawasan.

Seperti mana yang kita sedia maklum, bahawa kerajaan hanya menentukan harga minimum padi iaitu satu tanpa, tidak boleh dibeli kurang daripada RM750 dan subsidi yang diberikan oleh kerajaan setiap pek ialah RM248.10. Sekiranya padi di beli lebih rendah daripada RM750 satu tan maka pihak Bernas mestilah membeli diparas harga RM750. Akan tetapi hari ini kita lihat bahawa harga padi di pasaran bukan lagi RM750 tetapi boleh menjangkau sehingga musim yang lepas, sehingga RM1,350 per tan dan pada musim ini ialah RM1,250 per tan.

■1600

Saya juga ingin tegaskan bahawa kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu yang mengatakan sekarang dengan pemotongan subsidi pasti akan

mendorong kepada kesulitan terutama kepada orang-orang miskin. Saya mahu jelaskan di sini bahawa di dalam kerajaan yang kita sedia maklum sedang mengkaji semula pemberian subsidi ini, Kerajaan Barisan Nasional tidak menyentuh subsidi insentif bantuan yang diberikan kepada nelayan, petani, dan juga penternak. Apa juga subsidi dan juga insentif dan bantuan yang sekarang ini diterima oleh petani, nelayan, dan penternak, mereka akan terus menerimanya dan tidak terlibat di dalam penstrukturan semula subsidi. Jadi kenyataan Yang Berhormat Kota Kinabalu ini menunjukkan bahawa beliau sendiri tidak melihat pameran-pameran kajian subsidi yang dibuat oleh kerajaan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, saya percaya Yang Berhormat Menteri sedar, baru-baru ini penanam padi dan pesawah-pesawah membuat protes. Di 'Chui Chak', mereka menjemput saya pergi dan saya juga melihat siaran dalam media penduduk atau pesawah di Sekinchan. Apakah dalam tempoh yang terdekat ini pihak kementerian boleh meneliti semula harga minimum padi itu? RM750 satu tan itu terlalu rendah dan bukan harga realiti - yang mereka minta saya minta Yang berhormat mengetahui, lebih tinggi daripada itu. Yang Berhormat juga sebelum ini berkata bahawa kali ini harga padi lebih rendah kerana lebih stok. Jadi apabila timbul situasi sedemikian, siapakah yang melindungi pesawah dan petani ini?

[Timbalan Yang di-Pertua (**Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar**)
mempengerusikan Mesyuarat]

Ini kerana yang mereka hasilkan buat masa ini adalah tidak mencukupi untuk kegunaan tempatan. Ia adalah BERNAS yang mengakibatkan import yang terlalu banyak, stok simpan kerana spekulasi keadaan di luar negara. Jadi, akhirnya siapa yang dapat harga padi yang lebih rendah? Petani dalam negara. Jadi, bagaimanakah Yang Berhormat, kementerian juga anak petani Yang Berhormat Menteri boleh melindungi kepentingan petani-petani dalaman apabila situasi demikian berlaku? Terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri, dari Bakri sedikit sahaja - yang sebentar tadi. Minta maaf, Yang Berhormat Menteri. Tentang yang tadi Yang Berhormat Menteri menjelaskan lesen perikanan. Saya mahu tahu, yang saya bangkitkan dua minggu lepas tentang pindaan undang-undang perikanan supaya kapal **zon B** dan **zon C** dihentikan di kawasan utara pantai barat Johor. Bolehkah kementerian

beri bagi satu tempoh bilakah perbincangan akan diadakan di antara Jabatan Perikanan dan pihak negeri Johor dan Melaka untuk menyelesaikan masalah ini? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Bakri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bakri.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Ya, belum sampai lagi. Iaitu saya cakap tentang padi tadi Yang Berhormat sudah lompat kepada perikanan. Akan tetapi Yang Berhormat mungkin tidak sempat berucap, tetapi apa Yang Berhormat cakap itu telah pun dijawab di dalam Dewan ini - di dalam ucapan penangguhan. Akan tetapi walau bagaimana pun saya akan jawab itu kemudian.

Saya mahu jawab ini tentang padi ini. Terima kasihlah Yang Berhormat bangkitkan perkara ini.

Soalan Yang Berhormat, siapa yang akan melindungi petani? Jawabnya Kerajaan Barisan Nasional yang akan melindungi petani, nelayan, dan juga penternak. DAP hanya pandai membuat provokasi, demonstrasi tetapi apabila dipanggil berdepan, berdialog tidak berani hadir.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Berilah saya jawab dahulu. Beri saya habis jawab dahulu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu bukan jawapan.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Ya, ini mukadimah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu mahu berpolitik dalam Dewan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tunggulah Yang Berhormat Menteri jawab habis.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya tanya dengan baik-baik, Yang Berhormat jawab dengan baik-baik.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Saya mahu jawablah ini.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jangan buat tuduhan sahaja bahawa DAP hanya pandai cakap, buat provokasi...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Batu Gajah, tunggu Menteri jawab habislah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya mahu jawapan. Jawapan sebagai seorang Menteri. Mahu politik, politik di luar.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Eh! Apa ini?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kita berpolitik dalamlah!
Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Eh! Ini jawapan, ini jujurhah...
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Majlis bagi kawasan Parlimen...
Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ceramah dalam Parlimen pun ada.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat pun mahu rampas dari...
Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Apa? Cakaplah?
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Ahli Parlimen Pembangkang!
Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Okey, cakap! Cakap! Sudah habis? Hah! Cakaplah!

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya rasa... Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa Yang Berhormat Menteri mesti bertanggungjawab apabila kami bangkitkan masalah petani. Berilah apa jawapan apa yang akan dilakukan. Kita tanya baik-baik dalam Dewan. Akan tetapi Yang Berhormat jangan ambil isu apabila bangkitkan untuk petani, Yang Berhormat jawab dengan jawapan politik. Itu amat tidak bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya fikir kadang-kadang kita memang selalu main politik dalam Dewan ini, banyak main politik Yang Berhormat. Jadi, jangan melenting sangatlah.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Saya...
Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat Batu Gajah...
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf, Tuan Yang di-Pertua...
Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Hah! Apa yang ia cakap lagi?
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Maaf, Tuan Yang di-Pertua. Dalam situasi ini saya tanya dengan baik siapa melindungi mereka. Menteri mesti menjawab dengan baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudahlah Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jangan jawab...
Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat...
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Dengan jawapan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:
Sudahlah Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Membuat tuduhan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:
Sudahlah Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Terhadap parti saya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat sudahlah. Dengarlah dahulu. Sekarang beri peluang kepada Yang Berhormat Tanjong Karang cakap, selepas itu kalau mahu bising, bisinglah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya juga harap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat sudahlah...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Tuan Yang di-Pertua beri jawapan yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jangan, jangan... *You know, do not touch on my character* - melenting, melenting...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa itu? / tanya dengan baik, jawab dengan baik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudahlah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Itu sahaja saya harap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat. Saya tidak tahu...

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: ...Apa melenting itulah.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Ya. Saya mahu tanya Yang Berhormat sudah habis cakap? Sudah habis cakap atau belum habis cakap? Kalau belum cakap, boleh beri cakap sebab beri peluang Yang Berhormat cakap.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: ...Kalau sudah habis, tunggu saya cakap beri habis. Ini kerana Yang Berhormat menyentuh dua, tiga perkara.

Pertama, Yang Berhormat siapa yang melindungi petani. Jawapan saya Kerajaan Barisan Nasional. Salahkah? Kemudian, Yang Berhormat menyentuh... *[Dewan Riu]* Yang Berhormat menyentuh, saya sebagai anak petani dan juga mengenai isu di Sekinchan. Yang Berhormat sebut tentang isu Sekinchan. Saya mahu cerita ini, berilah saya peluang habis cerita.

Inilah masalah pembangkang. Ia cakap semua betul, kita cakap semua tidak betul. Beri peluanglah kita bercakap. Habis saya cakap, saya beri lagi Yang Berhormat bangun kalau Yang Berhormat tidak puas hati dengan apa juga yang saya jelaskan. Janganlah mahu melenting. Itulah maksudnya melenting. Tidak habis cakap lagi sudah melompat. Akan tetapi lompat Barisan Nasional okeylah juga. Okey. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya, saya... Tuan Yang di-Pertua, saya pohon Yang Berhormat Menteri tarik balik apa yang ia kata...

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Apa?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Barisan yang terakhir tadi.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dengarlah dahulu Yang Berhormat Batu Gajah...

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Apa yang tarik balik?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...Yang Berhormat Batu Gajah pun tidak jaga kawasan.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Apa yang saya mahu tarik balik?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...Jaga Sekinchan buat apa?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya ada integriti dan kredibiliti.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Apa?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Ia mula jawapan dengan jawapan politik - tuduhan.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Okeylah, apa yang saya mahu tarik balik? Perkataan mana yang saya mahu tarik balik? Tolong ulang.

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Setiap kali dalam Dewan tidak jawab dengan baik-baik. Asyik mahu berpolitik sahaja...

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Habis kalau...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Hal petani tidak jawab dan tidak jaga dengan baik-baik.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Bagaimana saya mahu jawab dengan baik? Saya cakap tidak habis Yang Berhormat suruh saya tarik apa yang saya cakap.

Seorang Ahli: [Ketawa]

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: ...Berilah saya cakap habis dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Duduk. Tidak mengapa Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: ...Saya kata demikian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Ini cerita betul. Di Sekinchan – ini contoh di Sekinchan dan Chui Chak. Okey, saya fokuskan dua kawasan ini.

Di Sekinchan Tuan Yang di-Pertua, DAP - Ahli Dewan Undangan Sekinchan, ia buat demonstrasi. Sampai sekarang. Kalau Yang Berhormat tidak percaya, pergi Pejabat Dewan Undangan Sekinchan - Ibu Pejabat DAP Sekinchan. Ia letak kain-kain rentang itu, ia letak kain rentang dan gambar saya. Ia kata Menteri penipu. Di dalam demonstrasi, ia mengata saya penipu, suruh saya letak jawatan. Saya jenis tidak lari daripada kenyataan.

Oleh sebab itu, apabila perkara ini timbul saya tulis secara rasmi kepada ADUN DAP untuk berdialog dan bercakap di depan 1,000 orang petani. Saya mahu terangkan, jangan main tuduh tidak tentu hala. Jadi hari ini saya mahu terangkanlah, Yang Berhormat bangkit. Yang Berhormat kata mengenai harga padi. Yang Berhormat tidak perasan.

Saya katakan tadi ialah harga minimum. Harga minimum ini ia ertinya, padi tidak boleh dibeli lebih rendah daripada RM750. Akan tetapi kerajaan tidak menentukan harga maksimum. Oleh sebab harga padi ini, kita biarkan mereka ini bersaing di dalam pasaran. Maka hari ini harga padi bukan lagi RM750, tetapi RM1,350 dan RM1,250. Yang Berhormat kata wakil Chui Chak pergi jumpa Yang Berhormat, yang Berhormat balik tanya ia. Ia juga datang ke Sekinchan berdialog dengan saya, tanya macam-macam soalan. Saya jawab dengan wakil Chui Chak.

Jadi soal harga padi ini, kita sudah katakan bahawa harga minimum RM750 tetapi hari ini kita biar. Bermakna harga padi ini lebih RM750, lebih RM1,300 ini berapa kali ganda yang petani-petani yang mendapat faedah? Saya sudah kata tadi dalam usaha padi, kerajaan tolong 78% untuk membela nasib-nasib petani ini. Jadi buat apa Yang Berhormat bangkit soal harga padi? Baik Yang Berhormat kata sebab beras bawa masuk lebih - betul! Saya sudah jawab ada dua sebab.

■1610

Tahun lepas RM1,350, musim ini turun RM1,250. Sebab apa? Ada dua sebab. Sebab yang pertama, kalau kita tengok hujung tahun lepas di India ada monsun. Oleh itu, kita bimbang takut berlaku krisis makanan seperti tahun 2008. Kalau India beli harga beras di pasaran pada masa itu, akan berlaku krisis makanan. Jadi, sebab itu kita kata, "Okey! BERNAS beli.". BERNAS beli pun tidak melebihi kuota yang telah kita tetapkan kepada kuota BERNAS setahun lebih kurang 600,000 metrik tan iaitu 30% daripada yang kita import. Jadi, dia import lebih dahulu sebab apa?

Kemudian yang kedua, musim lepas sebab apa boleh naik sampai RM1,350? Ini kerana pengilang-pengilang padi yang sudah jumpa dengan saya pun, 15 orang pengilang-pengilang padi daripada Kedah datang mengadu, padi dia berlaku lambakan, beras dia masih lagi tidak laku. Sebab apa? Saya tanya mereka, sebab apa padi masih lambakan? Padi, padi musim yang lepas, kerana apa? Ini kerana mereka membuat ramalan, kononnya mereka menganggap bahawa SUBUR akan dilaksanakan tahun ini, harga beras akan naik. Oleh sebab itu mereka beli tahun lepas, mereka simpan. Apabila mereka simpan, tiba-tiba harga beras tidak naik. Jadi, mereka jem. Padi musim kedua sudah mula keluar. Jadi kerana itu lambakan berlaku, beras mereka pula mereka simpan, maka harga padi pada musim ini jatuhlah sebab ia sudah tidak ada saingan lagi.

Perkara yang menyebabkan harga padi ini bersaing dan tinggi ialah kerana saingan di antara syarikat-syarikat swasta dan tiap-tiap musim BERNAS merupakan agensi yang paling rendah sekali membeli padi daripada petani-petani. Ertinya petani-petani akan jual kepada swasta dahulu. Swasta sudah tidak boleh beli, baru dia pergi jual kepada BERNAS kerana harga BERNAS lebih murah. Akan tetapi kali ini BERNAS beli lebih mahal daripada pihak swasta. Itulah yang saya hendak jelaskan, apa Yang Berhormat hendak marah dengan saya?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ha! Tidak puas hati lagi?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tadi saya ada minta penjelasan. Penerangan tadi Yang Berhormat beri dua sebab mengapa harga padi rendah, tidak stabil baru-baru ini. Itu jawapan Yang Berhormat telah beri pada 16 Jun yang lalu, saya ada dalam Dewan. Akan tetapi, persoalan yang timbul adalah tadi saya tanya apakah pihak kementerian akan meningkatkan harga minimum padi tersebut? RM750 setan ini terlalu rendah. Satu.

Kedua, tadi saya kata apabila wujudnya spekulasi kelemahan ramalan swasta atau BERNAS kerana situasi antarabangsa, musim monsun kah, apa India kah, mana dan pihak BERNAS membuat import dengan lebih awal juga menyumbangkan kepada lebih lambakan padi. Siapa yang akan membantu petani? Mengakibatkan pengimportan padi campur dengan stok disimpan oleh swasta— lambakan. Siapa akan melindungi petani?

Persoalan ketiga, apakah dalam jangka masa ini pihak kementerian ada mengkaji, membolehkan semua petani boleh menjual padi mereka pada harga yang sama? Setiap tempat yang berbeza, di Sekinchan berbeza, di 'Cuchap' paling rendah. Mereka maklumkan saya paling rendah dan mereka juga dilarang untuk menjual padi mereka ke negeri yang lain kecuali musim tertentu atau dengan kelulusan pihak tertentu.

Jadi, ini semua persoalan mereka, minta saya sampaikan dalam Dewan kepada Yang Berhormat Menteri. Jadi itulah saya minta Yang Berhormat Menteri jawab dengan baik-baik. Itu sahaja.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Soalan Yang Berhormat tanya ini, semua saya sudah jawab sudah waktu saya berdialog. Saya sudah jawab semua sudah. Ada lagi yang mungkin Yang Berhormat lupa sebab benih padi pun dia timbul, mengenai loji padi pun dia ada timbul. Saya telah jawab lebih tiga jam, saya berdialog. Semua Yang Berhormat soal bangkit ini saya sudah jawab. Saya kata kepada Yang Berhormat, harga minimum RM750, Yang Berhormat tidak faham harga padi ini. Yang Berhormat punya *statement* pun bercanggah. Yang Berhormat kata harga padi RM750 ini rendah sangat. Kemudian Yang Berhormat bangkitkan pula, mengapa pula harga padi macam tidak stabil, berbeza-beza. Yang Berhormat, saya hendak terang baik-baik dengan Yang Berhormat. Harga minimum padi ini ertinya ialah...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau jatuh lebih rendah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:kalau jatuh lebih rendah daripada RM750, BERNAS wajib dan BERNAS mestilah beli dengan harga RM750. Saya sudah beritahu daripada awal tadi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Faham, faham, faham.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Faham?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Faham.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Mengapa harga ini berbeza, saya sudah kata tadi biarlah *market* menentukan. Hari ini kita seronok, harga minimum RM750 tetapi petani boleh dapat hampir RM1,000 lebih satu tan. Jadi, Yang Berhormat marah kata yang berlaku import awal. Saya hendak tanya Yang Berhormat, kalau berlaku krisis beras seperti tahun 2008, yang susah bukan sahaja petani, Yang Berhormat pun susah nanti beras pun susah hendak dapat.

Jadi, kita perlu lihat kepentingan negara dan dalam masa yang sama masalah rakyat kita tidak ketepikan. Apabila pengilang-pengilang ini jumpa dengan saya, kita sekarang ini sedang pun berunding dan minta mereka cadangkan kepada kerajaan sebab konsep kita "Rakyat didahulukan". Saya kata okey. Mereka cadangkan kepada kita bagaimana cara yang terbaik untuk kita menyelesaikan masalah mereka? Ini kerana pada mula dahulu bila saya berjumpa dengan mereka, saya kata beginilah, boleh atau tidak padi tempatan ini kita jadikan ST15?

Akan tetapi, mereka kata tidak boleh sebab beras tempatan kalau dijadikan ST15, harganya dikawal, RM1.80. Jadi, mereka kata tidak boleh. Kalau mereka beli RM1.80 - kalau dia jual harga di pintu kilang RM1,350 ST15, dia kata bagaimana dia hendak beli padi dekat dengan harga RM1,350? Jadi saya kata okey, kalau begitu, *you* hendak tolong petani, *you* belilah harga ini mahal daripada petani tetapi ST15 kita boleh gunakan beras import. Jadi, dengan cara itu mereka boleh beli harga lebih mahal padi tempatan kerana mereka boleh jual beras dengan harga yang lebih mahal. Jadi itu yang kita telah berbincang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Boleh kita pindah topik lain Yang Berhormat.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Ya. Saya pindah topik lain Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah panjang cerita.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat daripada Kota Belud ada menyentuh mengenai sistem pemberian subsidi yang perlu diperkemas. Saya ingin nyatakan bahawa sekarang ini pihak kementerian sedang mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang berkaitan untuk kita mengkaji balik subsidi dan juga insentif yang diberikan.

Walaupun pihak kementerian telah pun siap menyediakan cadangan-cadangan ini, namun demikian kementerian telah minta jabatan-jabatan yang berkaitan untuk mengadakan dialog dan mendapatkan maklum balas daripada mereka-mereka yang ada berkepentingan seperti kalau mengenai insentif atau subsidi nelayan mesti mendapat pandangan daripada persatuan nelayan, kalau insentif daripada segi ayam telur, mereka juga ada persatuan-persatuan. Ini kita sedang buat. Apabila kita mendapat maklum balas daripada pihak-pihak yang ada kepentingan ini, kementerian akan bawa balik kepada Kabinet untuk mendapatkan kelulusan daripada kerajaan untuk kita membetulkan balik pemberian subsidi ini supaya ia benar-benar dapat menambahkan produktiviti pertanian sejajar dengan jumlah subsidi yang diberikan kepada petani, nelayan dan juga penternak.

Yang Berhormat Labuan ada membangkitkan isu pensijilan VHM yang dikeluarkan oleh JPV Putrajaya. Sijil ini hanya dikeluarkan oleh JPV Putrajaya melalui satu proses pemeriksaan, pengauditan dan pelaporan oleh satu pasukan khas di Putrajaya. Pasukan ini diwujudkan bertujuan memastikan standard dan kualiti yang seragam. Pewujudan pasukan pakar di setiap daerah dan negeri adalah tidak praktikal buat masa ini.

Yang Berhormat daripada Baling memohon supaya kemudahan infrastruktur pertanian diperkukuhkan. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa memberi perhatian khusus kepada pengukuhan infrastruktur pertanian bagi memajukan sektor ini. Justeru itu, kementerian menerusi Bahagian Pengairan dan Saliran pertanian melaksanakan pelbagai program pembangunan infrastruktur bagi maksud tersebut. Di antaranya, program pemodenan sistem pengairan, program pembangunan infrastruktur mempelbagaikan tanaman, program pembangunan sistem saliran pertanian, program pembangunan zon pantai, program kawalan banjir kawasan pertanian, program pembangunan punca air dan juga program menaikkan taraf jalan ladang.

■ **1620**

Yang Berhormat Lenggong banyak menyentuh isu tentang pertanian antaranya ialah mengenai penganjuran joran ekspo perikanan Lenggong yang dijadualkan pada bulan Oktober tahun ini. Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Pertanian Industri Asas Tani, bersedia untuk bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan untuk menjayakan program tersebut. Mengenai cadangan pembangunan projek di bawah Parlimen Lenggong, Projek Agro Lenggong merupakan cadangan projek baru yang dicetuskan melalui Majlis Pertanian Tanah, kawasan Parlimen Lenggong. Oleh itu

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak, telah pun memberi kelulusan bagi kawasan Bukit Sapi seluas 4000 hektar untuk dibangunkan dengan projek-projek pertanian.

Bagi projek *aquaculture*, Projek Zon Industri Akuakultur (ZIA) telah dibangunkan di Temenggor di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Seluas 100 hektar telah dibangunkan dengan projek ternakan ikan air tawar dalam sangkar. Di bawah Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani, kementerian ini melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah menyiapkan bangunan Pusat Pembangunan Teknologi Produk Perikanan di Lenggong baru-baru ini. Pusat ini mengandungi kompleks, pejabat, bangunan memproses produk perikanan berasaskan air tawar dan enam gerai tapak jualan dari pengusaha-pengusaha yang terlibat. Pusat ini dijangka beroperasi tidak berapa lama lagi.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh usaha-usaha sedang giat dijalankan untuk mengenal pasti dan membimbing lebih ramai pengusaha-pengusaha tempatan mempelbagaikan jenis produk yang dihasilkan, menempatkan pegawai-pegawai yang terlatih serta menyediakan kemudahan dan peralatan mesin yang sesuai dan memastikan pusat ini dapat beroperasi dengan lancar. Jabatan Perkhidmatan Veterinar membangunkan sebuah ladang haiwan eksotik khususnya ladang rusa di Lenggong dengan keluasan 607 hektar, dibangunkan dengan kawasan rumput 87.5 hektar. Selebihnya masih belum dibangunkan paya dan bukit bakau.

Yang Berhormat Kuala Kedah ada membangkitkan isu projek-projek yang hendak dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tumpuan Kementerian Pertanian Industri Asas Tani dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah memastikan bekalan makanan dalam negara mencukupi dan meningkatkan pendapatan golongan sasaran. Dalam hal ini pertanian bernilai tinggi seperti industri sarang burung walit, akuakultur, *seaweed*, herba dan rempah ratus akan diberi tumpuan melalui penyertaan sektor swasta dan golongan sasaran untuk meningkatkan pendapatan mereka dan seterusnya memberi sumbangan yang tinggi kepada KDNK. Petani, penternak dan nelayan daripada kawasan Kuala Kedah akan juga mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek-projek ini.

Di samping itu, projek-projek juga akan dijalankan bagi memastikan jaminan bekalan makanan negara khususnya beras mencukupi, mudah diakses pada harga berpatutan dan pada masa yang sama dapat memberi harga yang setimpal kepada petani. Mengenai projek-projek pertanian yang dilaksanakan Rancangan Malaysia Kesepuluh kerajaan bercadang untuk mengukuhkan infrastruktur pertanian termasuk

meningkatkan pengairan sistem teater bernilai lebih RM400 juta bagi kawasan MADA termasuk Kuala Kedah supaya purata produktiviti kawasan MADA dapat ditingkatkan daripada 4.8 meter tan per hektar pada tahun 2010 kepada 5.4 meter tan per hektar pada tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu tanah terbiar sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah dan juga Yang Berhormat Ranau, kementerian mempunyai program khusus untuk memulihkan tanah terbiar. Bagi negeri Sabah terdapat seluas 16,477 hektar kawasan tanah terbiar. Kawasan tanah terbiar di Sabah dilaksanakan melalui program pengurusan tanah terbiar ACDA dengan tanaman padi melibatkan kawasan seluas 7225.19 hektar. Baki kawasan itu seluas 9175.58 hektar diusahakan dengan tanaman lain.

Sementara di Sarawak seluas 245 hektar kawasan tanah terbiar dibangunkan melalui program pengurusan tanah terbiar melibatkan 395 orang peserta dengan projek tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran. Sebanyak 143 projek dijalankan di enam kawasan di Sarawak. FAMA juga turut bekerja dengan Jabatan Pertanian dalam program pemulihan tanah terbiar dengan melaksanakan projek kontrak ladang. Projek ini telah dimulakan pada akhir tahun 2009 melibatkan lebih 30 peserta yang menanam halia dan sayur-sayuran tanah tinggi, seperti cili dan kubis. Kepada petani-petani lain, FAMA menyediakan pasar tani bagi memasarkan produk-produk mereka. Setakat ini projek tersebut telah memberikan ruang pasaran kepada 40 peserta dengan nilai jualan sebanyak RM20,000 seminggu. Di samping itu FAMA juga menyediakan dua buah pusat pengumpulan ladang bagi menambah nilai produk halia dan sayur-sayuran tanah tinggi sebelum dipasarkan.

Yang Berhormat Pendang telah meminta MADA mengkaji semula masalah saluran yang cetek dan tersumbat. Beliau juga menyatakan tiada kerjasama MADA dengan MMC, GAMUDA dan PLUS bagi menangani masalah sawah tenggelam. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pihak MADA sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah pengairan. Masalah saluran yang dihadapi adalah ketidakmampuan Sungai Pendang untuk mengalirkan air yang berlebihan akibat dari turunan hujan lebat dalam tempoh yang singkat.

Masalah banjir yang berlaku di daerah Pendang adalah disebabkan penurunan hujan lebat yang luar biasa dalam tempoh dua, tiga hari turut-turut. Sebagai contoh hujan lebat pada 4 hingga 6 Jun 2010 telah mencatatkan 334 mm di Stesen Hujan Titibong dan 212 mm di Stesen Hujan Bukit Perak. Sebagai perbandingan purata

turunan hujan bagi bulan Jun di kawasan Muda adalah 171 mm sahaja. Kesemua aliran ini perlu dicurahkan ke Sungai Pendang di mana Sungai Pendang merupakan satu-satunya saluran utama yang mengalirkan air yang berlebihan ke Sungai Kedah.

Untuk makluman Yang Berhormat pihak MADA sedang melaksanakan kerja-kerja memperdalam dan memperlebar Sungai Pendang dari pekan Pendang ke Titi Haji Idris sepanjang 12.5 kilometer, Sungai Padang Kerbau 5.8 kilometer, Sungai Nawar 5 kilometer dan Sungai Rambai 5 kilometer. Semua kerja ini dijangka akan disiapkan pada hujung tahun ini. Di samping itu satu projek untuk memperdalamkan dan melebarkan Sungai Pendang dari Titi Haji Idris ke Alor Sakan sepanjang 15.5 kilometer sedang dalam proses tawaran kontrak. Dengan siapnya semua kerja ini adalah dijangka masalah saluran akan dapat kita kurangkan.

Dalam isu MADA dengan MMC dan GAMUDA saya ingin jelaskan bahawa pihak MADA sentiasa mengadakan mesyuarat dengan MMC dan juga GAMUDA dan mesyuarat yang terakhir telah diadakan pada 16 Jun 2010 untuk menyelesaikan masalah-masalah semasa yang dihadapi oleh petani.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau ada memohon supaya MADA Perlis dapat membangunkan prasarana yang usang dan sistem pengairan bagi membantu para petani. Prasarana pengairan dan saluran dalam kawasan MUDA telah dibina pada tahun 1970 semasa Rancangan Pengairan Muda. Kepadatan infrastruktur tersebut hanya pada tahap 11 meter hektar dan kepadatan ini adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan pengurusan air yang baik. Sehubungan dengan itu pihak MADA telah mula melaksanakan projek pembangunan sistem terusan atau projek MUDA II untuk meningkatkan kepadatan infrastruktur pada 30 meter per hektar mulai 1978. Sehingga kini seluas 34,989 hektar atau lebih kurang 36% daripada keseluruhan kawasan MUDA telah dibangunkan dengan sistem pengairan Terusan. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh pihak MADA telah mengemukakan permohonan peruntukan sebanyak RM405 juta untuk membangunkan sistem pengairan Tersia sebanyak 20 blok pengairan melibatkan seluas 13,500 hektar sawah padi.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Mohon laluan Yang Berhormat.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar : Ya.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berdasarkan kepada sistem saluran yang sedia ada sekarang di kawasan perairan MUDA yang melibatkan wilayah I dan II dan juga di negeri Kedah.

■ 1630

Saya ingin bertanya penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kerana kadar kapasiti air yang ada hanya sekitar 30Ha sahaja. Jikalau keperluan yang ada sekarang 18Ha bermakna masih ada 12Ha lagi yang diperlukan untuk kita membuat pengairan yang berkesan mengikut jadual bagi kesemua petani di kawasan Parlimen Arau. Apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:
Panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Sedikit sahaja. Oleh sebab itu seperti yang saya nyatakan kepada Yang Berhormat Arau bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini memang MADA ada memohon RM805 juta untuk membetulkan keseluruhan sistem pengairan dan kita akui bahawa sistem pengairan MADA yang sudah lama agak tidak dibaiki.

Jadi, sekarang ini kita sudah memberikan tumpuan supaya masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau kita dapat atasi di masa yang akan datang. Sebagai contoh Yang Berhormat, sekarang ini kita ada tujuh buah stator utama telah pun dibina baru iaitu di Tandup Kawalan Pasang Surut Parit Sanglang di Perlis, Tandup B Parit Sanglang Baru, Alor Tor Parit Tunjang, Tandup A Alor Changleh, Tandup C Alor Changleh, Tandup C Arau, Perlis dan juga Tandup Kawasan Pasang Surut Sungai Bugis di Perlis.

Di samping itu, ada empat buah stator utama. Ini dalam proses tawaran kontrak untuk pembinaan baru iaitu Tandup B Arau, Perlis, Tandup B Alor Cangleh, Tandup A Lana Bulu, dan juga Tandup A Parit Sanglang Lama. Jadi, saya harap apabila perkara ini dapat dilaksanakan maka kita dapat mengatasi masalah sistem pengairan yang kita akui memang perlu kita tingkatkan.

Yang Berhormat Ketereh ada membangkitkan isu yang berkaitan dengan bekalan air di KADA. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bekalan air adalah merupakan isu dan masalah utama yang dihadapi oleh KADA dan petani pada masa sekarang di kawasan pengendalian Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu. Dengan lembaga ini tiga buah rumah utama iaitu rumah pam Kemubu, Kasar dan Lemal. Namun, disebabkan oleh keadaan situasi semasa iaitu kemarau yang berpanjangan khususnya di negeri Kelantan menyebabkan paras air di sungai Kelantan pada masa kini menjadi rendah dan cetek dan berada pada bawah paras kritikal. Ini menyebabkan kedua-dua rumah pam iaitu Kemubu dan Kasar tidak dapat menyedut air daripada

Sungai Kelantan untuk disalurkan ke sistem pengairan dan saliran dan seterusnya ke sawah-sawah padi.

Seterusnya perancangan yang telah dibuat oleh KADA ialah yang pertama KADA telah pun memohon peruntukan sebanyak RM12 juta untuk membina *shield pump* merupakan benteng yang akan dibina di Sungai Kelantan iaitu di kawasan rumah pam Kemubu, rumah Lemal dan rumah pam Kasar untuk tujuan meningkatkan paras air khususnya ke kawasan rumah pam. Ini untuk memudahkan rumah pam menyedut air dan disalurkan ke sistem pengairan dan seterusnya ke sawah padi.

Kedua, KADA juga telah merancang membina *rubber dam* sebagai langkah jangka sederhana bagi menangani krisis bekalan air yang serius. *Rubber dam* ini juga boleh membantu untuk meningkatkan paras air di sungai Kelantan pada musim kemarau berpanjangan. Cadangan ini sudah pun diluluskan oleh kementerian dan saya telah umumkan waktu saya melawat projek ini di Kelantan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tender untuk pelaksanaannya dijangka keluar pada bulan Oktober ataupun November 2010.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri sedikit berkaitan dengan saliran air di rumah pam ini bukan di Kelantan tetapi berkaitan di Kedah di kawasan saya sendiri. Baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri pergi saya ucapkan terima kasih dan saya memaklumkan kepada dia bila saya tahu dia hendak pergi beri pampasan ganti rugi banjir dulu dia beritahu dia hendak melawat.

Cuma, saya hendak minta supaya pihak kementerian ambil serius bahawa wujudnya rumah-rumah pam sementara yang telah berumur 30 tahun. Rumah pam sementara tetapi umur lebih 30 tahun buat untuk sementara tetapi umur sampai 30 tahun zaman tok kaduk dulu ini.

Jadi, saya harap bahawa ini dapat disemak kembali bukan hanya di kawasan saya tetapi saya percaya ini meliputi sebahagian besar kawasan MADA termasuk di negeri Perlis. Rumah pam sementara yang tidak boleh pakai sehingga menyebabkan 300 ekar kalau tidak silap saya Yang Berhormat Timbalan Menteri pergi itu menjejaskan pendapatan petani-petani di situ. Ini kerana saya tengok kadang-kadang MADA ini mereka pegawai MADA tidak pergi *check* tentang *master plan* yang sedia ada sedangkan ia sudah berlarutan sampai umur 30 tahun ia tidak diperbaharui sedangkan ia hanya rumah pam sementara. Sementara tidak sepatutnya lah sampai umur 30 tahun. Terima kasih.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan sedikit isu yang sama. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin penjelasan sejauh mana penelitian oleh pihak kementerian terhadap KADA pemantauan sebab kita lihat walaupun begitu peruntukan yang telah diberi oleh kerajaan kepada KADA tetapi hasil padi daripada kawasan KADA ini amat minima berbanding dengan peruntukan yang diberi. Saya baru mendapat taklimat daripada pihak pertanian negeri sendiri.

Jadi, sejauh mana pemantauan yang dibuat? Apa isunya dan kita melihat di antara masalah yang besar di Kelantan ialah masalah bagaimana kekurangan saliran ataupun kemudahan di kawasan-kawasan yang wujudnya tanah terbiar di mana mereka pun tidak dapat mengerjakan tanah milik mereka kerana kawasan itu selalu digenangi air.

Jadi, bagaimana untuk mereka bukan sahaja persoalan padi tanaman-tanaman lain. Jadi, sejauh mana pihak Kementerian Pertanian sendiri memantau kawasan-kawasan tanah terbiar ini supaya tanah ini boleh ditebus guna, boleh di baik pulih dan dapat dimanfaatkan untuk pertanian. Terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Rantau Panjang. Jadi, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat memang dalam pengetahuan kita. Oleh sebab itu saya nyatakan tadi bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh kita telah pun memohon untuk kita membaiki rumah pam bukan sahaja rumah pam Yang Berhormat tetapi juga kalau boleh kita mohon supaya masalah banjir tidak timbul kerana selalu sangat timbul masalah banjir.

Masalah yang dibangkitkan daripada di KADA seperti yang saya nyatakan tadi masalah sistem pengairan yang hari ini kita sedang baiki. Saya telah nyatakan tadi langkah yang telah diambil untuk kita membuat satu kawasan rumah pam yang boleh memberikan sistem pengairan yang baik.

Mengenai konsep tanah terbiar, kita memang ada satu program iaitu program membangunkan tanah-tanah terbiar termasuk juga di kawasan KADA.

Saya percaya bahawa dalam kita hendak menghadapi masalah pertanian ini saya lihat kita tidak dinafikan masalah-masalah yang di hadapan kita seperti ketidakpastian cuaca, perubahan cuaca yang kadang-kadang patut musim panas jadi musim hujan, kemarau dan sebagainya. Jadi, oleh sebab itu pihak kementerian telah pun sedar perkara ini dan kita sedang pun membuat perancangan untuk kita mengatasi kemungkinan-kemungkinan jika berlaku perubahan-perubahan cuaca yang mendadak. Jikalau dulu kawasan itu okey tetapi sekarang jadi kering. Dulu ia kering sekarang ia

berair. Ini semua menyebabkan keprihatinan yang baru yang akan diberi perhatian oleh pihak kementerian.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiu ada membangkitkan isu pusat aduan 24 jam. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ada menyediakan pusat aduan kepada nelayan yang beroperasi 24 jam dan sepanjang tahun. Pusat Kawalan Operasi Jabatan Perikanan ataupun PUKAOP yang terletak di Putrajaya boleh dihubungi oleh nelayan melalui radio nelayan gelombang Hf frekuensi 58.02, telefon 03-88704058 dan juga faks di mana pusat ini memberikan perkhidmatan untuk mendapat maklumat mengenai kes-kes kecemasan di laut, laporan pencerobohan zon menangkap ikan dan nelayan asing, gangguan pihak berkuasa asing juga laporan cuaca. Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat, ST 15 soalan saya tidak dijawab.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: ST 15 Yang Berhormat saya ingat saya sudah jawab dalam masa jawab lisan.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Maksud saya dari konteks pemindahan beras yang sepatutnya kuota diluluskan di peringkat negeri. Contohnya di Perlis 300 tan sebulan. Ia patut digunakan di Perlis. Akan tetapi di hadapan saya berlaku beras berkenaan lesen milik PPK MADA Simpang Empat telah ditransfer keluar daripada Perlis tanpa dibuat penguatkuasaan oleh kawal selia walaupun saya telah menghubungi kawal selia berkenaan.

■1640

Ini kerana, kalau hendak bagi tahu polis trafik dan lain-lain, UPP mereka tidak ada bidang kuasa untuk melaksanakan pemindahan secara haram yang telah dibuat ini sedangkan beras berkenaan patut dijual di peringkat negeri. Jadi, itu yang saya hendak tanya, dari segi *enforcement* itu, penguatkuasaan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Ini mengenai ketirisan ST15 ini kita tidak boleh nafikan. Seperti yang saya nyatakan bukan sahaja ketirisan seperti Yang Berhormat nyatakan tadi, sistem tukar baju dan sebagainya. Jadi, masalah Yang Berhormat bangkitkan mengenai pemindahan daripada kawasan, ini saya akan ambil maklum Yang Berhormat kerana kita tidak boleh nafikan, bahawa penguat kuasa kita memang ada di bawah tetapi kemungkinan tidak cukup dan tidak mendapat maklumat. Oleh sebab itu saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga orang ramai, sila memberikan maklumat-maklumat seperti ini supaya kita boleh mengambil tindakan segera dan tegas dan seperti mana saya nyatakan, bahawa mana-

mana syarikat yang kita dapati melanggar peraturan-peraturan yang sedia ada, kementerian tidak teragak-agak untuk membatalkan lesen yang telah diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sahaja penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan Rancangan Malaysia Kesepuluh di Dewan yang mulia ini. Saya berharap daripada penjelasan tersebut, ia dapat menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan sentiasa mengambil perhatian ke atas pandangan, cadangan dan juga usul yang bernas, yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri daripada Kementerian Pertahanan.

4.42 ptg.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pertahanan memberikan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan perkara-perkara yang dibahukan ke atas kementerian saya.

Semasa perbahasan Rancangan Malaysia Kesepuluh, terdapat hanya empat orang Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan. Isu pertama yang ingin saya sentuh adalah berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Jempol supaya pesara tentera diberi peluang untuk menyertai Koperasi Tentera. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, keanggotaan Koperasi Tentera adalah dibuat secara sukarela dan terbuka kepada semua anggota angkatan tentera, anggota sukarela, bekas-bekas anggota tentera yang meneruskan keahlian selepas bersara dan kakitangan awam di dalam Kementerian Pertahanan.

Bagi pesara yang belum pernah menjadi ahli atau yang pernah menjadi ahli tetapi telah berhenti menjadi ahli boleh juga memohon tetapi, tertakluk kepada keputusan lembaga yang mempunyai kuasa mutlak untuk menerima dan menolak sesuatu permohonan mengikut landasan yang telah ditetapkan di dalam undang-undang kecil dan tidak bertentangan dengan kepentingan koperasi.

Isu kedua yang saya ingin jawab ialah mengenai saranan Yang Berhormat Pasir Salak agar kerajaan memberi perhatian hal-hal kebajikan dan menyediakan perumahan

yang lebih selesa kepada anggota Angkatan Tentera Malaysia. Kerajaan sentiasa mengambil perhatian yang serius terhadap kebajikan semua anggota angkatan tentera semasa dan selepas perkhidmatan. Kebajikan ini juga tidak terhad kepada anggota sahaja malah termasuk keluarga dan balu-balu. Mengenai aspek perumahan, keselesaan tempat tinggal terus dititikberatkan dan menjadi perhatian yang berterusan oleh Kementerian Pertahanan. Rumah-rumah keluarga yang dahulunya dua bilik telah dinaikkan taraf kepada tiga bilik dan perumahan yang usang serta daif dinaikkan kepada perumahan baru.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini juga, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak 11,784 unit rumah keluarga baru telah dibina termasuk 1,714 unit di bawah peruntukan dengan izin, *private financing initiative* manakala sejumlah 5,423 unit pelbagai kelas dirancang akan dibina dalam dua tahun pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Isu ketiga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak, yang mana beliau ingin penjelasan adakah perpindahan pusat operasi tentera udara (POTU) ekoran rancangan penswastaaan Pangkalan Udara Kuala Lumpur akan menjejaskan dan terputusnya sistem radar pertahanan udara. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini dan Yang Berhormat Gombak, rancangan penswastaaan Pangkalan Udara Kuala Lumpur masih lagi dalam peringkat rancangan dan kajian. Sekiranya rancangan ini menjadi kenyataan, kementerian akan menentukan bahawa perpindahan POTU tidak akan sekali-kali menjejaskan sistem yang telah dibangunkan dan kementerian juga akan memastikan supaya perpindahan hanya akan dilaksanakan selepas segala tugas dengan izin, *proofing* dan *commissioning* dijalankan. Untuk maklumat juga, sistem radar bersepadu yang telah dibangunkan tidak akan terjejas kerana TUDM telah mempunyai sistem yang *redundant* sebagai alternatif terhadap sistem radar bersepadu negara. Pada keseluruhannya, keselamatan ruang udara tidak akan terjejas disebabkan pemantauan berterusan masih dilaksanakan di sektor *operation centre* pada setiap masa. Pada masa kini pihak TUDM telah menubuhkan satu *team* kajian bagi memastikan segala isu yang melibatkan lokasi penempatan, keperluan infrastruktur dan kos diambil kira agar tiada permasalahan timbul selepas pemindahan berlaku. Perkara keempat...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat dalam menjawab persoalan ini, ada kecenderungan kerajaan setiap kali Pakatan Rakyat bangkitkan isu-isu yang dilihat ada unsur-unsur penyelewengan seperti

baru-baru ini saya bangkitkan projek *E-Police Force Solution* yang menelan belanja lebih RM7 bilion. Yang Berhormat Menteri tampil semalam mengatakan ia masih dalam kajian dan juga perancangan.

Hari ini apabila kita bongkarkan satu lagi perancangan kerajaan untuk menggadai markas ketahanan negara iaitu POTU, Yang Berhormat Menteri tampil menyatakan ini masih lagi dalam peringkat perancangan dan kajian sedangkan kita lihat dalam majalah-majalah ekonomi termasuk *The Edge, announcement* telah pun dibuat oleh beberapa syarikat besar tentang penganugerahan kontrak yang besar ini kepada mereka. Akan tetapi persoalan yang saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri pada petang ini selain daripada terputusnya sistem radar sekiranya rancangan ini diteruskan ialah, mengapa projek yang besar seperti ini yang melibatkan sebidang tanah yang cukup strategik dalam bandar raya Kuala Lumpur tidak dibuat secara tender terbuka? Itu yang pertama.

Bagi saya itu satu persoalan prinsip kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berulang kali menyatakan bahawa di bawah pentadbiran beliau, projek-projek penswastaan seperti ini khususnya dalam penjualan aset negara, tanah-tanah yang strategik akan dibuat secara tender terbuka. Mengapa dalam kes Lapangan Terbang Sungai Besi, perkara ini tidak dilakukan? Ini adalah kerana kalau ia dilakukan, pastinya rakyat akan mengetahui apakah pendapatan yang akan diperoleh oleh kerajaan, iaitu *real value for money* yang menjadi prinsip dalam ketelusan urusan seperti ini. Jadi saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, mengapakah *open* tender tidak dilakukan dan apakah syarikat-syarikat, dan ini juga telah saya bangkitkan dalam perbahasan saya, yang telah menunjukkan minat untuk membangunkan Lapangan Terbang Sungai Besi ini.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Saya pun seperti Yang Berhormat Gombak ingin mendapat kepastian pada peringkat dasar kalau tidak yang terperinci tentang kedudukan pangkalan TUDM Sungai Besi ini sebab dalam kajian ringkas saya, saya dapati bahawa Yang Berhormat Menteri sendiri dalam laporan *Berita Harian On-line* yang saya petik di sini, pada bulan April 2010 mengatakan tiada cadangan membangunkan lapangan terbang jadi hub komersial.

■1650

Kemudiannya sudah tentu TUDM, panglimanya sendiri mengatakan TUDM sedia kosongkan Sungai Besi dan yang terkini sudah tentulah Yang Berhormat Menteri sendiri pada 11 Jun 2010 juga – ini saya ambil daripada *Star Online*, mengumumkan Lapangan

Terbang Sungai Besi akan ditutup. Jadi saya menyambut baik apa yang Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi belum ada kepastian lagi tentang kedudukan lapangan terbang ini. Jadi di mana yang belum pastinya? Syarikat mana yang dapat? Berapa fasa akan dibangunkan? Kroni mana ataupun tokoh mana atau keluarga mana akan diperolehi, jika diberikanlah? Atau pun tidak ada langsung? Tidak akan dan akan kekal menjadi pangkalan tentera. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua sahabat saya cukup prihatin terhadap masalah yang ditimbulkan. Yang Berhormat Gombak mempunyai dua persoalan iaitu kenapa tidak dibuat cara tender terbuka dan apakah nama-nama syarikat itu. Yang Berhormat Tumpat yang merupakan kroni kepada Gombak juga bertanya – saya jawab bulan April tiada cadangan dan sekarang ini mahu dibangunkan.

Saya ingin merangkumkan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua jawapan ini. Oleh kerana pada bulan April ketika itu belum ada sebarang kertas cadangan yang dikemukakan sama ada kepada Unit Perancang Ekonomi ataupun Unit Kerjasama Awam-Swasta di Jabatan Perdana Menteri ketika itu, maka tidak ada pengetahuan Kementerian Pertahanan tentang cadangan yang berkenaan. Namun, ianya telah dibawa ke Kabinet Jemaah Menteri – cadangan yang telah dikemukakan oleh 1Malaysia Development Corporation dan juga Lembaga Tabung Angkatan Tentera, maka Kementerian Pertahanan telah dimaklumkan mengenai cadangan itu di samping dua cadangan lain. Dua cadangan daripada syarikat lain yang telah dikemukakan kepada kerajaan, maka Jemaah Menteri...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Boleh tidak namakan dua nama syarikat yang berkenaan?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya tidak ada maklumat secara *off hand*, saya akan berikan apabila saya bertemu kedua-dua Yang Berhormat dan saya akan bagi jawapan secara bertulis. Kedua-dua cadangan itu didapati telah tidak dapat diberikan pertimbangan. Mungkin ada kriteria-kriteria tertentu yang telah ditentukan oleh pihak EPU, maka cadangan daripada 1Malaysia Development dan LTAT telah diterima. Oleh kerana ianya masih di peringkat kelulusan prinsip dan tidak ada dengan izin, *letter of intent* dikeluarkan, maka pihak Kementerian Pertahanan dan EPU sedang mengkaji secara *detail*. Ini kerana prinsip yang kami tekankan ialah kawasan itu tidak boleh dibangunkan selagi semua kemudahan dan peralatan yang sedia ada tidak diganti di suatu tempat yang baru.

Oleh yang demikian, perkara pertahanan negara dan juga aset-aset yang berkaitan dengan soal keselamatan dan pertahanan diberikan keutamaan. Saya yakin apa yang dilakukan oleh pihak EPU tentu mengambil kira harga pampasan mengikut harga pasaran dan Kementerian Pertahanan akan menentukan bahawa semua peralatannya digantikan dan bukan peralatan sedia ada. Malah kita mahu peralatan itu dengan izin, *state of the arts* supaya kecanggihan teknologi mengikut kehendak semasa dapat diberikan kepada Kementerian Pertahanan untuk kegunaan kita.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Menteri, ada sedikit lagi penjelasan. Yang Berhormat Menteri menyatakan tadi ada cadangan yang dikemukakan oleh 1Malaysia Development Corporation dan juga LTAT, maka kerajaan menerima untuk meneliti cadangan tersebut dan dua syarikat lain juga telah mengemukakan cadangan tetapi Yang Berhormat Menteri tidak ingat. Ini masalah yang kita bahaskan semalamlah – menteri, timbalan menteri yang datang dalam Dewan Rakyat sama ada dia mengelak untuk menjawab ataupun dia tidak mahu menjawab, tetapi hari ini ada satu lagi kategori, tidak ingat.

Saya rasa sebagai Menteri Pertahanan, naib presiden yang paling kanan, nama dua syarikat mustahil tidak ingat. Ini bukan perkara baru. Saya telah bangkitkan dalam perbahasan saya. Dalam perbahasan, saya bangkitkan saya hendak tahu siapakah *bidders* ataupun pembida yang menyertai pembangunan ini dan sudah pastilah kementerian telah menyiapkan untuk menteri menjawab. Ini kerana saya tahu sebahagian besar menteri menjawab berdasarkan input daripada pegawai dan sudah tentulah menteri kena *check* mengapa pegawai tidak menyenaraikan nama-nama pembida tersebut dan saya minta kalau boleh diterangkan dalam Parlimen ini.

Yang kedua, apakah pengalaman yang ada dalam 1Malaysia Development Corporation? Apakah mereka ini pemaju hartanah yang mempunyai rekod untuk membangunkan sebuah tanah yang begitu strategik, yang begitu mahal? Apa pengalaman mereka dalam perkara ini?

Yang ketiga, Yang Berhormat Menteri juga nyatakan tadi, prinsip yang diambil oleh kerajaan ialah tidak akan dibangunkan tanah ini sehingga semua kemudahan ini disiapkan di lokasi yang baru. Akan tetapi maklumat yang saya perolehi, untuk menyempurnakan sistem radar di POTU ini sahaja dari segi yang disebut sebentar tadi, untuk *commissioning*nya juga melibatkan masa yang lebih daripada 10 tahun. Itu di POTU. Maknanya tanah ini tidak akan dibangunkan dalam tempoh 10 tahun atau 20

tahun yang akan datang kerana hendak *commission* untuk buat *proofing* itu pun mengambil masa lebih 10 tahun. Jadi apakah penjelasan Yang Berhormat boleh membantu dalam perkara ini?

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, yang hendak dibangunkan ini bukan tanah lapang, bukan tanah kosong, ini sebuah markas pertahanan negara. Saya ingin mendapat penjelasan, berapa banyak siri perbincangan dan *consultation* yang dilakukan oleh kerajaan dengan TUDM? Saya dimaklumkan hampir tidak ada perbincangan. Walaupun ianya melibatkan satu pusat pertahanan yang paling penting dalam negara tetapi TUDM diketepikan, pegawai-pegawai diketepikan. Kalau benar ada perbincangan, saya minta Yang Berhormat Menteri, mungkin tidak petang ini, kalau boleh buat secara bertulis, tarikh-tarikh perbincangan yang dilakukan di antara kerajaan dan juga Kementerian Pertahanan, khususnya TUDM.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Oh! Yang Berhormat Gombak ini hebatlah. Maklumat-maklumat dalaman cukup dia perolehi. Malangnya maklumat itu tidak benar dan menyeleweng dan tersimpang daripada yang diperolehinya. *[Disampuk]* Saya ingin menyatakan – saya baru dapat maklumat. Pegawai saya efisien, bukan macam pegawai-pegawai Ahli Parlimen Gombak. Dua syarikat yang telah mengemukakan selain 1Malaysia Development dengan LTAT ialah Tradewinds Sdn Bhd.

Seorang Ahli: Baru dapat?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Sebab itu saya tidak ingat. Bila saya tidak ingat, saya minta. Harus menghormati kredibiliti pegawai-pegawai yang cukup proaktif. Tradewinds Sdn Bhd.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Siapa itu?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tradewinds Sdn Bhd ialah sebuah syarikat berhad, *listed company*.

Seorang Ahli: Pemilik saham?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Pemilik sahamnya yang terbesar ialah Tan Sri Syed Mokhtar Al-bukhary. Okey?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kalau tidak ada *detail*, tidak payah bagi, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Nanti ada orang bangkit P.M.36(12) pula lagi.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang keduanya ialah Kini Wangsa Sdn Bhd. Pemilik sahamnya saya akan maklumkan secara bertulis, okey? Tidak ada kena mengena dengan orang yang Yang Berhormat sebutkan yang ada dalam perbahasan itu ya. Tidak ada kena mengena ya.

Yang kedua, apa pengalaman 1Malaysia Development? Dari segi pembangunan memang tidak ada pengalaman tetapi 1Malaysia Development adalah sebuah organisasi pelaburan.

■1700

Tentu sebagai sebuah organisasi pelaburan, mahu melaksanakan sesuatu projek itu perlu rakan kongsi yang ada pengalaman dalam pembangunan dan yang ada pengalaman ialah Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Lembaga Tabung Angkatan Tentera mempunyai aset hartanah yang banyak dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera mempunyai *track record* yang banyak dalam pembangunan komersial, bangunan serta hartanah. Saya fikir kita tidak harus mempertikaikan kredibiliti Lembaga Taung Angkatan tentera.

Kalau Yang Berhormat Gombak menuduh bahawa tidak ada perbincangan ertinya maklumat Yang Berhormat dapat itu daripada pegawai bawahan. Pegawai atasan Panglima Angkatan Tentera dan juga Panglima Tentera Udara serta panglima-panglima yang berkaitan dengan pasukan Tentera Udara telah mengadakan perbincangan. Apabila cadangan ini disampaikan kepada Kementerian Pertahanan, perbincangan-perbincangan ini telah diadakan secara detil dan tiga syarat telah dikenakan kalau hendak dimajukan.

Pertama saya telah sebutkan tadi bahawa peralatan dan juga kemudahan-kemudahan yang sedia ada di POTU hendaklah disediakan di tempat lain yang mahu dibangunkan. Kedua, sebarang pembangunan yang baru hendaklah mengambil kira keperluan-keperluan strategik mengikut kehendak semasa dan ketiga semua peralatan yang mahu digantikan mesti mengikut seperti yang saya sebutkan tadi *state the art*.

Jadi tiga syarat itu telah dikemukakan dan tentunya apabila cadangan lengkap untuk membangunkan kawasan ini maka pendetilan ataupun perincian akan dikemukakan oleh pihak pemaju kepada Kementerian Pertahanan dan saya sendiri akan memantau agar tidak berlaku sebarang penyelewengan kerana saya bersama dengan Yang Berhormat mempunyai prinsip yang sama. Harta negara harus diberikan dengan izin *protections*, harus dijaga dengan baik dan kalau mahu digantikan pun ianya mesti

mempunyai nilai yang sama sekurang-kurangnya atau lebih daripada nilai yang sedia ada sekarang...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila Yang Berhormat Batu dahulu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Saya agak Yang Berhormat Menteri belum lagi *address* isu yang sangat *fundamental* kerana sebelum ini kita di sini semua pun dimaklumkan bahawa tidak ada rancangan untuk membangunkan kawasan itu, kalau hendak berlaku adil. Kalau hanya tiga *proposal* yang hanya dihantar. Maksudnya hanya tiga sama ada yang tahu ada rancangan untuk dibangunkan semula kalau tidak syarikat saya pun ingin letakkan *proposal* tetapi, kita dijamin dan diberitahu kerajaan tidak berniat untuk membangunkan semula, untuk melakukan sebarang aktiviti pembangunan komersial dan selepas itu pula dapat *proposal* secara sulit atau tidak terbuka kepada semua syarikat yang berminat, saya agak kita telah menyeleweng dari isu yang sangat *fundamental* iaitu keterbukaan dan konsep *open tender*.

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Kalau dapat, isu yang sama.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Sebentar. Saya jawab satu-satu dahulu, Yang Berhormat Tumpat. Sabar sedikit sebab orang Kelantan biasanya sabar.

Yang Berhormat Batu, keputusan tidak dibuat hanya dengan menerima pandangan satu dua pegawai. Ianya dikemukakan kepada Jawatankuasa Pembangunan Kementerian Pertahanan dan wakil-wakil daripada EPU, UKAS, daripada Jabatan Penilaian daripada Kementerian Kewangan turut hadir dan pendapat-pendapat mereka ini diambil kira dan tentulah prinsip-prinsip yang ditentukan oleh kerajaan di dalam membangunkan sesuatu aset yang dipunyai oleh mana-mana agensi kerajaan diambil kira sebagai garis panduan utama.

Dalam hal yang demikian, kalau syarikat Yang Berhormat Batu mahu masuk, kita sedia menerima dan buatlah *presentation* kepada Jawatankuasa Pembangunan, dan Jawatankuasa Pembangunan ini saya sedia hadir untuk mendengar pendapat Yang Berhormat tetapi saya tidak fikir kalau Yang Berhormat mahu masuk, sebab lebih baik gigit telinga daripada masuk *proposal* ini...

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila Yang Berhormat Tumpat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih kerana Yang Berhormat dapat memberikan penjelasan yang baik dan tenang untuk mengendalikan suatu kes yang amat besar dan tinggi nilainya. Sebagaimana saya sebut tadi Yang Berhormat dilaporkan pada 9 April menafikan bahawa ada apa-apa cadangan untuk membangunkan lapangan terbang menjadi hab komersial. Namun selepas beberapa hari laporan ini, saya baca pula pada 13 April *Malay Mail* melaporkan dalam bahasa Inggeris dengan izin, "*City Hall has confirmed receiving a proposal for the redevelopment of the Sungai Besi Airport by the Defense Ministry a few months ago but details are still sketchy.*"

Maknanya, memang Kementerian Pertahanan beberapa bulan sebelum April seperti mana Yang Berhormat menafikan ada cadangan itu satu cadangan *proposal* daripada Kementerian Pertahanan untuk pembangunan TUDM Sungai Besi itu. Jadi, itu soalan pertama.

Berkaitan dengan itu pula, dalam laporan 11 Jun berkaitan dengan TUDM pembangunannya daripada kata-kata Yang Berhormat Menteri sendiri dilaporkan oleh *Star Online* dalam edisi Inggerisnya bahawa katanya, merujuk kepada Yang Berhormat, "*Satu perjanjian telah ditandatangani dua minggu lepas membabitkan kementerian, pemaju iaitu LTAT dan pelabur dari Timur Tengah.*" Jadi maknanya ada maklumat yang terperinci, ada keputusan yang terperinci ataupun perjanjiannya sekadar berapa saham satu pihak yang dapat dan tidak lebih dari itu kalau boleh dijelaskan lagi oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Berdasarkan laporan media yang dipetik oleh Yang Berhormat Tumpat pada 9 April memang saya melakukan penafian kerana ketika itu tidak ada cadangan. Ketika itu benar-benar tidak ada cadangan. Namun 13 April laporan yang disebut oleh *Malay Mail* bukan kenyataan daripada saya dan bukan kenyataan rasmi daripada kementerian. Tidak ada.

Manakala pada 11 Jun yang dinyatakan bahawa TUDM telah menandatangani dan sebagainya setakat ini tidak ada penandatanganan, apatah lagi surat dengan izin LOI yang telah diberikan kepada mana-mana syarikat. Jemaah Menteri cuma membuat keputusan supaya kajian terperinci dilakukan terhadap cadangan itu dan saya fikir dalam perkara ini kita harus mengambil kira bahawa Kementerian Pertahanan merupakan *custodian*, dengan izin.

Tanah itu adalah kepunyaan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (KPTG). Sebagaimana yang kita ketahui mana-mana tanah yang

didaftarkan atas nama kementerian atau agensi kerajaan, pemilik sebenarnya ialah KPTG. Dalam hal ini apabila sesuatu cadangan penswastaan atau pun cadangan lain, dengan izin *bill, list management and transfer* (BLMT) dan lain-lain, ianya dikemukakan oleh Kabinet bukan oleh Kementerian Pertahanan tetapi oleh pihak EPU iaitu *Economic Planning Unit*, Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kenal lama dengan Yang Berhormat Menteri. Saya pun bersimpati dengan beliau. Sukar untuk beliau menyatakan yang sebenar-benarnya apa yang berlaku kerana saya fahamlah terikat dengan beberapa syarat yang telah ditetapkan.

Namun yang hendak saya kemukakan pada petang ini ialah mengapa sukar bagi kerajaan ataupun kementerian mengumumkan projek penswastaan ini dibuat secara tender terbuka. Bukan soal syarikat daripada Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Tumpat ataupun daripada Yang Berhormat Gombak tetapi kalau kerajaan mengambil sikap yang lebih telus dan lebih bertanggungjawab, maka dibuat tender terbuka.

Ini Yang Berhormat belum jawab secara serius pada petang ini. Mengapa kerajaan enggan untuk mengadakan tender terbuka dalam projek penswastaan Lapangan Terbang Sungai Besi?

■1710

Saya percaya kalau tender terbuka dibuat, tiga syarat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Antara lainnya memastikan kemudahan di lokasi baru disiapkan terlebih dahulu. Di tempat yang baru ciri-cirinya juga memenuhi ciri-ciri *state of the art*. Saya percaya kalau dibuat secara tender terbuka, kerajaan akan mendapat satu syarikat yang terbaik untuk memenuhi ciri-ciri ini.

Mengapa benda ini tidak dilakukan dan hanya dibuat secara sulit dan perbincangan tertutup dan tidak diberikan peluang. Mungkin ada syarikat-syarikat antarabangsa dan tempatan yang boleh *join venture* untuk membangunkan tanah tersebut. Dari segi prinsip *value for money*, kerajaan akan mendapat keuntungan yang lebih besar, yang selari dengan cita rasa Yang Berhormat Menteri supaya aset-aset negara ini diberikan *protection* dan perlindungan. Akan tetapi, dalam konteks ini saya percaya ianya akan menimbulkan banyak persoalan dan tuduhan yang akan dilemparkan terhadap kerajaan.

Keduanya, akhirnya Yang Berhormat Menteri. Apakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa individu-individu yang saya namakan sebelum ini tidak akan dianugerahkan projek penswastaan ini iaitu:-

- (i) Tun Daim Zainuddin;
- (ii) Datuk Desmond; dan
- (iii) Datin Cindy.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat Gombak, saya menghormati maklumat-maklumat yang diperolehi beliau tetapi semua maklumat itu jauh daripada apa yang kami terima secara rasmi. Saya tidak pernah kenal dan tidak pernah dengar nama Datin Cindy tetapi mungkin Yang Berhormat lebih kenal beliau secara peribadi.

Datuk Desmond juga saya tidak tahu sebab kalau 1Malaysia Development, setahu saya antara beberapa orang lembaga pengarahnya ialah, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera sendiri dan juga Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji antaranya. Tidak ada nama-nama ini timbul dalam 1Malaysia Development.

Untuk LTAT, Yang Berhormat tentu tahu siapakah ahli lembaga pengarah. Untuk Tun Daim saya ingin menafikan bahawa beliau tidak termasuk di dalam sama ada 1Malaysia Development ataupun LTAT. Saya tidak dapat memastikan sama ada orang-orang ini tidak dapat diberikan mana-mana projek penswastaan tetapi saya yakin apa yang akan dibuat oleh pihak Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Perancangan Ekonomi tentunya mengambil kira hanya dua sahaja perbadanan yang akan dianugerahkan projek penswastaan ini.

Soalan pertama mengapa kerajaan enggan mengadakan tender secara terbuka, ini bukan soal enggan. Kalau Tuan Yang di-Pertua tahu bahawa beberapa aset yang dipunyai oleh negeri-negeri pembangkang pun kita boleh tanya kenapa tidak dibuat secara tender terbuka. Kalau ini kita boleh persoalkan, maka tentu ianya menepuk air di dulang. Saya harap dalam perkara ini, asalkan prinsip-prinsip utama Dasar Penswastaan ini diikuti dan kepentingan kerajaan dijaga serta nilai hartanah yang dibangunkan itu tidak kurang daripada nilai yang dibuat mengikut harga pasaran dan nilai yang ditentukan oleh pihak kerajaan, saya fikir itu adalah cara yang telus.

Dalam hal ini pihak Kementerian Pertahanan tentunya mahu bekerjasama dengan Jabatan Penilaian, Pihak Dewan Bandar raya dengan beberapa pihak tertentu untuk menjaga kepentingan rakyat melalui pegangan oleh kerajaan ini bagi pembangunan kawasan itu.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Menteri, bagaimana mungkin kerajaan tahu kerajaan mendapat nilai yang terbaik kalau tidak dibuat secara

terbuka? Jangan menyimpang daripada persoalan yang saya bangkitkan dengan melemparkan tuduhan terhadap kerajaan-kerajaan negeri Pakatan Rakyat.

Kalau Yang Berhormat Menteri ada bukti tertentu, kemukakan, saya tidak ada masalah. Kita di negeri Selangor dan negeri Pulau Pinang kita amalkan tender terbuka. Tidak ada masalah tetapi dalam konteks ini secara khusus saya tanya mengapa tidak dibuat tender terbuka? Kalau persoalannya kita yakin dapat nilai yang terbaik, pengalaman kita selama hari ini semua projek penswastaaan yang diterajui oleh Tun Dr. Mahathir memang lingkup kesemuanya.

Akhirnya ia menjadi *bail out* program. Rakyat terpaksa tanggung semula. Maka, atas pengalaman yang lepas inilah kita lebih tegas dan Perdana Menteri yang baru meyakinkan rakyat bahawa hari ini pentadbirannya akan memastikan ketelusan, keterbukaan, tender terbuka. Akan tetapi apabila kena Lapangan Terbang Sungai Besi, Yang Berhormat Menteri sendiri cuba mengelak daripada menjawab persoalan mengapa tender terbuka tidak mahu dilaksanakan. Apa masalahnya?

Saya yakin kalau dibuat secara terbuka, lebih ramai pembida akan masuk dan memberikan pulangan yang terbaik kepada kerajaan dan akhirnya akan menguntungkan rakyat keseluruhannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, kita sudah setengah jam *on this topic*. Ini, soalan kepuasan Yang Berhormat. Jadi, tidak ada jawapan sebenarnya. Jadi, saya mohonlah...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sedikit, sedikit.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya amat bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua tetapi sebelum saya menjawab, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Gombak. Kalau benar Kerajaan Pakatan Rakyat yang kita panggil pakatan pembangkang, telus, tender terbuka.

Saya hendak tanya, Kerajaan Selangor yang menganugerahkan hasil Selangor pada sebuah syarikat dibuat secara tender terbuka atau tidak? Tidak dibuat secara tender terbuka.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Berilah secara spesifik. Jangan tuduh begitu.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Ya, ya.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jangan dengar Yang Berhormat Tanjong Karang. [*Dewan riuh*] Yang Berhormat Tanjong Karang dia tidak ada maklumat.

Saya nampak Yang Berhormat Menteri dapat bisikan daripada Yang Berhormat Tanjong Karang.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Ahli Parlimen Kapar ada di sini.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya hendak bukti, bukti secara... Saya beri terperinci, saya beri terperinci.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Ahli Parlimen Kapar adalah Ahli Parlimen daripada pakatan. Tanya *details* kepada dia. Ini...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Itu bukan kes penswastaan. Kita buat tender terbuka, tender terbuka.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Kalau kena air dekat muka...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ini masalahnya.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Ini, jadi...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Kita buat secara tender terbuka. Saya hendak jelaskan. Saya minta Yang Berhormat Tanjong Karang bangun, jangan duduk begitu. Bangun, beritahu bahawa tidak dibuat secara tender terbuka.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Seri Noh bin Haji Omar]: Yang Berhormat, bertegang sahaja tidak gunalah. Itu, tanya Ahli Parlimen Kapar, cukuplah.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Hendak tanya, hendak tanya.

Dato' Seri Noh bin Haji Omar: Tanyalah dia, kalau dia kata pasir Selangor betul. Tak kan dia berani membuat satu kenyataan...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] ...Atau tidak, itu isu pengurusan. Sekurang-kurangnya...

Dato' Seri Noh bin Haji Omar: Okey, saya...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Nanti, nanti dengar dahulu, dengar dahulu! Sekurang-kurangnya ada aduan, kita ambil sikap terbuka. Kita buat aduan, kita buat Selcat secara terbuka.

Dato' Seri Noh bin Haji Omar: Okey. Yang Berhormat, saya hendak buat Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Bila ada tuduhan begitu tetapi prinsip kita tender terbuka diamalkan.

Dato' Seri Noh bin Haji Omar: Okey, saya hendak cabar Yang Berhormat. Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak payah cabar, beritahu.

- Dato' Seri Noh bin Haji Omar:** Saya hendak cabar Yang Berhormat...
- Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Beritahu, beritahu.
- Dato' Seri Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, cabar buat kenyataan dalam Dewan ini bahawa pasir di Selangor dibuat secara tender terbuka. Betul ataupun tidak?
- Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya, kita buat...
- Dato' Seri Noh bin Haji Omar:** ...ini betul ataupun tidak?
- Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dengarlah.
- Dato' Seri Noh bin Haji Omar:** Saya tanya Yang Berhormat.
- Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Jawab Yang Berhormat Gombak, jawab, jawab. Jangan berdolak-dalik. Jawablah Yang Berhormat Gombak. *[Dewan riuh]*
- Dato' Seri Noh bin Haji Omar:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Yang Berhormat ADUN.
- Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Proses pasir dalam...
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat. Sudahlah Yang Berhormat. Yang Berhormat Gombak, sudahlah. *[Dewan riuh]*
- Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tender terbuka, tender terbuka.
- Dato' Seri Noh bin Haji Omar:** Betul?
- Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*
- Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sudah tender terbuka itu, betullah. *[Dewan riuh]* Takkan tidak faham lagi! Apa orang jawa tidak faham ini?
- Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Tender terbuka... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*
- Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tender terbuka.
- Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Fail pasir pun boleh hilang, nampak? Telus apa? Fail pasir pun boleh hilang.
- Dato' Seri Noh bin Haji Omar:** Okey Yang Berhormat, saya ambil kenyataan Yang Berhormat daripada Gombak yang mengatakan pasir di Selangor telah dibuat secara tender terbuka. Betul?
- Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kita buat semua tender.
- Dato' Seri Noh bin Haji Omar:** Saya tanya betul atau tidak betul? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Kita buat semua tender, semua tender.

Dato' Seri Noh bin Haji Omar: Pasir. *[Dewan riuh]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Pasirlah. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudahlah Yang Berhormat. Sudah, sudah. Sudahlah Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri... *[Dewan riuh]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Dia tidak tahu hendak jawab, alasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Berpindah ... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Pindah kepada topik lainlah Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau kita bahas macam ini Yang Berhormat, ini bahas macam pasar dah ini. Yang Berhormat semua duduklah. Semua duduklah Yang Berhormat. Minta tolonglah duduk semua. Menteri sahaja. Sila Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, ini strategi Yang Berhormat Tanjong Karang untuk selamatkan Menteri dia, supaya dia tidak dapat jawab soalan saya. Itu sahaja.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Perkara keempat ialah saranan Yang Berhormat Johor Bharu ...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Dia tidak jawab ...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Supaya bakal pesara tentera bakal diberi latihan secukupnya agar boleh dijadikan tenaga kerja terlatih dan kepakaran tertinggi. Semua anggota tentera diwajibkan...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh berbalik pada isu Sungai Besi?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Diwajibkan menjalani latihan peralihan...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, pasal ini isu lain.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Sebelum menamatkan perkhidmatan, agar mereka memperoleh satu kemahiran...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini Menteri Pertahanan takut ya? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tadi dari sudut lain. Ini dari sudut lain pula hendak tanya.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Supaya dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan baru selepas tamat perkhidmatan angkatan tentera.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi askar takut apa?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Jangan pindah tajuk lagi.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tadi dari sudut lain, itu isu lain, ini isu lain hendak tanya.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan rasmi saya. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ini prebet ini... Ini bukan Menteri. Prebet pun berani! Apalah... Lari! *[Ketawa]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak mungkin habis macam itu sahaja? Kita baru sahaja hendak tanya... Alahai!

■1720

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya bagi kepuasan untuk macam *insulting match*, bagi kepuasan sedikit. Saya pun hendak dengar orang cakap macam ini, akan tetapi Yang Berhormat sebagai prinsipnya kita bukan macam perbahasan Parlimen. Parlimen sebenarnya seorang menjelaskan, seorang buat soalan. Kalau betul tidak betul itu soalan lain, puas atau tidak puas soalan lain. *[Disampuk]*

Yang Berhormat dengar cakap saya, di perbahasan Kongres pun saya sudah dengar Yang Berhormat. Tidak pun ada dengar cerita seorang berdiri macam *interrogative - police interrogation*. Jadi saya minta maaf, sekarang kita kesuntukan masa. Kita ada 15 menteri lagi hendak menjawab.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Banyak soalan ia tidak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya jemput Menteri Kerja Raya.

5.21 ptg.

Menteri Kerja Raya [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada 24 Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Tawau, Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Lubok Antu, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Pasir Puteh dan Yang Berhormat Batu Sapi yang sudi berkongsi pandangan dan cadangan menyentuh bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh di Dewan Rakyat baru-baru ini. Pelbagai isu-isu penting dan cadangan bernas telah diutarakan dalam sesi perbahasan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya memulakan jawapan ini dengan melaporkan prestasi Kementerian Kerja Raya secara umum dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Jumlah syiling peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah diluluskan untuk Kementerian Kerja Raya adalah RM23.2 bilion bagi melaksanakan 593 buah projek. Sehingga kini Kementerian Kerja Raya telah berjaya menyiapkan 284 projek, 289 projek dalam peringkat pembinaan dan 20 projek lagi dalam pelbagai peringkat pra-pembinaan.

Daripada 289 projek dalam peringkat pembinaan, 78 projek dijadualkan akan siap dalam tahun ini juga. Bakinya iaitu 211 projek akan dibawa ke Rancangan Malaysia Kesepuluh sebagai projek sambungan. Sehingga kini sejumlah RM19.4 bilion ataupun 81.5% telah dibelanjakan. Ini bermakna sebahagian besar daripada peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan yang diluluskan kepada Kementerian Kerja Raya iaitu RM23.2 bilion akan dapat dibelanjakan seperti mana yang dirancang. Manakala RM4.2 bilion iaitu syiling bagi 211 projek akan diteruskan pelaksanaannya ke Rancangan Malaysia Kesepuluh sebagai projek sambungan.

Sebelum saya menyentuh kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya menjelaskan beberapa perkara berhubung dengan pelaksanaan pembangunan rangkaian jalan utama di negara kita. Untuk makluman Ahli-

ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya amat menekankan perancangan pembangunan rangkaian jalan raya yang mampan di Malaysia. Usaha ini turut diperluas dengan meningkatkan *accessibility* ke kawasan pedalaman terutamanya di wilayah yang berpotensi sebagai pembangunan, ekonomi, pelancongan, pertanian, industri dan pusat pertumbuhan luar bandar.

Di samping itu, pemeraksanaan tahap keselamatan dan keselesaan rangkaian jalan raya sedia ada akan diteruskan dan diperluas. Usaha ini merupakan salah satu strategi bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi, sekali gus meningkatkan kualiti hidup rakyat selaras dengan hasrat kerajaan ke arah mencapai pencapaian *National Key Result Area (NKRA)* dan Wawasan 2020 yang lebih gemilang. Kementerian ini telah menjalankan kajian semula, pelan pembangunan, rangkaian jalan raya, HNDP secara berfasa iaitu HNDP fasa satu bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia manakala HNDP fasa dua bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

HNDP telah menyediakan senarai projek jalan raya mengikut keutamaan untuk dilaksanakan oleh kerajaan dengan menggunakan peruntukan pembangunan persekutuan. Selain itu, HNDP turut mengenal pasti projek jalan raya mengikut keutamaan untuk dilaksanakan secara skim penswastaan atau secara inisiatif kewangan swasta (PFI) yang bertujuan bagi menjimatkan perbelanjaan kerajaan. Bagi menentukan keutamaan pembangunan jalan raya, sebanyak tujuh hala tuju telah digariskan oleh HNDP iaitu:

- (i) memperkukuhkan rangkaian jalan raya yang menghubungkan antara utara-selatan Semenanjung Malaysia;
- (ii) mempertingkatkan perhubungan dan pergerakan antara pantai timur-pantai barat Semenanjung Malaysia;
- (iii) mempertingkatkan *accessibility* intra-wilayah dan inter-wilayah pembangunan koridor antara timur dan selatan;
- (iv) memperbaiki dan meningkatkan rangkaian jalan raya tengah yang dikenali sebagai *central spine*;
- (v) memperluaskan dan mempertingkatkan rangkaian Pan-Borneo;
- (vi) menyediakan akses ke kawasan pembangunan Koridor Pembangunan Sabah (SDC); dan
- (vii) menyediakan akses ke kawasan pembangunan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SKOR).

Di dalam menyediakan perancangan projek Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kementerian Kerja Raya menggunakan HNDP sebagai rujukan asas di samping faktor-faktor keperluan negara pada masa kini turut diberi perhatian khusus. Antaranya ialah projek yang telah dipersetujui oleh kerajaan, projek yang menjadi keutamaan negeri dan projek yang sudah siap reka bentuk serta pengambilalihan balik tanah. Langkah yang diambil ini...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sebentar. Langkah yang diambil ini adalah selari dengan garis panduan dalam penyediaan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang bermatlamatkan supaya projek yang akan dilaksanakan memberi pulangan optimum dan seterusnya mencapai *outcome* yang disasarkan.

Kementerian Kerja Raya juga amat prihatin terhadap saranan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai keperluan untuk menaik taraf dan membina jalan-jalan baru bagi menyediakan kemudahan infrastruktur yang lebih baik. Di antara projek-projek baru yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang diberi pertimbangan adalah seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Pasir Mas mencadangkan menaik taraf Jambatan Pasir Mas, salur dan pembinaan jambatan baru di Chetok;
- (ii) Yang Berhormat Jempol mencadangkan pembinaan lebuh raya di kawasan Jempol, cadangan naik taraf jalan FELDA Pasir Besar di Keratong *highway* dan cadangan naik taraf di antara Serting ke Muadzam;
- (iii) Yang Berhormat Putatan mencadangkan jalan Putatan ke Beaufort, Pan-Borneo dua *lane connectivity* antara *main terminal* dan terminal kedua;
- (iv) Yang Berhormat Ledang mencadangkan pembinaan Jalan Kundang yang menghubungkan Teluk Rimba ke Tangkak;
- (v) Yang Berhormat Limbang memastikan projek-projek jalan raya di Limbang yang telah dirancang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh;
- (vi) Yang Berhormat Tawau mencadangkan jalan-jalan baru untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas di Tawau;

- (vii) Yang Berhormat Paya Besar mencadangkan Jalan Sungai Lembing-Jerantut ditinggikan untuk mengatasi masalah banjir yang sering berlaku dan penggantian jambatan-jambatan lama seperti Jambatan Sungai Lembing, Jambatan Kampung Kawah dan Jambatan Sungai Seberang;
- (viii) Yang Berhormat Sekijang pula mencadangkan jalan pintas di bahagian Tenggara daerah Segamat ke Kuantan dan Gemas ke Segamat dan seterusnya ke bahagian selatan daerah Segamat dengan menghubungkan kampung-kampung di sepanjangnya; dan
- (ix) Yang Berhormat Pasir Puteh mencadangkan projek Jalan Gua Musang-Kota Bharu untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan-cadangan yang diutarakan sememangnya diberikan perhatian oleh Kementerian Kerja Raya. Kementerian ini telah mengadakan beberapa...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan sebelum tamat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sebentar, sebentar.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sudah mahu jam 5.30 petang. Kalau boleh beri...

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sebentarlaha, biar saya habis topik ini.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Isu penting - isu mahkamah bocor.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Semua penting, semua penting. Kementerian ini telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak-pihak terlibat seperti agensi pusat dan kerajaan negeri. Pelaksanaan projek adalah berdasarkan projek-projek yang dirancang di bawah HNDR dan senarai akhir yang masih belum dimuktamadkan. Kementerian Kerja Raya dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri masih sedang berbincang dan memperhalus projek-projek Rancangan Malaysia Kesepuluh di mana kelulusan projek tertakluk kepada tahap keutamaan dan peruntukan kerajaan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan projek Rancangan Malaysia Kesepuluh pastikan ada pulangan optimum dan *outcome* yang disasarkan. Baru-baru ini di dalam media melaporkan mahkamah di Jalan Duta bocor lagi. *[Disampuk]* Banjir di mahkamah.

Jadi mengapa kejadian ini berulang kali? Projek ini saya sedia maklum bukan kali pertama kejadian berlaku di bangunan mahkamah. Jadi bagaimana boleh memastikan projek-projek Yang Berhormat katakan tadi di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, di bawah kementerian Yang Berhormat tidak berulang lagi insiden kebocoran ini?

Jadi boleh Yang Berhormat bagi sedikit maklumat mengapa berulang lagi kebocoran di mahkamah Jalan Duta ini? Siapa yang kena bertanggungjawab dalam insiden ini?

■1730

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat masa kita sudah..

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan sampai ke jawapan itu pada penghujung jawapan saya nanti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Menteri bacakan.

USUL

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah binti Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Kuasa Menteri Membuat Peraturan Dalam Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78)

5.30 ptg.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Kuasa Menteri membuat peraturan-peraturan dalam Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78). Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang kuasa yang diperuntukkan kepada menteri membuat peraturan-peraturan dalam Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78).

Saya juga ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan bertulis untuk menjelaskan kekeliruan yang timbul akibat tercatat tulisan Cina oleh ibu bapa atas sijil kelahiran anak mereka. Seksyen 7(3) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) telah memperuntukkan bahawa pendaftar boleh, selepas mencatatkan dalam butir-butir yang ditetapkan mengenai kanak-kanak tersebut, membenarkan pemberitahu yang layak untuk memasukkan dengan cara yang boleh ditetapkan nama kanak-kanak itu dan nama bapanya dan ibu kanak-kanak tersebut dalam tulisan Cina. Walau bagaimanapun, nama kanak-kanak di dalam Sijil Kelahiran didaftarkan dengan tulisan Rumi (Roman) tanpa mengira keturunan dan bangsa kanak-kanak bagi tujuan penyeragaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat huraian ringkas kenapa ibu bapa kaum Cina mencatatkan nama Cina atas Sijil Kelahiran anak-anak mereka. Nama ibunda ataupun "*surname*" kaum Cina adalah sebutan loghat ataupun keturunan, yang menggambarkan asal usul nenek moyang, bukanlah sebutan Mandarin yang jitu. Kaum Cina mempunyai beratus keturunan seperti Hokkien, Hainan, Teochew, Kantonese dan sebagainya mempunyai loghat dan sebutan yang berbeza, mungkin sebutan dalam tulisan Rumi adalah sama. Contohnya, Ong Tee Kiat and Ong Kang Ting, sebutan Ong adalah sama dalam bahasa Rumi tetapi maksud Mandarin adalah lain kerana perbezaan keturunan, iaitu Hainan dan Hokkien.

Bahasa Mandarin adalah dalam bentuk "heuroglifa" ataupun dikenali sebagai tulisan lambang. Masyarakat Cina adalah berpegang teguh kepada asal-usul nenek moyang mereka dengan sebutan loghat yang dapat membuat perbezaan keturunan. Mengikut taksiran Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78), peraturan-peraturan 6(1) bahawa menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud akta ini. Fasal C pula

menyatakan bahawa maklumat dan dokumen yang diberikan bagi maksud pendaftaran dan fasal E pula menyatakan pengeluaran dan bentuk kad pengenalan dan butir-butir yang hendaklah dicatatkan dalamnya.

Ini bermakna menteri berkuasa dalam membuat peraturan baru dalam sijil pendaftaran mengikut akta. Saya minta Yang Berhormat Menteri mempertimbangkan untuk mewujudkan satu ruang tambahan untuk nama Cina dalam Sijil Kelahiran supaya ia nampak lebih seragam untuk kemudahan pengenalanpastian asal keturunan mereka. Begitu juga ruang tambahan ini boleh digunakan oleh kaum India, Kadazan, Iban dan sebagainya dan pelbagai bahasa ibunda yang mempunyai loghat yang lain dengan tujuan yang sama. Ini secara langsung memberi kemudahan kepada masyarakat majmuk yang berbilang kaum dan keturunan mengenang kembali asal usul mereka yang dapat melambangkan suatu keunikan kemasyarakatan yang mana semua kaum yang berlatarbelakangkan pelbagai keturunan boleh hidup aman dan harmoni di bawah satu bumbung. Terima kasih.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Bakri berkenaan isu dan permasalahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara adalah agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab mengurus data kependudukan bagi tujuan keselamatan dan perancangan pembangunan negara. Dalam konteks ini Jabatan Pendaftaran Negara memainkan peranan utama untuk mendaftar, menyelenggara, menyimpan dan mengeluarkan rekod pengenalan diri yang sah bagi semua rakyat Malaysia.

Sejak Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) dikuatkuasakan pada 1 Ogos 1958, Sijil Kelahiran telah dikeluarkan secara manual dan menggunakan tulisan tangan. Oleh yang demikian, jabatan pada masa ini tidak mempunyai masalah untuk memasukkan butiran nama mengikut tulisan bahasa selain daripada tulisan Rumi seperti tulisan Cina, Tamil dan Jawi. Walau bagaimanapun merujuk kepada akta ini juga, sebelum mendaftarkan sesuatu kelahiran, pendaftar kelahiran perlulah berpuas hati dan memahami butiran yang hendak didaftarkan. Oleh yang demikian tulisan Rumi telah diguna pakai pada semua dokumen rasmi jabatan termasuk Sijil Kelahiran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seksyen 7(3) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 ada memperuntukkan bahawa dalam hal kanak-kanak keturunan

Cina, pendaftar boleh selepas mencatatkan dalam daftar butir-butir yang ditetapkan mengenai kanak-kanak membenarkan pemberitahu yang layak untuk memasukkan dengan cara yang boleh ditetapkan, nama kanak-kanak itu dan nama bapanya dan ibu kanak-kanak tersebut dalam tulisan Cina. Walau bagaimanapun seksyen tersebut tidak mewajibkan perkara ini dilaksanakan seperti yang dijelaskan dalam versi bahasa Inggeris Akta 299 iaitu, *“In the case of a child of the Chinese race the Registrar may, after entering in the register the prescribed particulars of such child, permit a qualified informant”*.

Jabatan juga tidak bercadang untuk melaksanakan semula peruntukan ini kerana di dalam Sijil Kelahiran telah tercatat ruangan keturunan sebagai salah satu maklumat yang tercatat di dalam Sijil Kelahiran dan boleh memberikan pengertian mengikut sebutan atau loghat sesuatu keturunan. Contoh, nama *surname* kanak-kanak adalah mengikut pilihan pemohon seperti Lee – L.E.E. atau Lee – L.Y.E yang sebutannya adalah sama tetapi berbeza mengikut keturunan selain ianya turut mengambil kira apa yang dipersetujui oleh keluarga pemohon.

Selaras dengan pelaksanaan sistem pengkomputeran JPN di seluruh negara pada tahun 1998, Sijil Kelahiran yang dikeluarkan oleh jabatan telah diseragamkan tulisannya kepada tulisan Rumi dan bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantara. Penambahbaikan yang telah dilaksanakan kepada sistem sedia ada, jabatan telah membolehkan Sijil Kelahiran dikeluarkan secara digital menggunakan tulisan Rumi selaras dengan peruntukan di dalam Perlembagaan Malaysia perkara 152(1). Perlembagaan Malaysia perkara 152(1) menyatakan bahasa kebangsaan adalah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen.

Perkara 152(6) pula menyatakan maksud “rasmi” ertinya apa-apa jua maksud kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam. Asas penggunaan bahasa Melayu diperkukuhkan dengan wujudnya seksyen 2, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 (Akta 32), bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi. Sehubungan dengan itu pendekatan yang telah diambil oleh jabatan selama ini merupakan satu pendekatan untuk menjaga sensitiviti kepelbagaian kaum dan masyarakat majmuk yang ada di Malaysia. Dalam masa yang sama jabatan juga sedang mengkaji untuk melaksanakan pindaan undang-undang selaras dengan perkembangan serta keperluan semasa.

Di samping itu, pelaksanaan peruntukan ini juga boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati kaum-kaum di Malaysia dengan memberi keutamaan kepada sesuatu kaum sahaja tanpa melihat kesannya kepada masyarakat Malaysia secara keseluruhannya sejajar dengan Gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang keenam. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula pada pukul 10.00 pagi pada hari Isnin 28 Jun, 2010.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.41 petang.